



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

---

Bil. 17

Selasa

11 Disember 2018

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2019

(Halaman 34)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

**Selasa, 11 Disember 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Md. Nasir bin Hashim** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, secara terperinci berkenaan dengan hutang-hutang peneroka FELDA. Ini kerana ada peneroka yang berhutang sehingga RM150,000.00.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hutang peneroka dikategorikan kepada tiga kategori iaitu hutang pembangunan kebun yang terdiri daripada hutang pembangunan asal dan pembangunan tanam semula. Hutang sosioekonomi terdiri hutang pinjaman pembesaran rumah, pinjaman saham FGV, skim insentif usahawan, pinjaman pelajaran tinggi dan pinjaman komputer dan hutang baja.

Semua hutang peneroka yang berkaitan bagi ketiga-tiga kategori ini dirumuskan dalam satu rumusan penyata hutang yang dikenali sebagai e-Penyata. Sekiranya peneroka mengambil semua kemudahan hutang berkenaan, peneroka akan mendapati bahawa hutang mereka boleh mencecah sehingga RM150,000 iaitu berdasarkan rekod FELDA hanya dalam lingkungan 20 peratus daripada keseluruhan peneroka.

Berdasarkan hutang peneroka di ketiga-tiga kategori di atas, hutang pinjaman pembangunan tanaman semula adalah penyumbang hutang terbesar hutang peneroka iaitu kira-kira 73 peratus.

Pembangunan tanam semula perlu dilaksanakan apabila ladang tidak lagi ekonomik iaitu pengeluaran hasil rendah dan perbelanjaan kos operasi tinggi. Daripada aspek fizikal, tanaman pokok sawit yang telah berusia 25 tahun di mana ketinggian pokok melebihi 40 kaki. Majoriti peneroka memerlukan bantuan FELDA untuk menanam semula disebabkan faktor

kewangan, kemahiran dan tenaga untuk melaksanakan kerja tanam semula. Namun tidak dinafikan terdapat juga sebahagian kecil peneroka yang berkemampuan untuk membuat penanaman semula dengan dana mereka sendiri.

Peneroka yang memilih untuk menanam semula dengan FELDA akan menyebabkan mereka berhutang kembali dengan FELDA. Di samping kos menanam semula dan kos penjagaan kebun, peneroka juga diberi pinjaman sara hidup dan pinjaman pendahuluan hasil bagi membiayai perbelanjaan harian semasa tempoh tanam semula ini.

Setelah berhasil dan telah dimuktamadkan jumlah hutang tanam semula, peneroka akan membuat bayaran kembali hutang tersebut sehingga selesai, sebelum melaksanakan tanam semula berikutnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Md. Nasir bin Hashim:** Tidak ada soalan tambahan daripada saya.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh saya menanyakan soalan tambahan, memandangkan tidak ada.

Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini saya membaca dalam kenyataan bahawa difahamkan Kertas Putih untuk FELDA tidak dapat dibentangkan atas alasan-alasan tertentu. Mungkin di kesempatan ini Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan supaya kami memahami. Bagi saya itu satu dokumen yang sangat pentinglah. Mohon sedikit penjelasan.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, seperti mana yang disebut, semalam Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan kenyataan bahawa demi memastikan keutuhan Kertas Putih FELDA, ia akan ditangguhkan pembentangannya sehingga ke sesi yang akan datang.

Apa yang berlaku ialah kita di peringkat akhir penyiapan Kertas Putih tersebut dan kita mendapat nasihat daripada Jabatan Peguam Negara kerana ada beberapa isu perundungan yang perlu diselesaikan. Jabatan Peguam Negara berpendapat, kita tangguhkan dahulu pembentangan ke sesi berikutnya.

Kementerian mengambil berat pandangan Jabatan Peguam Negara dan Yang Berhormat Menteri membawa isu ini ke Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri bersetuju supaya ia ditangguhkan. Oleh sebab ini satu dokumen penting seperti mana Yang Berhormat sebut. Jadi kita kena pastikan semua *angle*, dengan izin, diambil kira dan diperhalusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya berkenaan dengan hutang peneroka FELDA ini juga. Iaitu dalam janji Manifesto Pakatan Harapan ada disebut untuk memansuhkan hutang

bunga iaitu *interest* yang dikenakan, dengan izin, iaitu kalau tidak silap saya 6.25 peratus yang dikenakan. *Interest* ke atas pinjaman peneroka FELDA. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk memansuhkan *interest* yang dikenakan ini juga, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali seperti mana Yang Berhormat sebut, *interest* pada kadar 6.25 peratus, tetapi memandangkan peneroka tidak membayar daripada awal, dia tidak membayar terus. Dia bayar setelah selesai tanam semula dan sebagainya, *effective rate* sekitar 3.8 peratus.

Apa yang berlaku dalam FELDA pada hari ini, FELDA menghadapi satu isu kewangan yang amat meruncing. Inilah yang menyebabkan kita perlu melihat semula apa-apa yang disebut sebelum ini, kita perlu kaji semula dan seperti mana yang kita tahu, FELDA ini hutangnya pada bulan Jun 2018, hutangnya sebanyak RM8.025 bilion.

Kita kena faham, pada tahun 2012, apabila FGV disenaraikan, FELDA mendapat penilaian tersebut sekitar RM6 bilion. Pada tahun 2012 RM6 bilion, sekarang ini ada hutang RM8 bilion. Jadi RM14 bilion itu satu jumlah yang besar.

#### ■1010

Jadi itulah apa yang kita sedang lihat terutamanya dalam konteks Kertas Putih secara keseluruhan apa yang berlaku dalam FELDA. Seperti mana yang saya sebut tadi dalam keadaan sekarang FELDA terutamanya dalam tunai amat meruncing. Jadi kita kena faham apa yang dihadapi oleh FELDA sekarang dan pada hari ini. Kita sedar antara isu yang timbul saya mendapat maklum balas tentang elaun sara hidup contohnya kelewatan pembayaran elaun sara hidup dan FELDA sedang berusaha keras untuk menyelesaikan isu ini.

Ini memandangkan FELDA pada asasnya ketiadaan aset semasa apa yang berlaku ada aset-aset *property* atau harta tanah dan penjualan harta tanah ini mengambil masa. Ia tidak boleh di*liquidate*, dengan izin, seperti mana aset-aset semasa yang lain. Saya rasa itu dapat menjawab persoalan Yang Berhormat Senator sekian.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, dia tiada. Ada wakil dia?

**2. Puan Raj Munni binti Sabu** [Di bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)] minta Menteri Pendidikan menyatakan, perkembangan terkini mengenai komitmen kerajaan terhadap Perjanjian Marrakesh yang akan memberi akses kepada semua jenis bahan bacaan bagi golongan OKU penglihatan di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah terlibat dalam sesi dialog persediaan kemasukan Malaysia sebagai ahli di dalam *Marrakesh Treaty to Facilitate Access to Published Works for Persons Who Are Blind, Visually Impaired or Otherwise Print Disabled* 2013, dengan izin, pada 14 April 2018.

KPM telah diberikan tanggungjawab untuk diberikan maklumat mengikut teras-teras utama dalam *Marrakesh Treaty*. Teras-teras tersebut adalah seperti berikut:

- (i) penubuhan *Authorized Entity* di Malaysia;
- (ii) kerjasama antara *Authorized Entity* dan Persatuan Penerbit;
- (iii) kewujudan perpustakaan berpusat bahan bacaan boleh akses;
- (iv) polisi berkaitan *commercial availability requirement*;
- (v) polisi berkaitan *revolution requirement on creation of accessible for MacBook form commercial purpose*;
- (vi) sekatan import eksport bahan boleh akses;
- (vii) perluasan kaya bahan boleh akses termasuk filem ataupun video;
- (viii) definisi Orang Kurang Upaya di Malaysia;
- (ix) kebenaran oleh penerbit dalam mendapatkan karya boleh akses melalui undang-undang atau terma dan syarat;
- (x) *technological protection measure*, dengan izin, bahan boleh akses; dan
- (xi) had terjemahan diberikan kepada *authority entity*.

Sekian, Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, sila. Ada soalan tambahan, tiada?

**Puan Puan Bathmavathi Krishnan:** Ada soalan tambahan.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya hendak tanya sama ada apakah langkah-langkah persediaan yang dibuat sebelum Perjanjian Marrakesh ditandatangani? Contohnya, adakah kementerian berhubung dengan NGOs OKU penglihatan untuk tujuan ini? Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas sesi dialog persediaan kemasukan Malaysia sebagai ahli di dalam *Marrakesh Treaty* pada 14 April 2018, dua sesi perbincangan ataupun seminar telah dianjurkan iaitu pada 28 Ogos 2018 iaitu *National Seminar on the Implementation of Marrakesh Treaty in Malaysia*, dan juga pada 29 Ogos di mana satu mesyuarat tertutup bagi membincangkan isu-isu berkaitan *Marrakesh Treaty* berkaitan teras-teras perbincangan utama *Marrakesh Treaty* yang juga telah diadakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya agensi ataupun *the key body* yang untuk memastikan keahlian ataupun anggota Malaysia di dalam *Marrakesh Treaty* ini bukan KPM tetapi merupakan MyIPO. Ini kerana *Marrakesh Treaty* ini melibatkan ahli isu tentang harta intelektual. Oleh sebab itu MyIPO telah dipertanggungjawab untuk menjadi agensi yang utama dalam usaha untuk koordinasi untuk memastikan usaha kita supaya Malaysia boleh menjadi satu anggota kepada *Marrakesh Treaty* ini.

Jadi dari segi KPM kami dipertanggungjawabkan untuk menyediakan maklumat tentang teras-teras yang saya sebut semasa jawapan saya tadi. Kita mempunyai usaha-usaha lain di peringkat KPM untuk memastikan kita boleh memperbanyak bahan bacaan untuk golongan murid-murid yang mempunyai masalah penglihatan. Itulah jawapan saya setakat ini. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Lain tiada?

Sekarang saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman.

**3. Datuk Jamilah binti Sulaiman** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk menstrukturkan semula skim pencegah penjawat awam. Jika ya, apakah asas yang menyebabkan Kerajaan bertindak sedemikian.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat pagi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah atas pertanyaan yang diajukan berkenaan dengan skim pencegah bagi pesara-pesara awam terutamanya di bawah selenggaraan kerajaan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa komited dan berusaha untuk memastikan yang mana kepentingan kakitangan kerajaan dan kebijakan pesara-pesara sentiasa terpelihara melalui penggubalan dan pelaksanaan dasar serta faedah persaraan yang bersesuaian.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, faedah persaraan dan skim pencen yang kita adakan untuk penjawat awam merupakan satu keistimewaan dan penghargaan kerajaan kepada kakitangan awam yang telah mencurahkan hikmat dan bakti kepada negara. Kebajikan mereka akan terus dilindungi selari dengan peruntukan yang diberikan dalam Perlembagaan. Perkara 147, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan perlindungan hak-hak pencen bagi pegawai-pegawai dan pesara-pesara yang sedia ada.

Namun begitu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sehingga Oktober 2018 kerajaan menanggung seramai 824,235 penerima pencen dengan jumlah tanggungan dr daripada Januari hingga Oktober 2018 sebanyak RM24 bilion. Walaupun dengankekangan kewangan yang dihadapi oleh kerajaan pada masa ini, pihak kerajaan memberi jaminan bahawa segala bentuk penstrukturran dengan kajian terhadap faedah persaraan dan skim pencen penjawat awam ini tidak akan memberi kesan kepada faedah persaraan dan kemudahan yang sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, penstrukturran skim pencen sekiranya dilaksanakan, hanya akan melibatkan pegawai-pegawai lantikan baharu sahaja. Ia tidak akan melibatkan penjawat awam yang telah menerima pencen, dan tidak akan menjelaskan segala kemudahan dan faedah yang telah mereka nikmati selama ini.

Pada masa sekarang, kajian penstrukturran pencen masih dilaksanakan dan masih belum dimuktamadkan. Kerajaan juga sentiasa terbuka kepada sebarang cadangan dalam usaha untuk mencari formula terbaik di dalam menangani perkara begini. Ia adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan kebijakan dan kepentingan penjawat awam terus dijaga dan dipelihara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Jamilah binti Sulaiman:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah memberi satu jawapan yang begitu jelas. Namun saya ingin mengemukakan satu soalan iaitu, bilakah kiranya kajian ini dijangka selesai dan boleh bentangkan. Ini penting supaya setiap pegawai kerajaan dapat merancang untuk masa depan mereka dengan lebih teliti. Terima kasih

■1020

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan sedang menjalankan kajian bagi memperkasakan perkhidmatan awam yang mana penstrukturran semula skim pencen

penjawat awam ini juga dijalankan secara bersekali dengan kajian tersebut. Kajian ini dijangka akan mengambil masa selama dua tahun bermula daripada 2019.

Berbalik kepada kenyataan Yang Berhormat tadi, kita amat prihatin yang mana negara kita dalam untuk memastikan bahawa kedudukan fiskal yang sentiasa mampan. Skim pencen ini perlu ditambah baik dan diperbaharui jika perlu. Kita tidak terkecuali daripada *global trend*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang mana golongan populasi kita adalah golongan populasi yang kalangan golongan yang 65 tahun ke atas itu semakin bertambah.

Ini sentiasa menambahkan bebanan bagi golongan-golongan yang bekerja daripada 15 hingga 60 tahun di Malaysia. *Our population are increasing* dengan *life expectancy* yang bertambah. Jadi, dengan itu kita perlu melihat, bagaimakah cara yang terbaik untuk memastikan bahawa *the ageing population* ini, dengan izin, sentiasa dilindungi, kebijakan mereka dan sentiasa dijaga.

Skim pencen yang diwujudkan oleh kerajaan sama ada melalui skim pencen yang tanpa caruman ataupun KWSP merupakan satu simpanan bagi penjawat-penjawat awam, bagi pekerja-pekerja untuk hari tua. Kita lihat bahawa adalah amat penting yang mana even daripada umur yang awal lagi kita sentiasa beringat akan hari di masa hadapan. Kita ingin mengingatkan bahawa perlulah ada satu simpanan yang tetap untuk memastikan satu kedudukan ekonomi yang terjamin apabila mereka bersara kelak.

Ada kalanya, kita lihat terutamanya bagi golongan-golongan tua yang sudah bersara, di mana ada kalanya wang KWSP itu sebagai contoh digunakan bukan untuk perbelanjaan mereka pada jangka masa panjang. Ada kalanya, apabila mereka dapat mengeluarkan wang tersebut dalam masa beberapa bulan sahaja wang ini telah pun habis. *This is something* yang memang sebenarnya disimpan sekian lama semasa bekerja untuk diguna pakai pada hari-hari tua dan kita ingatkan perkara ini tidak sepautnya berlaku. Selain daripada itu, kita hendak lihat bagaimana dengan bebanan yang diberi dengan *ageing population that we have*, bagaimana kita ingin meringankan lagi ataupun menambahbaikkan sistem pencen.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan terdahulu telah pun mencadangkan beberapa benda yang mungkin tidak popular seperti *increasing the retirement age*, dengan izin ataupun satu benda yang dijalankan oleh kerajaan pada masa ini adalah untuk mengembalikan semula golongan wanita ke alam pekerjaan. Ini kerana pada masa ini, pada 2017 hanya 54.5 peratus golongan wanita kita berada di alam pekerjaan. *We are losing quite a large portion of a workforce* yang sebaliknya boleh menambahkan lagi produktiviti negara.

Jadi, banyak inisiatif yang telah dilakukan untuk memastikan bahawa mereka kembali dan bersama-sama menyumbang ke arah produktiviti peningkatan ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, jika sekiranya kerajaan ingin menghapuskan skim pencen, adakah ia melibatkan penjawat awam yang sedang berkhidmat dan mempunyai status perkhidmatan tetap dan berpencen? Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya berbalik kepada kenyataan awal tadi yang mana bahawa penjawat-penjawat awam, pesara-pesara kerajaan terlindung di bawah Perlembagaan melalui Perkara 147 berkenaan dengan pencen ini. Saya berbalik juga pada kenyataan, jika sebarang pembaharuan ataupun sebarang penambahbaikan kepada skim pencen ini kita tidak hapuskan. Kita kena sediakan satu simpanan kepada penjawat-penjawat awam sebagai pencen untuk perbelanjaan kepada hari selepas pekerjaan, pada hari tua. Jadi, ia sama sekali tidak dihapuskan.

Apa yang kita hendak lihat bagaimana *to make it sustainable*. Jadi, sama ada caruman selain daripada caruman KWSP, kita ingin mulakan caruman yang lain sebab selama ini kita ada dua. Satu, KWSP dan satu lagi skim pencen. Skim pencen ini ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dan daripada segi jumlah yang kita tanggung tahun ke tahun memang semestinya ia meningkat pada kadar dalam tujuh hingga 10 peratus. Jika kita lihat sebelum ini pada tahun 2014, peningkatan itu tinggi sebab ada penstrukturran semula penggajian.

Jadi, apa yang kita hendak lihat adalah mewujudkan satu *environment*, satu skim pencen yang *sustainable* yang boleh menjaga kebajikan penjawat-penjawat awam pada masa akan datang. Saya berbalik kepada kenyataan tadi, sebarang perubahan akan hanya melibatkan lantikan yang baharu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu berkenaan dengan ulang kaji skim yang sedia ada untuk *make it sustainable*. Soalan saya, adakah kerajaan menimbang model yang digunakan di negara-negara yang lain? A *contributory*. Sistem sekarang dia *noncontributory*, sama ada itu salah satu aspek. Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik:** Terima kasih pada Yang Berhormat. Semestinya yang saya katakan tadi, salah satu pertimbangan yang diambil kira oleh kerajaan adalah untuk melihat kalau kita mengadakan satu sistem *contributory* yang mana selain daripada KWSP, itu kalau sebelum ini dalam KWSP pekerja mencarumkan sebanyak 11

peratus dan bertambah dengan lagi caruman yang diberikan oleh majikan. Mungkin ada mekanisme yang boleh kita guna pakai untuk memastikan penjawat awam sama-sama contribute untuk skim pencen ini. Sebab, saya hendak balik kepada perbelanjaan tadi pada 2018, kita membelanjakan RM24 bilion. Pada 2017, sebanyak RM21.8 bilion dan ini adalah menunjukkan peningkatan yang konsisten daripada tahun ke tahun.

Jadi, kita terpaksa, kerajaan terdahulu pun mengalami perkara ini dan kita tahu. *This is not something* yang popular yang kita boleh. Akan tetapi, adalah satu benda yang kita kena buat *decisions*. Kena buat untuk memastikan bahawa kebijakan penjawat-penjawat awam apabila mereka memasuki alam persaraan akan sentiasa terjaga dan kita dalam generasi yang mana *our life expectancy*, dengan izin, *are increasing*. Golongan generasi *the ageing population* ini bertambah. Jadi, perkara ini adalah satu benda yang *we had to face*, dengan satu perbincangan yang konstruktif dan kita juga membuat satu keputusan demi kebaikan untuk semua.

Sebarang sebelum perubahan itu dibuat, semestinya kerajaan akan memberikan penerangan yang sewajarnya kepada seluruh penduduk. Ini kerana ia mengambil- *it's actually affecting everyone* terutama yang berada di dalam perkhidmatan awam di negara kita. Sekian, terima kasih.

**4. Dato' Sri Ti Lian Ker** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, adakah kerajaan baharu telah mengenal pasti aset-aset kerajaan yang menjadi tarikan pelancong dan apakah kementerian mempunyai dasar dan hala tuju baharu dalam memperkuuhkan lagi status pelancongan negara memandangkan ia adalah satu sektor yang banyak menyumbang kepada pendapatan negara.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Mohamaddin bin Ketapi]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengambil pelbagai inisiatif bagi mengenal pasti produk pelancongan di seluruh negara yang merupakan aset bagi Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia.

Antara inisiatif tersebut adalah mengenal pasti 60 kluster ekopelancongan di seluruh negara yang berpotensi untuk dimajukan sebagai destinasi ekopelancongan terkemuka dunia. Melalui Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2016 hingga 2025. Pelbagai khazanah negara telah dikenal pasti di sepanjang kluster ini yang boleh dipromosikan secara bersepadu

dan menggalakkan pelancong untuk menginap lebih lama seperti Tapak Warisan Arkeologi Lembah Lenggong, di Perak, Taman Negara Pahang, Taman Negara Gunung Mulu dan Taman Negara Niah di Sarawak, Taman Kinabalu Lembah Danum dan Maliau Basin di Sabah.

### ■1030

Kedua, mencalonkan lebih banyak tapak warisan yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai tapak warisan dunia atau *World Heritage Site UNESCO* seperti:

- (i) Taman Botani FRIM di Selangor;
- (ii) Permatang Kuarza di Gombak, Selangor; dan
- (iii) Taman Negara Royal Belum di Perak.

Ketiga, mewartakan objek-objek warisan seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan Masjid Ubudiyah Kuala Kangsar di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] untuk tujuan pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan.

Selain itu, kementerian ini juga telah mengenal pasti enam tema utama berdasarkan Pelan Strategi Pelancongan Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) sebagai pemangkin bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu seramai 30 juta orang pelancong dengan RM100 bilion pendapatan pelancongan menjelang tahun 2020. Enam tema ini adalah seperti berikut:

- (i) *Affordable Luxury*;
- (ii) *Culture, Arts and Heritage*;
- (iii) *Nature Adventure*;
- (iv) *Niche Areas*;
- (v) *Events, Entertainment and Spa*; dan
- (vi) *Businesses Tourism*.

Pada masa yang sama, kementerian melalui *Tourism Malaysia* memberikan penekanan kepada pemasaran digital menerusi peningkatan program Pemasaran Taktikal Secara Digital dengan kerjasama agensi-agensi pelancongan, syarikat-syarikat penerbangan dan *online travel agent* (OTA) seperti *Trip Advisor*, *Traveloka* dan *Expedia*.

Bagi meningkatkan publisiti Malaysia di mata dunia, *Tourism Malaysia* akan meningkatkan kerjasama dengan pelbagai *search engine* seperti *Google* dan *Yahoo* serta kempen di platform *social media* seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* dengan meningkatkan program Lawatan Suai Kenal Mega *Familiarization*, dengan izin, yang melibatkan penyertaan, dengan izin, *key-opinion leaders* (KOL), *bloggers*, *social media*, *influencers* dan selebriti yang terkenal daripada pasaran terpilih.

Sukacita juga saya membentangkan tentang fokus utama bagi pasaran persiaran *Visit Malaysia 2020* adalah pasaran jarak dekat seperti negara-negara ASEAN dan pasaran-pasaran jarak sederhana seperti China, India, Jepun, Korea, Australia dan negara Eropah seperti Jerman dan *United Kingdom* juga pasaran Timur Tengah. Usaha-usaha ini bertujuan untuk memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pilihan utama pelancongan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab mengenai dasar dan hala tuju kementerian ini di bawah kerajaan baharu, kementerian mengambil pendekatan dengan meneruskan serta menambah baik segala dasar-dasar sedia ada yang membawa faedah dan memberi nilai tambah kepada rakyat dan negara. Di samping itu, kementerian pada masa ini sedang merangka Dasar Pelancongan Negara dan Dasar Kebudayaan Negara yang masih di peringkat perbincangan yang melibatkan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan. Dasar-dasar baharu ini dijangka akan dibentangkan pada tahun hadapan.

Sehubungan dengan itu, pihak kementerian juga mengalu-alukan sebarang idea, pendapat dan buah fikiran oleh Yang Berhormat Senator dalam memastikan sektor pelancongan seni dan budaya kita diperhebatkan, diperkembangkan juga dan dikagumi di mata dunia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Tuan Yang di-Pertua, semestinya yang pihak baharu biasanya berniat baik. Akan tetapi kadangkala yang baharu itu tidak baik. Antaranya kerajaan telah memperkenalkan levi pelepasan dan levi pelepasan ini semestinya akan mengurangkan trafik dan seterusnya akan juga mengurangkan kemasukan pelancongan.

Jadi untuk mengimbangkan pendapatan yang akan diambil oleh kerajaan, apakah kutipan levi-levi ini akan digunakan untuk memanfaatkan sektor pelancongan dan bagaimana ia akan digunakan?

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Tuan Yang di-Pertua, tidak semestinya langkah lama itu baik... [Dewan ketawa] Ada yang baik ada yang tidak baik. Semestinya langkah baharu ini mempunyai idea yang baharu, yang terlebih baik daripada yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah memperkenalkan cukai- kita ada *tourism tax* yang dibahagikan kepada 50 peratus kepada setiap negeri. Ini dia yang baik. Satu daripada dia kita punya lagi *departure tax*. *Departure tax* ini untuk memberi pembangunan dan menolong menjana pendapatan negara demi kepentingan rakyat. Ini yang terbaik. Tidaklah guna juga lama kalau tidak boleh mendatangkan faedah kepada rakyat Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih. Ini jawapan saya.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya minta laluan. Saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi berkenaan dengan pelancongan dan strategi yang akan datang untuk negara ini. Saya ingin bertanya satu perkara kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan bagaimana memperkembangkan lagi destinasi tambahan untuk ekopelancongan di Sabah, contohnya Gunung Trusmadi.

■1040

Oleh sebab apa yang telah berlaku selepas Taman Kinabalu ataupun Gunung Kinabalu itu diwartakan sebagai UNESCO, *World Heritage Site*, sudah tentunya pengurusan dia lebih *stringent* ataupun mereka mempunyai *limit, carrying capacity*, dengan izin, untuk memastikan bahawa tidak terlalu ramai pelancong di Gunung Kinabalu. Jadi, apa yang berlaku adalah banyak pelancong tidak mampu ataupun tidak dapat naik Gunung Kinabalu. Akan tetapi ada gunung kedua tertinggi di Malaysia iaitu Gunung Trusmadi. Akan tetapi malangnya saya belum nampak bagaimana strategi kerajaan untuk mempromosi Gunung Trusmadi itu sebagai salah satu daripada destinasi pelancongan, *ecotourism* khasnya untuk negeri Sabah. Boleh minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih Yang Berhormat yang memberi soalan tambahan. Gunung Kinabalu di Sabah, mengemukakan soalan tambahan ini Yang Berhormat daripada Sabah. Yang menjawab ini Menteri daripada Sabah. Kalau banyaklah saya cerita tentang apa yang saya mahu buat untuk Sabah ini tetapi malangnya saya ini Menteri Kerajaan Persekutuan. Saya mesti berlaku adil kepada semua negeri. Akan tetapi buatlah secara sulit Yang Berhormat...

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Jumpalah sama saya, berceritalah kita dua, apa untuk Sabah. Itu jawapan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Masalah dia untuk naik Gunung Kinabalu ini, orang tidak sampai di atas kerana mungkin dia berpenyakit dan tidak boleh naik kerana gunung itu tinggi. Jadi hanya orang yang sihat saja boleh naik. Untuk menarik pelancong banyak, saya rasa di sekitar Gunung Kinabalu ini memang banyak tarikan.

Akan tetapi kita dua runding-runding sajalah Yang Berhormat kerana ini- itu saja saya bilang, mengemukakan daripada Sabah, menjawab ini daripada Sabah. Kalau banyak saya cerita, nanti orang fikir, ini Menteri Sabah, dia fikir Sabah saja. Akan tetapi saya ini Menteri

*Federal.* Jadi nanti jumpa-jumpa Yang Berhormat, orang Sabah bilang, *kupi-kupi* dulu. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Soalan tambahan saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu tentang produk pelancongan agama, pendidikan dan perubatan yang nampaknya tidak di popular ataupun tidak dipromosikan. Saya ingin tahu bagaimana kedudukan produk pelancongan ini. Terima kasih.

**Datuk Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih soalan tambahan. Kita ada *tourism medical* tetapi untuk menjawab produk pelancongan agama, Yang Berhormat ‘Tuan Haji’, saya panggil Yang Berhormat “Tuan Haji”- mungkin saya kurang arif tentang produk pelancongan agama ini. Jadi saya sebetulnya tidak mempunyai detil yang penuh di dalam tangan saya, jadi saya meminta kalau boleh menjawab secara bertulis dengan penuh *details* kepada Yang Berhormat. Kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, betul.

**Tuan Mohamaddin bin Ketapi:** Terima kasih.

**5. Puan Raj Munni binti Sabu** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) senarai negara dan jenis import bahan makanan yang Malaysia bergantung kepadanya; dan
- (b) langkah-langkah kementerian bagi mengurangkan pergantungan import bahan makanan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni.

Saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Hussain bin Awang dan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing bertarikh 17 Disember 2018 kerana menyentuh isu yang sama iaitu berkaitan jaminan sekuriti makanan negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah import agromakanan negara untuk tahun 2017, jumlah import adalah RM51.268 bilion. Jumlah eksport adalah RM31.772 bilion. Maka defisit adalah sebanyak RM19.495 bilion. Untuk jumlah keperluan pertanian, contohnya baja, ubat-ubatan, racun serangga dan sebagainya, jumlah import adalah RM7.167 bilion. Jumlah eksport adalah RM4.982 bilion, defisit RM2.184 bilion.

Maka kementerian dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani rasa tidak berpuas hati kerana jumlah import defisit yang begitu tinggi dan keadaan ini agak serius berbanding tujuh tahun yang lalu. Kalau kita tengok perbandingan jumlah import dan eksport agromakanan 2010 hingga 2017.

Daripada tahun 2010, defisit import adalah RM12.4 bilion, 2011 RM14 bilion, dia naik kepada RM14 bilion, 2012 naik kepada RM15.5 bilion, 2013 RM16.8 bilion defisit, 2014 RM17 bilion, 2015 RM18 bilion, 2016 turun sedikit kepada RM16.5 bilion. Akan tetapi 2017 naik semula kepada RM19.5 bilion. Maka kenaikan itu berbanding kepada 2010, telah naik 57 peratus. Meningkat secara konsisten. Jadi ini adalah satu trend yang agak membimbangkan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, antara negara sumber import bahan makanan utama negara pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

- (i) Argentina- bahan makanan dan ternakan dan total nilai import adalah RM3.3 bilion;
- (ii) New Zealand dan Australia- hasil tenuusu. Nilai import RM2.4 bilion;
- (iii) India- daging dan sediaan daging RM1.7 bilion;
- (iv) Thailand dan Vietnam- Beras, RM1.1 bilion; dan
- (v) *United States of Amerika, South Africa and Australia-* buah-buahan *temperate* seperti anggur, oren, epal dan avokado RM456 juta.

Jadi ini adalah isu yang kita hadapi. Antara langkah-langkah yang disediakan bagi meningkatkan jaminan sekuriti makanan negara serta mengurangkan kebergantungan import adalah seperti berikut, iaitu pertama, meningkatkan populasi ternakan ruminan melalui pelaksanaan projek ladang satelit dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan bagi mengurangkan import daging dan sediaan daging.

Manakala bagi hasil tenuusu, kerajaan sedang membangunkan lima Lembah Tenuusu dengan menysarkan tambahan susu segar sebanyak 20 juta liter dalam tempoh lima tahun. Antara projek yang dilaksanakan adalah Lembah Tenuusu Muadzam Shah sebagai projek rintis industri tenuusu selain projek rintis di kawasan Pekan, Rompin, Kuantan, Segamat Johor dan Gemencheh, Negeri Sembilan.

Dan kedua, mempergiatkan pembangunan empat kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (AIDA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah yang sebelum ini telah diluluskan sebagai Jelapang Padi negara yang baru.

**■1050**

Dengan pembukaan empat kawasan baharu ini berserta inisiatif-inisiatif lain seperti penggunaan *variety* padi sah baharu yang berhasil tinggi dan rintang penyakit.

Ketiga, membangunkan industri jagung bijirin dengan memulakan tanaman secara rintis di beberapa buah negeri antaranya Kedah dan Terengganu. Kerajaan juga merancang untuk mengurangkan nilai import jagung bijirin sebanyak 10 peratus menjelang tahun 2023.

Keempat, meningkatkan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan *tropical* melalui pelaksanaan projek pembangunan kluster tanaman, projek tanaman semula buah-buahan terpilih, projek bantuan peningkatan hasil sayur-sayuran dan sebagainya.

Kelima, menjalankan aktiviti penyelidikan dan teknologi bagi mempercepatkan pengeluaran hasil tanaman buah-buahan tidak bermusim dan memastikan bekalan sentiasa mencukupi.

Keenam, meremajakan sektor pertanian seperti mempergiatkan Program Agropreneur Muda dan Pembangunan Usahawan Asas Tani bagi menggalakkan penyertaan usahawan muda dalam bidang pertanian.

Ketujuh, pembangunan infrastruktur pertanian seperti penyediaan prasarana kemudahan logistik dan pengangkutan bagi membantu aktiviti pengumpulan hasil dan permasalahan seperti pasar tani dan nelayan, pusat pengumpulan dan pengedaran serta lori sejuk beku. Sekian terima kasih.

**Puan Raj Munni binti Sabu:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, rakyat Malaysia selalu berbangga dengan kedudukan negara kita sebagai syurga makanan. Akan tetapi kebanyakan bahan makanan itu adalah diperoleh daripada import. Kita pun melihat bahawa sumbangan pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar agak rendah berbanding dengan sektor-sektor yang lain. Pergantungan kita kepada import bahan makanan pun sangat tinggi yang akan mendedahkan kita kepada soal keselamatan negara dan juga keselamatan jika berlaku perang sebagai contohnya.

Justeru, soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua adalah sebenarnya apakah kekangan yang menyebabkan projek pembekalan sumber makanan utama kepada negara ini yang tidak dapat diusahakan dengan baik dan tidak dapat memenuhi keperluan rakyat negara kita? Adakah ia disebabkan oleh faktor kerana tidak cukupnya kekuatan di peringkat kementerian pertanian sendiri untuk menjalankan kerja-kerja yang sebenarnya begitu besar? Ataupun mungkin adakah kita kekurangan kemahiran dan tiada teknologi bagi industri pertanian?

Ini kerana kita pun tahu Universiti Pertanian Malaysia pun sudah tidak ada. Ataupun mungkin kerajaan yang selama ini pun mungkin daripada dahulu ada akan tetapi tidak memberikan sokongan. Adakah ianya disebabkan oleh faktor kerajaan itu sendiri tidak mempunyai dukungan terhadap sektor pertanian ini? Ataupun adakah ia berpunca daripada rakyat kita sendiri tidak berminat untuk menjadi salah satu penggerak penting untuk mengusahakan sektor pertanian negara kita? Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya rasa apa yang Senator hujahkan tadi lebih kurang betul kebanyakannya secara keseluruhan. Jadi *theoretically* atau secara dasarnya pertanian itu memerlukan empat faktor yang penting. Satu, tanah; kedua, modal atau *investment*; ketiga, tenaga manusia; dan keempat, teknologi.

Kita tahu bahawa tanah di Malaysia ini walaupun mencukupi tetapi sebenarnya tidak mencukupi kerana kita tahu bahawa kerana perebutan tanah dan ada yang kerana pembangunan seperti pembangunan industri dan pembangunan perumahan. Maka tanah pertanian semakin berkurang. Begitu juga kerana tanah daripada satu generasi kepada satu generasi dia menjadi tanah terbiar pertanian. Ada yang kerana generasi anak atau cucu tidak mahu mengerjakan tanah pertanian. Maka dia dibiarkan. Jadi isu-isu ini sangat serius dari segi tanah. Kerajaan negeri pun kurang memberi perhatian kepada tanah pertanian. Tidak memberi tanah yang secukupnya sebagai tanah pertanian. Maka tanah pertanian semakin merosot.

Kedua *investment*. Warga Malaysia atau- saya menyeru supaya kita memberi tumpuan semula kepada *investment* atau modal dalam pertanian kerana kita tahu bahawa pertanian mempunyai potensi yang sangat banyak dan sangat besar. Selama ini Malaysia memberi *investment* kepada perindustrian, kepada *services sector*, pelancongan dan sebagainya. Kini tiba masanya untuk *we look at Malaysia as an investment place for agriculture*. Bukan sahaja daripada luar negara tetapi juga dalam negara, *domestic investment*. Ini kerana saya menggalakkan supaya orang muda atau sesiapa melabur dalam pertanian walaupun kecil, besar atau sederhana itu akan membantu meningkatkan *yield* ataupun hasil daripada pertanian.

Ketiga isu tenaga manusia kerana tenaga manusia sekarang ramai *aging farmers*. Petani telah semakin meningkat usia mereka, dan anak tidak berminat. Saya nampak bahawa ini adalah isu global kerana kita pergi ke mana-mana tempat, isu yang sama dibincangkan dari segi *aging farmers*. Maka, ada keperluan untuk menarik orang muda.

Kita ada Program Agropreneur Muda dan kita pun hendak fokus kepada siswazah. Mahasiswa yang graduan tetapi masih belum mendapat pekerjaan dilaporkan ada lebih

kurang 200,000 orang. Mereka mempunyai potensi. Mereka harus masuk ke dalam pertanian kerana potensi yang cukup besar. Ramai agropreneur muda *make it to millionaire*. Ini kita hendak menarik siswazah atau mahasiswa untuk masuk ke dalam sektor pertanian.

Akhirnya adalah teknologi. Ini kerana masa depan kita perlu ada teknologi yang tinggi untuk meningkatkan hasil dari segi *variety* padi atau *variety* sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya perlu ada teknologi yang tinggi. Begitu juga cara penanaman itu boleh menghala ke teknologi dan *harvesting* pelbagai *automation* boleh digunakan. Jadi daripada segi *combine* empat faktor ini saya rasa kita boleh meningkatkan hasil pertanian kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan begitu *detail* dan memahami dan menjiwai sektor pertanian dan menggalakkan orang muda dalam pertanian satu perkara baharu.

Akan tetapi soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab dan ada menyatakan bahawa jutaan dan *bilion of Ringgit* telah melibatkan pembelian ataupun import makanan daripada luar negara. Kita lihat ini akan menjelaskan daripada segi *security* ataupun jaminan makanan di negara kita sebab kebergantungan kita dari negara luar. Kita tahu banyak dasar telah dilaksanakan sebelum ini seperti mana dasar agromakanan negara yang telah dibuat sepanjang tempoh tahun 2011 ke tahun 2020 dan juga Dasar Pertanian Negara.

Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah keberkesanan dasar-dasar yang dilaksanakan ini? Oleh sebab kalau kita tengok dasar agromakanan negara sudah hendak hampir tamat ke tempohnya. Ini tahun 2018, lagi dua tahun, tahun 2020, dan masih lagi jutaan Ringgit dan juga banyak jumlahnya yang kita import makanan. Maka tadi banyak langkah-langkah yang digariskan oleh kerajaan. Maka persoalan saya sejauh manakah keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan dan langkah-langkah ini diambil bagi mengatasi masalah *food security* di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah yang menanyakan soalan yang sangat bagus kerana kita tahu bahawa sesuatu rancangan negara kita perlu kaji balik, kaji selidik. Adakah ia berkesan atau tidak berkesan. Setakat ini kita dalam perancangan untuk menyediakan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

**■1100**

Jadi kita akan kaji balik keberkesanan dasar-dasar tersebut dan saya pun setuju bahawa ada keperluan untuk kita memastikan *food security* untuk negara kita. Itu sebab kerajaan melabur atau memberi insentif atau subsidi yang sangat tinggi kepada dua sektor iaitu sektor padi beras dan juga sektor perikanan kerana kita tahu bahawa itu adalah yang sangat penting untuk memastikan *food security* untuk negara. Untuk sektor-sektor makanan yang lain kita juga memberi bantuan insentif dan sebagainya untuk membantu meningkatkan *security* makanan kita.

Untuk makluman Dewan yang ini, tafsiran *security* makanan atau *food security* oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu- *United Nations*, ketika *World Food Summit* pada tahun 1996 telah digunakan secara meluas. FAO mendefinisikan *security* makanan sebagai setiap orang mempunyai akses fizikal dan ekonomi kepada ketersediaan, keselamatan dan nutrisi makanan pada setiap masa yang memenuhi keperluan diet dan keutamaan makanan untuk kehidupan yang aktif dan sihat. Oleh yang demikian, *security* makanan sesebuah negara akan terjamin apabila empat komponen tersebut dipenuhi iaitu:

- (i) ketersediaan atau *availability* bekalan makanan bagi memenuhi permintaan;
- (ii) *accessibility* iaitu capaian fizikal terhadap bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehnya atau *affordability*;
- (iii) keselamatan dan khasiat atau *safety and nutrition*, di mana bekalan makanan perlu dipastikan selamat dan berkhasiat; dan
- (iv) kestabilan atau *stability* iaitu bekalan makanan boleh diperoleh pada setiap masa.

Daripada segi *Global Food Security Index* tahun 2018, Malaysia sekarang berada di tangga ke-40 daripada 113 buah negara mengikut *The Economist Intelligent Unit*, kajian GFSI iaitu *Global Food Security Index* pada tahun 2018. Jadi, kita Malaysia masih mengekalkan kedudukan sebagai negara kedua terbaik di Asia Tenggara selepas Singapura dan berbanding dengan negara-negara yang dikenali mempunyai kemajuan sektor pertanian seperti Thailand yang berada di kedudukan ke-54, dan Vietnam di kedudukan ke-62. Maka boleh dikatakan Malaysia masih dalam keadaan yang memuaskan dari segi *Global Food Security Index*. Terima kasih.

6. **Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, apakah program yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan semangat patriotisme dan sayangi negara.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Penyiaran Malaysia ataupun RTM dan Jabatan Penerangan Malaysia ataupun singkatannya JPEN, sentiasa melaksanakan peranan pemasaran maklumat berkaitan kewarganegaraan dan dasar-dasar kerajaan agar dapat difahami dan dihayati oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, program yang dirancang rapi adalah berdasarkan pendekatan, dengan izin, *advocacy engagement* dan juga *outreach* ke seluruh negara yang dilaksanakan menerusi semua stesen televisyen dan radio RTM serta 15 Jabatan Penerangan Negeri dan 149 Jabatan Penerangan Daerah di seluruh negara bagi memastikan penglibatan penuh rakyat terhadap dasar dan program yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, antara program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun adalah pelancaran Bulan Kebangsaan Hari Malaysia, Kempen Jalur Gemilang, Pewaris Muda, Apa Kata Anak Malaysia, pengisahan kewarganegaraan, Sketsa Rukun Negara dan sebagainya. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut, pertama, Program Merdeka Komoditi yang melibatkan *engagement* terus kepada rakyat yang mengandungi nilai-nilai patriotisme kepada rakyat. Dalam program ini Tuan Yang di-Pertua, antara komponennya adalah ceramah dan juga pameran kenegaraan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, Kembara Merdeka Jalur Gemilang. Tuan Yang di-Pertua, program ini ialah program jelajah seluruh negara untuk menyemarakkan semangat pengibaran Jalur Gemilang melalui konvoi motosikal yang berkuasa tinggi dan unit bergerak jabatan. Ia melibatkan sehingga sekarang 149 aktiviti dan ia kira memanfaatkan seramai 400,047 orang. Ketiga, Program Jalinan Kasih Rakan Strategik yang melibatkan pelbagai kaum iaitu program yang menyantuni rakyat Malaysia yang kurang berkemampuan terutamanya di kawasan pedalaman dan juga di luar bandar.

Keempat, Program *Caring Bridge* yang melibatkan lima aktiviti yang memanfaatkan kiranya seramai 215,000 orang. Tuan Yang di-Pertua, program ini adalah program pameran dan perkhidmatan oleh agensi-agensi kerajaan kepada masyarakat terutamanya mereka yang tidak terhubung.

Kelima, Program *Engagement and Outreach* Rakan Strategik yang melibatkan sehingga sekarang 167 aktiviti yang dikira memanfaatkan seramai 42,000 orang. Tuan Yang di-Pertua, Program Sepakat Komuniti ini dilaksanakan di 1,500 komuniti di seluruh negara.

Seterusnya, selain daripada program-program ini kita ada program-program bual bicara bersama tokoh-tokoh negara yang berbentuk *talk show* di mana kita membincangkan semangat patriotisme negara yang melibatkan tokoh-tokoh negara. Antaranya Tuan Yang di-Pertua, adalah program *Selamat Pagi Malaysia* dan juga *Forum Perdana*. Kemudian, kita ada program dokumentari dan rencana-rencana kemerdekaan yang ada di bawah seliaan RTM. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2019 kementerian melalui agensi-agensi di bawahnya telah merancang untuk melaksanakan pameran kenegaraan di 15 lokasi seluruh negara.

Kementerian juga dalam aspek untuk menyemarakkan semangat patriotik turut merancang melaksanakan *engagement* dengan generasi muda melalui program-program seperti berikut. Pertama, kita ada Program Kelab Malaysiaku di 840 tempat di seluruh negara melalui program kemerdekaan dan patriotisme.

Kedua, Program Pewaris Muda Negara yang bersifat program Tuan Yang di-Pertua, *engagement* kenegaraan dengan pemimpin-pemimpin mahasiswa universiti awam dan swasta di seluruh negara.

Kemudian kita ada Sketsa Rukun Negara yang merupakan program *engagement* Tuan Yang di-Pertua, yang bersifat kenegaraan dengan pelajar sekolah menengah melalui aktiviti-aktiviti Pertandingan Sketsa Rukun Negara.

Seterusnya Pertandingan Pidato Kenegaraan dan Pertandingan Pengisahan Kenegaraan di seluruh negara. Ini Tuan Yang di-Pertua adalah program pertandingan patriotik yang melibatkan penyertaan golongan muda berumur 18 tahun ke atas. Melibatkan penghayatan ke atas perjuangan tokoh-tokoh negara dan peristiwa bersejarah negara yang di zahirkan secara pidato dan juga pengisahan.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita ada Kem Aspirasi yang melibatkan pemimpin-pemimpin pelajar. Program ini adalah program perkhemahan yang melibatkan pelajar-pelajar yang menjadi Ahli Kelab Malaysiaku di seluruh negara.

Pengisiannya melibatkan aktiviti yang disebutkan sebagai dengan izin *team building*, bina semangat dan juga Tuan Yang di-Pertua, pembelajaran silang budaya serta ceramah dasar-dasar kerajaan.

Kemudian kita ada Apa Kata atau Program Apa Kata Anak Malaysia yang berbentuk program forum membincangkan mengenai isu-isu kenegaraan, patriotisme, dan perpaduan dan pesertanya terdiri daripada mahasiswa universiti awam dan juga universiti swasta.

Kemudian kita ada diskusi berkenaan dengan Demokrasi Berparlimen di universiti awam dan juga swasta.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah program-program yang berbentuk debat ala Parlimen yang akan dikendalikan sendiri oleh mahasiswa universiti awam dan swasta dengan tujuan untuk meningkatkan pemahaman mereka berhubung dengan sistem demokrasi berperlembagaan di dalam negara kita.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga sentiasa menerbitkan bahan-bahan penerbitan dasar-dasar kerajaan dan juga input-input kenegaraan serta perpaduan di antara kaum untuk edaran orang ramai dalam beberapa bentuk.

Pertamanya, kita ada buku berkala iaitu buku sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia untuk setiap tahun. Kemudian, kita ada buku kecil yang merupakan buku-buku berkaitan dengan Program Sayangi Malaysia, Detik-detik Perpaduan dan juga Rukun Negara, Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1110

Kemudian, kita ada *Coffee Table Book* yang berkaitan dengan Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Kita ada majalah yang berbentuk fokus Malaysia, buletin dan juga kita melancarkan apa yang dikenali Tuan Yang di-Pertua sebagai *Digital Book*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapannya yang sangat meluas dan saya puas hati dengan jawapan. Rupa-rupanya banyak sungguh program-program. Cuma kita yang tidak sedar dan saya sendiri pun tidak sedar bahawa begitu banyak sekali program untuk membangkitkan semangat patriotisme. Cuma pada pengamatan saya, golongan remaja ini masih lagi rendah tahap semangat patriotisme mereka. Itu pendapat saya, pandangan saya.

Saya berpendapat untuk membangkitkan semangat orang muda ini ialah melalui pendidikan. Pendidikan terbaik bagi mereka ialah melalui media, sama ada media sosial atau media-media lain.

Jadi, pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri, tidakkah kerajaan bercadang untuk mengadakan *dedicated time*, dengan izin, ataupun masa tertentu untuk memberi pendidikan bagi membangkitkan semangat patriotisme itu di kalangan remaja. Contohnya, 10

minit dalam sehari, di media kerajaan atau di media sosial kerajaan ataupun paling kurang lima minit sehari selain daripada program-program yang telah Yang berhormat Menteri katakan tadi atau jelaskan tadi. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya cukup setuju bahawa program-program untuk kita meningkatkan semangat patriotisme dalam negara kita ini sangat penting. Saya juga setuju bahawa satu daripada cara dalam mana kita boleh pastikan bahawa semua program yang kita ada itu disalurkan kepada semua peringkat. Bukan sahaja peringkat remaja, itu adalah sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila kita lihat kepada apa yang saya sebut tadi, kita lihat banyak sangat program yang telah pun dikemukakan. Di antara program-program ini, sudah sedia ada mekanisme, di mana kita salurkannya melalui media sosial dan sebagainya. Di atas soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat sama ada kita boleh *dedicate time* dan sebagainya. Itu adalah satu cadangan yang baik. Kita akan lihat kepada itu, tetapi saya seperti mana saya sebut tadi, *I am open to all ideas* kerana saya rasa tugas untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme di dalam negara in adalah tugas kita semua.

Jadi sekiranya ada apa-apa idea-idea ataupun cadangan daripada mana-mana Yang Berhormat, saya akan bersedia untuk mendengar cadangan-cadangan ini. Kalau boleh, kita di peringkat kementerian akan cuba sedaya upaya suraya kita boleh memastikan ia dikuatkuasakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Asmak binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah berkaitan dengan apakah bentuk-bentuk *engagement* yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dengan pemain-pemain industri seni seperti filem dan drama. Contohnya pengarah, penulis skrip, *viner*, *vlogger* agar mereka dapat menggabungkan dasar-dasar kerajaan. Kita ada banyak dasar seperti Dasar Keluarga, Dasar Pertanian yang disebutkan tadi, secara kreatif di dalam filem?

Hal ini kerana, pertama anak remaja ataupun orang muda lebih dekat dengan filem dan drama. Kedua, saya dapat kadang-kadang di Malaysia ini, filem dan drama menampilkan patriotisme itu dalam bentuk yang sempit seperti menampilkan cerita-cerita kemerdekaan, cerita-cerita tokoh-tokoh, cerita-cerita pasukan beruniform. Sedangkan kita ada dasar dan falsafah yang lebih besar daripada itu.

Pengalaman saya secara peribadi, saya pernah buat teguran secara terbuka di dalam surat khabar *mainstream* semasa itu terhadap drama yang tengah *viral*/kerana ia bertentangan dengan falsafah kebudayaan kebangsaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat kepada aspek seni ini, kita boleh fokuskan kepada misal kata, FINAS. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat, kita lihat apa yang berlaku dalam era ini. Kita lihat sistem perfileman ataupun bidang perfileman ini, ia sekarang telah pun memfokuskan kepada sektor-sektor ataupun kluster yang tertentu.

Jadi, saya cukup setuju apabila dibawa berkenaan dengan perkara sama ada kita boleh fokus kepada kemungkinan kita wujudkan dokumentari-dokumentari yang khusus supaya kita boleh bawa kepada masyarakat, program-program yang bersifatkan patriotisme. Ini adalah satu perkara yang kita lihat sekarang.

Baru-baru ini, saya telah pun mengumumkan bahawa ada lembaga baru di dalam FINAS. Satu perkara yang kita fokuskan adalah kita hendak berikan kesamarataan kepada semua aspek perfileman, *that include all clusters*.

Satu daripada perkara yang berbangkit dalam pada kita membuat keputusan ini adalah seperti Yang Berhormat katakan. Hal ini kerana kalau kita lihat kalau kita buat *all together*, kita tidak akan fokus kepada aspek-aspek yang tertentu. Jadi saya setuju. Apa yang perlu kita lakukan adalah kita perlu lihat secara luas tetapi kita juga perlu memberikan fokus kepada tempat-tempat tertentu, aspek-aspek tertentu dan sebagainya. Ini adalah satu perkara yang kita dalam rancangan kita dan kita sedang menghalusi perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah sejauh mana pihak Kementerian membuat suatu penilaian tentang semangat patriotisme di seluruh negara setelah sekian lama program itu dilaksanakan? Kedua, tentang konsep patriotisme itu sendiri harus diberi gambaran yang jelas. Apakah matlamat yang hendak dicapai? Apakah misi, visi dan operasinya dan sejauh mana keberkesanannya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Yang di-Pertua. Itu soalan yang baik, Yang Berhormat.

Pada kita, kita berikan fokus kepada beberapa perkara yang tertentu. Satu-satunya kita kena lihat kepada sejarah negara ini. Bagaimana kita ada tokoh-tokoh dan apa peranan mereka supaya kita boleh mencapai kemerdekaan dan juga kita boleh membina satu negara

yang mana kita lihat cukup bersatu padu dan kita faham hormat-menghormati di antara satu sama lain. So, jadi aspek kesejarahan itu adalah cukup penting.

Kemudian kita juga kena lihat kep[ada apa yang berlaku sekarang dan apakah usaha dan cabaran-cabaran yang kita hadapi supaya kita boleh membawa bersama semua rakyat di dalam negara kita supaya kita semua boleh sayangi negara kita. Kita juga bersama-sama membawa azam supaya kita boleh membina dan memperkuatkan semangat perpaduan di dalam negara ini.

Saya rasa itu adalah satu perkara-perkara yang sangat penting untuk kita pastikan bahawa Malaysia adalah satu negara di mana semua di antara kita erat perhubungan kita supaya kita boleh menghadapi cabaran-cabaran dalam masa hadapan. Jadi, itu adalah fokus yang kita adakan. Memang apabila kita lihat kepada aspek seterusnya iaitu aspek kita hendak membawa pendidikan supaya generasi muda kita ini dia faham daripada mana negara ini datangnya dan bagaimana kita telah pun membina negara ini? Hal ini adalah aspek-aspek yang sangat penting kepada saya kalau kita hendak memupuk dalam seseorang individu itu semangat patriotisme.

Jadi kepada saya, itu adalah perkara dan aspek penekanan yang kita berikan. Jadi seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, kita lihat kepada media yang kita ada hari ini. Bagaimana kita boleh menggunakan media, iaitu media dahulu dan juga media baharu iaitu media sosial supaya kita membawa semua perkara ini kepada masyarakat Malaysia supaya kita boleh bersama-sama membina satu negara yang lebih kukuh semangat patriotismenya.

Itu adalah fokus kita dan kita ada jabatan, seperti mana yang saya sebut tadi. Kita ada Jabatan Penerangan yang mempunyai tugas untuk memastikan bahawa semua perkara ini disalurkan kepada masyarakat Malaysia. Kita juga ada agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk membina ataupun untuk membuat program-program yang membawa maklumat-maklumat itu khususnya, kita ada RTM, Jabatan Penyiaran Malaysia dan juga FINAS. Jadi, itu adalah menjadi agensi-agensi melalui mana kita juga boleh mengadakan seperti yang disebut sebagai *test factor* untuk kita mendapat tahu sejauh mana kita telah pun berjaya menyalurkan maklumat itu. Itu satu.

Akan tetapi Yang Berhormat, yang lebih penting sejauh mana program-program itu adalah efektif dan mempunyai kesan yang positif untuk kita ini membawa kepada tahap yang lebih tinggi semangat patriotisme di dalam negara. Jadi, itu adalah langkah-langkah yang kita

ambil Yang Berhormat untuk menangani soalan-soalan seperti mana yang diajukan oleh Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**7. Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta Menteri Pendidikan menyatakan, berapakah statistik jenayah yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negara sejak tahun 2017 dan sejauh manakah kerajaan melihat bahawa subjek Pendidikan Moral yang ada pada hari ini masih relevan dengan keadaan semasa

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), jumlah murid yang melakukan salah laku yang berunsur jenayah pada tahun 2017 adalah sebanyak 6,917 orang atau 0.14 peratus.

**■1120**

Daripada jumlah tersebut, seramai 5,934 orang ataupun 0.12 peratus adalah daripada sekolah menengah dan 983 orang ataupun 0.02 peratus daripada sekolah rendah. Manakala sehingga Oktober 2018, seramai 7,768 orang murid sekolah menengah atau 0.16 peratus dan 1,478 orang murid sekolah rendah atau 0.03 peratus murid didapati melakukan salah laku berunsur jenayah. Secara keseluruhannya, seramai 9,246 orang murid sekolah rendah dan sekolah menengah atau 0.19 peratus melakukan salah laku yang berunsur jenayah pada tahun 2018.

Melalui mata pelajaran Pendidikan Moral, murid sekolah rendah dan menengah diberi penekanan tentang kebolehan menaakul dalam situasi yang kabur dan berkonflik nilai bagi mengenal pasti perlakuan yang baik atau perlakuan yang salah di sisi undang-undang. Murid-murid juga dididik menggunakan keupayaan mental bagi menyelesaikan masalah atau isu-isu moral termasuk isu jenayah yang dihadapi oleh mereka sebagai seorang remaja. Perubahan kurikulum yang dilaksanakan melalui tahun 2017, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), semakan 2017 serta Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dilaksanakan untuk mencapai tujuan itu.

Bagi menerapkan perlakuan anti jenayah dalam kalangan murid sekolah rendah, beberapa nilai seperti kepercayaan kepada Tuhan, kejujuran dan berhemah tinggi diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Moral KSSR semakan 2017. Dalam mata pelajaran Pendidikan Moral KSSM pula, murid diterapkan dengan perlakuan antijenayah yang terdapat dalam tajuk

seperti *Ketagihan Membawa Mudarat-* Tingkatan 1; *Etiket dan Undang-undang Siber-* Tingkatan 2; serta *Hindari Jenayah Juvana-* Tingkatan 3.

Perubahan kurikulum yang dilaksanakan oleh KPM dari semasa ke semasa, menjadikan mata pelajaran Pendidikan Moral ini masih relevan dengan keadaan semasa sejajar dengan Kurikulum Abad Ke-21 iaitu berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir, kerja berpasukan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, penyayang atau prihatin dan patriotik. Sekian jawapan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri kerana memberikan jawapan yang baik dan saya merasakan memang hasrat kerajaan baharu ini untuk memastikan bahawa anak-anak kita akan menjadi manusia yang lebih baik. Ia untuk kepentingan negara kita pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kami merasakan masalah moral merupakan satu masalah yang agak serius kebelakangan ini, walaupun saya faham pihak kementerian akan menjalankan pelbagai strategi. Cuma saya hendak Yang Berhormat, yang sebenarnya dalam soalan saya, saya bukan sahaja menekankan tentang konsep moral tetapi juga mata pelajaran Sivik.

Pada pandangan kita Tuan Yang di-Pertua, mata pelajaran Moral dan Sivik, wajib dilihat kembali. Itu cadangan kami kepada pihak kementerian. Suka ataupun tidak suka, keadaan bertambah buruk. Jadi, kalau sudah pasti kerajaan baharu akan meneliti kelemahan-kelemahan kerajaan terdahulu dan sudah pasti kerajaan baharu ini akan mengambil tindakan dari segi yang lebih mantap untuk kepentingan negara kita.

Saya berkata demikian, walaupun ia terdapat dalam mata pelajaran di sekolah-sekolah, dua mata pelajaran ini iaitu Moral dan Sivik. Saya dapati kalau kita teliti ada sebahagian sekolah-sekolah di negara kita ini, mereka tangkap muat, mereka akan meminta guru-guru yang bukan pakar untuk mengajar bidang-bidang ini. So, maksudnya ini satu perkara yang saya rasa tidak sesuai sama sekali kerana mereka tidak ada kepakaran. Itu yang pertama.

Kedua, ada kala kita dapati, ada jadual, tetapi mata pelajaran itu tidak diajar. Ini juga Yang Berhormat Menteri kena teliti. Ini masalah-masalah yang saya *gather* selama ini. Ada jadual, tetapi tidak diajar mata pelajaran itu. Ada juga terdapat, ada jadual dan guru memang tidak masuk kelas. Ini bermaksudnya kedua-dua mata pelajaran, Moral dan Sivik ini tidak dilihat sebagai mata pelajaran yang penting. Sekolah dan guru tidak menganggap ianya serius, seperti mata pelajaran Matematik dan lain-lain. Ini cukup berbahaya.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua. Apakah langkah-langkah daripada kementerian di dalam memastikan subjek-subjek ini diajar dengan cara serius bagi memastikan masalah akhlak dan moral pelajar, masalah semangat perpaduan patriotisme dan jati diri pelajar akan dapat diatasi sejak dari bangku sekolah lagi?

Kedua, apakah langkah-langkah dan strategi Kerajaan Malaysia iaitu Kerajaan Malaysia Baharu pada hari ini dalam melahirkan anak-anak pelajar untuk menjadi insan yang Syumul mengikut acuan negara Malaysia melalui subjek Pendidikan Moral dan Sivik ini, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut. Saya di sini ingin mengucapkan ribuan terima kasih Yang Berhormat atas cadangan-cadangan yang saya rasa cukup baik.

Setakat ini kita memang selalu menyemak semula kurikulum yang telah disediakan untuk Pendidikan Moral dan juga Pendidikan Sivik untuk memastikan bahawa isi kandungan kurikulum kita adalah sejajar dengan perkembangan semasa. Saya tidak dapat menafikan bahawa memang di sekolah ada isu di mana, walaupun jadual telah disediakan, tetapi mata pelajaran Pendidikan Moral ataupun Pendidikan Sivik tidak di ajar, ataupun guru itu tidak masuk sekolah. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa ini adalah kerana sikap guru-guru kita yang lebih mengambil berat tentang mata pelajaran yang ada peperiksaan, yang ada ujian.

Oleh sebab itu, ia mengakibatkan bahawa Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik, mata pelajaran ini mungkin bukanlah mata pelajaran yang teras dalam peperiksaan, selalu diabaikan. Saya rasa dari segi untuk mengubah sikap dan minda guru-guru kita, sebab itu kita pada tahun hadapan, kita akan mansuhkan peperiksaan setara di sekolah rendah tahap satu iaitu darjah satu, darjah dua dan juga darjah tiga.

Kenapa KPM membuat keputusan ini? Ini adalah kerana kita harap bahawa PDP di *class room* kita, di dalam bilik darjah kita janganlah terlalu *exam oriented*, dengan izin. Oleh sebab dahulu, sehingga lah ke hari ini saya rasa, pencapaian murid-murid kita, pencapaian pelajar-pelajar kita hanya dinilai dengan peperiksaan.

Oleh sebab itu, guru-guru akan menggunakan masa yang lebih panjang untuk mengajar mata pelajaran yang wujud dalam peperiksaan. Untuk aspek-aspek yang lain, mata pelajaran yang lain seperti Sivik ataupun Moral yang akan membantu membentuk ataupun mencapai kemenjadian murid ini, selalu diabaikan.

Kita harap bahawa, pada tahun hadapan, apabila kita memansuhkan peperiksaan setara di sekolah rendah, tahap satu, Tahun 1 sehingga Tahun 3, kita boleh menggalakkan lebih banyak penilaian berasaskan bilik darjah ataupun berasaskan sekolah. Daripada sana kita boleh nampak PDP yang lebih kondusif di mana kemenjadian murid tidak lagi dinilai dengan peperiksaan sahaja, tetapi juga daripada tingkah laku, pidato dan pelbagainya.

Jadi saya harap, kalau di sekolah memang masih ada berlaku isu di mana jadual untuk Pendidikan Moral tidak diajar, guru tidak masuk kelas, saya harap bahawa ibu bapa, golongan pelajar juga boleh memaklumkan kepada kita. Ini supaya tindakan dan siasatan boleh dilakukan untuk memastikan bahawa guru-guru di sekolah kita masuk bilik darjah untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral ataupun Sivik.

**■1130**

Selain daripada itu, saya rasa kita perlu satu usaha dengan semua pihak, semua NGO ibu bapa dan Ahli-ahli Parlimen supaya kita tukar pemikiran kita ataupun sikap kita terhadap kemenjadian murid. Janganlah kita terlalu *exam oriented and exam based* tetapi biarlah kita menggunakan PDP yang lebih kondusif di mana kemenjadian murid bolehlah dinilai daripada pelbagai aspek. Sekian jawapan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila, ada lagi kah?

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya setuju penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Subjek Pendidikan Moral ini memang perlu diberi nafas baru kepada- bukan hanya menilai berdasarkan peperiksaan sahaja, saya setuju. Akan tetapi pelajar perlu diberi peluang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dengan program-program di luar bilik darjah seperti khidmat masyarakat dan sebagainya, saya setuju.

Soalan saya, adakah Kementerian Pendidikan Malaysia ada satu mekanisme ataupun cadangan yang lebih gitu untuk memantapkan lagi subjek Pendidikan Moral ini berbanding dengan sistem penilaian semasa. Begitu juga apakah peranan kaunselor di sekolah untuk mengurangkan kadar jenayah di sekolah? Adakah bilangan kaunselor di sekolah mencukupi atau tidak? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut.

Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator bahawa nilai-nilai moral ini tidak boleh diajar dalam bilik darjah sahaja tetapi kita juga perlu bawa anak-anak kita pergi ke luar sekolah untuk mempraktikkan nilai-nilai yang diajar tersebut. Oleh sebab itu, kita masih dalam peringkat perbincangan dengan pelbagai NGO bagaimana kita boleh memberi nafas baharu kepada Pendidikan Moral ini untuk memastikan bahawa nilai-nilai yang kita ingin pupuk ini tidak sahaja melalui buku teks tetapi juga daripada kehidupan harian kita dan bagaimana kita boleh serap nilai-nilai tersebut dalam kehidupan kita.

Mengenai peranan guru-guru kaunseling. Saya hendak jelaskan di sini bahawa salah satu peranan guru-guru kaunseling di sekolah kita adalah apabila ada laporan tentang salah laku yang berunsurkan jenayah. Apabila satu laporan tentang salah laku yang berunsurkan jenayah dilaporkan oleh guru, jadi di peringkat sekolah satu jawatankuasa disiplin guru akan dibentuk di mana guru kaunseling adalah salah seorang anggota tetapi jawatankuasa itu akan di pengerusi atau diketuai oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

Jawatankuasa itu termasuklah guru kaunseling kita akan membuat siasatan dan selepas itu mereka akan hasilkan satu laporan siasatan. Mereka juga akan kemukakan tindakan ataupun cadangan hukuman untuk pertimbangan pengetua ataupun guru besar. Akhirnya pengetua yang akan menentukan apa bentuk hukuman yang akan dikenakan terhadap pelajar yang diadu tersebut. Hukuman itu boleh termasuk nasihat, amaran ataupun gantung sekolah tidak melebihi dua minggu. Kalau sangat serius mungkin pembuangan sekolah juga boleh dicadangkan kepada pengetua.

Akan tetapi, secara prinsipnya pendirian KPM adalah kita tidak berhasrat untuk membuang murid-murid dari sekolah dengan sewenang-wenangnya. Ini kerana kita percaya bahawa sekolah adalah tempat sepatutnya anak-anak Malaysia, budak-budak kita, murid-murid, pelajar-pelajar patut berada. Kalau kita buang mereka dari sekolah mungkin kita boleh selesai atasi masalah disiplin di peringkat sekolah tetapi apabila murid ataupun pelajar ini pergi ke luar sekolah dan pergi masyarakat tetapi mereka masih mempunyai masalah disiplin. Jadi akhirnya, ia akan menjadi isu kepada masyarakat kita juga.

Jadi saya ambil maklum terhadap semua cadangan yang telah dibentangkan dan dikemukakan tadi. Saya akan bawa balik dan untuk memastikan bahawa kita boleh memberi

nafas baharu kepada Pendidikan Moral dan juga Pendidikan Sivik untuk generasi yang akan matang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Soalan tambahan, sedikit.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Soalan tambahan.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** *Last, last.*

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau soal moral ini kita tidak serah atau bebankan kepada guru Pendidikan Moral sahaja? Akan tetapi kita jadikan Pendidikan Moral ini merentasi kurikulum dan merentasi guru-guru. Jadi maknanya semua guru itu memberi penekanan kepada masalah moral. Ini kerana kita juga tidak mahu guru yang mengajar Bahasa Inggeris atau Sains yang tidak bermoral. Maknanya mereka juga mempunyai moral dalam subjek dalam pendidikan mereka. Guru Sains yang bermoral dan begitulah seterusnya dalam guru-guru yang lain.

Kedua, apakah pihak kementerian bercadang supaya guru Pendidikan Moral ini diadakan satu kedudukan seperti guru pakar yang lain. Hari ini kita ada guru pakar dalam bidang matematik dan sebagainya. Kenapa tidak kita naikkan taraf supaya guru ini ada guru pakar dia yang memberi tumpuan kepada soal-soal moral ini?

Seterusnya, apakah perancangan kementerian supaya rumah dan masyarakat itu menjadi lanjutan kepada sekolah? Rumah dan juga masyarakat menjadi lanjutan kepada sekolah supaya anak-anak ini tidak hanya bermoral di sekolah sahaja tetapi dilanjutkan dan juga masyarakat. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut.

Saya amat setuju bahawa, sebenarnya tanggungjawab untuk mendidik anak-anak kita tentang nilai-nilai moral ini bukan sahaja dipikul oleh guru-guru Pendidikan Moral. Setakat ini memang nilai-nilai ini adalah merentasi semua kokurikulum, macam dalam buku teks untuk Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, ataupun Bahasa Cina ataupun Bahasa Tamil. Tajuk-tajuk tertentu sebenarnya ada menyentuh tentang nilai-nilai moral juga. Jadi memang itu telah dilakukan. Saya memang setuju bahawa tanggungjawab untuk mendidik anak-anak kita tentang nilai-nilai moral ini bukan sahaja tanggungjawab guru Pendidikan Moral tetapi adalah tanggungjawab semua guru.

Oleh sebab itu, seperti yang saya sebut tadi jawatankuasa disiplin yang akan dibentuk di peringkat sekolah apabila laporan tentang salah laku telah dibuat juga ada sekurang-kurangnya tiga orang guru dalam apa-apa mata pelajaran tidak apa. Akan tetapi pihak sekolah akan melantik sekurang-kurangnya tiga orang guru menduduki dalam jawatankuasa disiplin tersebut untuk membuat siasatan dan juga untuk mengemukakan cadangan hukuman. Jadi ini memang sekarang telah diperaktikkan dalam sekolah. Manakala untuk memastikan bahawa kita boleh Pendidikan Moral ini akan di bawah ke rumah dan pergi ke masyarakat itu memang seperti saya sebutkan tadi, sebab itu kita perlu bantuan dan kerjasama daripada semua golongan.

Kita perlu bantuan daripada ibu bapa, kita perlu bantuan daripada masyarakat dan kita perlu bantuan daripada NGO bagaimana kita boleh mewujudkan satu *environment* dan satu suasana yang kondusif di mana kita perlu memastikan bahawa anak-anak kita mempraktikkan nilai-nilai murni yang mereka belajar di sekolah. Tidak sepatutnya mereka belajar nilai-nilai moral ini di sekolah sahaja. Ya, memang di sekolah kita ada jadual untuk Pendidikan Moral tetapi nilai moral ini sepatutnya juga diajar oleh ibu bapa oleh abang, kakak, rakan-rakan dan anggota masyarakat yang lain. Jadi ini saya rasa adalah usaha daripada semua pihak untuk memastikan Pendidikan Moral kita telah berjaya. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan sedikit sahaja, pendek sahaja.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada lagi, saya harap kalau- ada lagi?

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai minat pada perkara ini. Begitu juga soalan nombor 6 tadi pun ramai yang minat. Jadi saya harap dapat Ahli-ahli Yang Berhormat berutus dengan Menteri berkaitan menolong ya. Sila, *last* sekali.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya pendek sahaja, berkenaan dengan Pendidikan Moral ini. Setahu saya, jadi hendak kepastian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pendidikan Moral ini hanya diajar kepada pelajar-pelajar yang tidak mengambil Pendidikan Agama Islam. Kalau benar, adakah Pendidikan Moral ini akan diajar juga kepada yang mengambil Pendidikan Agama Islam juga yang sepatutnya- biasanya mereka tidak menghadiri Pendidikan Moral ini. Jadi, apakah jawapan Yang Berhormat Menteri?

■1140

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut.

Memang betul, sekarang di sekolah memang ada dua pilihan. Untuk murid-murid, pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam mereka akan ambil mata pelajaran Pendidikan Moral dan untuk murid-murid, pelajar-pelajar yang beragama Islam mereka akan mengambil mata pelajaran Agama Islam. Ini memang adalah sistem sedia ada di sekolah kita.

Akan tetapi saya percaya bahawa untuk mata pelajaran Agama Islam, nilai-nilai moral ini juga sebenarnya diajar. Oleh sebab itu, sistem yang sedia ada adalah untuk memisahkan dua kumpulan iaitu 40 peratus bilangan murid kita, pelajar kita mengambil Pendidikan Moral dan 60 peratus ini akan mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam. Terima kasih.

8. **Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah kementerian akan mengkaji semula pemberhentian penerbangan *MASwings* bagi laluan Kota Kinabalu-Sandakan dan Kota Kinabalu-Tawau berkuat kuasa pada 1 Januari 2019 ini yang akan menjaskan industri pelancongan di Sabah.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung kerana membawa persoalan mengenai perkhidmatan udara khususnya di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua perkhidmatan udara luar bandar atau , dengan izin, *Rural Air Services* (RAS) merupakan perkhidmatan udara yang tidak ekonomik yang dijalankan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan udara merupakan mode pengangkutan yang utama yang menghubungkan penduduk di kawasan-kawasan luar bandar dengan dunia luarnya. *MASwings* telah diberikan tanggungjawab oleh kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan RAS ini di Sabah dan Sarawak melalui perjanjian RAS yang ditandatangani di antara Kementerian Pengangkutan (MoT) dan *MASwings* pada 3 Julai 2008 lagi.

Selanjutnya, perjanjian RAS tersebut yang tamat pada 30 September 2017 telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2018 melalui perjanjian interim di antara kerajaan dan *MASwings*. *MASwings* menyediakan perkhidmatan RAS di sejumlah 49 laluan yang meliputi 19 laluan dengan menggunakan 10 pesawat dengan menggunakan jenis ATR 72-500 dan 32 dengan menggunakan enam buah pesawat jenis Twin Otter Viking DHC6-400.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, minta izin sebentar.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang menjawab kepada dua Tan Sri dan dua Tuan Yang di-Pertua dalam satu pagi. Laluan-laluan ini adalah melibatkan 11 buah lapangan terbang, dan 12 buah padang terbang di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Kajian Semula Perkhidmatan Udara Luar Bandar yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia atau *Malaysia Aviation Commission* (MAVCOM) pada tahun 2017, enam laluan RAS termasuk Kota Kinabalu-Sandakan dan balik, Kota Kinabalu-Tawau dan balik yang sedang dioperasi secara bersama oleh *MASwings*, *AirAsia* dan *Malaysia Airlines Berhad* (MAB) adalah diklasifikasikan sebagai laluan komersial.

Ini adalah berikutan dua laluan ini sudah tidak lagi memenuhi kriteria di bawah obligasi perkhidmatan awam atau *public service obligation* (PSO), dengan izin, dan tidak layak dikategorikan sebagai RAS di bawah Akta MAVCOM 2015 [Akta 771] memandangkan terdapat operasi komersial di laluan tersebut. Buat masa ini bagi laluan Kota Kinabalu-Sandakan dan balik, *Malaysia Airlines* dan *AirAsia* menyediakan perkhidmatan penerbangan dengan kekerapan masing-masing tujuh kali seminggu dan 25 kali seminggu. Manakala bagi laluan Kota Kinabalu-Tawau dan balik pula, *Malaysia Airlines*, *AirAsia* dan *Malindo* menyediakan perkhidmatan penerbangan dengan kekerapan masing-masing sebanyak 14 kali seminggu, 12 kali seminggu dan tujuh kali seminggu.

Jadi, berbanding dengan *MASwings* pula yang menggunakan pesawat ATR tadi, 28 seminggu di dua-dua buah laluan ini. Sehubungan dengan ini, pemberhentian penerbangan *MASwings* bagi dua laluan ini secara langsung tidak akan menjelaskan industri pelancongan di Sabah. Maka oleh sebab itu, buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji semula pemberhentian perkhidmatan *MASwings* bagi dua laluan tersebut mulai satu Januari 2019 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Ahli-ahli Yang Berhormat Senator masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.47 pg.**

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Salam sejahtera dan salam harapan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Saya bersyukur kerana berpeluang untuk membentang Belanjawan 2019 iaitu belanjawan pertama Kerajaan Pakatan Harapan di sidang Dewan yang Mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menurunkan anggaran pertumbuhan global daripada 3.9 peratus kepada 3.7 peratus pada tahun 2018. Pada tahun hadapan pertumbuhan dunia dijangka kekal pada 3.7 peratus. Selaras dengan unjuran IMF kerajaan telah menyemak semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2018 kepada 4.8 peratus berbanding dengan lima peratus hingga 5.5 peratus sebelum ini. Kerajaan juga mengunjurkan KDNK 2019 akan terus berkembang 4.9 peratus.

Fokus Belanjawan Tahun 2019 bertemakan, “*Malaysia Berwibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*”. Belanjawan 2019 akan menumpukan kepada tiga fokus dengan 12 strategi utama bagi mengembalikan kedudukan ekonomi Malaysia sebagai Harimau Asia. Tiga fokus tersebut ialah:

- (i) melaksanakan reformasi institusi;
- (ii) memastikan kesejahteraan rakyat; dan
- (iii) memupuk budaya negara keusahawanan.

Fokus pertama, melaksanakan reformasi institusi. Belanjawan 2019 memberi perkenaan reformasi institusi untuk meningkatkan ketelusan disiplin fiskal. Beberapa langkah akan diambil, strategi satu memperkuuh pengurusan fiskal:

- (i) kerajaan akan menstrukturkan semula pendekatan belanjawan melalui *Zero Based Budgeting*;
- (ii) kerajaan akan membentangkan Akta Keber tanggungjawaban Fiskal pada tahun 2021;
- (iii) kerajaan akan membentangkan Akta Perolehan Kerajaan pada 2019 untuk mengawal selia proses perolehan bagi memastikan ketelusan dan persaingan terbuka; dan
- (iv) kerajaan akan melaksanakan perakaunan akruan bagi menggantikan perakaunan asas tunai bermula tahun 2021.

Strategi kedua, menstrukturkan semula dan merasionalisasikan hutang kerajaan. Defisit yang diumumkan pada tahun-tahun sebelumnya tidak menggambarkan keadaan sebenar kerana tidak mengambil kira peruntukan *off budget*. Sehubungan itu, adalah tidak realistik untuk mencapai sasaran defisit 2.8 peratus pada tahun 2018 melainkan jika perbelanjaan *off-balance sheet* seperti terdahulu diteruskan.

#### **■1150**

Oleh itu, defisit fiskal pada 2018 dijangka mencatat 3.7 peratus berbanding KDNK. Ini mengambil kira komitmen perbelanjaan *off budget* kerajaan terdahulu seperti pengambilalihan Lebuhraya Penyuraian Trafik Johor Timur (EDL) di Johor dan bayaran balik GST ke dalam Belanjawan 2019.

Kerajaan akan melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dengan mengurangkan defisit kepada 3.4 peratus daripada KDNK pada 2019, tiga peratus pada 2020 dan 2.8 peratus pada 2021. Kerajaan akan mengurangkan kedudukan hutang sebagai peratusan KDNK melalui langkah-langkah berikut:

- (i) kerajaan akan mewujudkan pejabat pengurusan hutang untuk menguruskan hutang dan liabiliti kerajaan;
- (ii) kerajaan perlu menstrukturkan semula hutang dan liabiliti termasuk pajakan operasi. Kerajaan sedang menimbang semula kontrak rundingan terus atau tender terhad bernilai RM19 bilion yang telah ditandatangani oleh kerajaan lalu. Semua kementerian diberi kuasa untuk memutuskan sama ada pelaksanaan kontrak boleh diteruskan. Projek yang telah ditandatangani menerusi Surat Setuju Terima (SST) boleh diteruskan dengan syarat penjimatan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada kos pembinaan dicapai;

- (iii) kerajaan akan mengambil tindakan untuk mendapat dana yang hilang, dicuri atau dirampas daripada 1MDB; dan
- (iv) kerajaan akan melaporkan secara lebih komprehensif berkaitan kedudukan hutang dan liabiliti kerajaan.

Strategi ketiga, meningkat hasil kerajaan. Bagi meningkatkan hasil, kerajaan akan, dengan izin, *leverage* aset kerajaan dan akan menyemak semula dasar percukaian. Untuk itu, kerajaan akan mengurangkan pegangannya dalam syarikat bukan strategik serta menambah baik model kerjasama awam swasta bagi projek berdasarkan transaksi tukaran tanah yang dilaksanakan secara tender terbuka dan bukannya melalui rundingan terus. Bagi menambah baik sistem percukaian, antara langkah yang akan dilaksanakan seperti berikut.

Pertama, perkhidmatan yang diimport akan dikenakan cukai perkhidmatan untuk memastikan supaya penyedia perkhidmatan tempatan mendapat persaingan yang adil mulai 1 Januari 2019.

Kedua, bagi perkhidmatan atas talian yang diimport oleh pengguna, penyedia perkhidmatan asing akan dikehendaki berdaftar berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020.

Ketiga, kerajaan akan melancarkan program khas pengakuan sukarela atau *special voluntary disclosure program* untuk memberi peluang kepada pembayar cukai mengisyiharkan secara sukarela sebarang pendapatan yang tidak dilaporkan bagi tujuan cukai termasuk akaun pesisir pantai. Sekiranya pelaporan dibuat sebelum 30 Jun 2019, penaltinya lebih rendah akan dikenakan.

Keempat, kerajaan juga akan mengkaji semula layanan cukai insentif sedia bagi memastikan ia relevan.

Kelima, kerajaan mencadangkan pengenaan cukai pelepasan bagi semua penumpang udara keluar negara bermula 1 Jun 2019. Sebanyak RM20 dicadangkan ke atas penumpang ke negara ASEAN dan sebanyak RM40 dikenakan ke atas penumpang ke negara lain.

Keenam, kerajaan akan memperkemas Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah dalam tahun keenam dan tahun seterusnya seperti berikut.

Bagi syarikat individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada lima peratus kepada 10 peratus dan bagi individu warganegara dan penduduk tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada kosong peratus ke lima peratus. Walau bagaimanapun, CKHT dikecualikan atas harga harta tanah, rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah mampu milik di bawah RM200 ribu. Kerajaan mencadangkan

supaya pelupusan harta yang diperoleh sebelum tahun 2000 adalah berdasarkan nilai pasaran pada tahun 2000.

Ketujuh, kadar duti setem bagi pemindahan harta bernilai lebih RM1 juta akan dinaikkan sebanyak satu mata peratusan kepada empat peratus.

Kelapan, cukai fi dan levi ke atas sektor perjudian akan dipinda seperti berikut. Lesen kasino akan dinaikkan daripada RM120 juta kepada RM150 juta setiap tahun. Duti kasino akan dinaikkan kepada 35 peratus ke atas pungutan bersih. Lesen mesin *dealer* akan dinaikkan daripada RM10 ribu kepada RM50 ribu setiap tahun. Duti mesin judi akan dinaikkan daripada 20 peratus kepada 30 peratus ke atas kutipan kasar dan cabutan khas dikurangkan sebanyak 50 peratus.

Pada tahun 2019, kerajaan dijangka mengutip hasil sebanyak RM261.8 bilion. Ini termasuk dividen khas PETRONAS sebanyak RM30 bilion untuk membayar tunggakan bayaran balik cukai GST dan cukai pendapatan yang keseluruhannya berjumlah RM37 bilion. Kerajaan menghargai PETRONAS sebagai sebuah syarikat yang telah diurus dengan cekap dan mampu mengumpul rizab yang boleh dikongsi dengan kerajaan tanpa menjelaskan keupayaan PETRONAS untuk melaksanakan pelaburan bagi pertumbuhan masa depan.

Fokus kedua, memastikan kesejahteraan rakyat. Strategi keempat, menjamin kebijakan dan kualiti hidup. Objektif utama kerajaan adalah bagi meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi rakyat. Ini akan dipenuhi dengan berikut.

Pertama, kerajaan akan menambah baik Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada B40 dengan memberikan bantuan bersasar dan bergantung kepada saiz isi rumah. Mulai 2019, Isi rumah berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah akan menerima bantuan berjumlah RM1,000. Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM2,100 sehingga RM3,000 akan menerima bantuan berjumlah RM750. Isi rumah berpendapatan bulanan dari RM3,001 sehingga RM4,000 akan menerima bantuan berjumlah RM500. Selain itu, kerajaan akan memperkenalkan kadar tambahan BSH sebanyak RM120 untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah terhad kepada empat orang. Walau bagaimanapun, umur untuk anak OKU tidak dihadkan.

Kedua, kerajaan akan menyediakan subsidi minyak bersasar kepada pemilik sebuah kereta sahaja yang berkapasiti enjin 1,500cc dan ke bawah atau motosikal berkapasiti enjin 125cc dan ke bawah bermula pada suku kedua 2019.

Ketiga, kerajaan akan melaksanakan subsidi bil elektrik bersasar dengan menyalurkan subsidi hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang berdaftar dengan Program e-Kasih.

Strategi kelima, meningkat peluang pekerjaan dan kebolehpasaran. Bagi meningkat peluang pekerjaan dan pendapatan, kerajaan akan mengambil langkah berikut ini.

Pertama, melaksanakan program perintis yang dibiayai melalui dana Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) untuk meningkatkan latihan kemahiran belia lepasan sekolah.

Kedua, bagi menggalakkan peluang pekerjaan bagi golongan berumur 60 tahun ke atas, kerajaan mencadangkan supaya caruman mandatori KWSP oleh majikan bagi golongan ini dikurangkan daripada enam peratus kepada empat peratus mulai 1 Januari 2019. Manakala, pekerja tidak perlu mencarum.

Ketiga, bantuan sebanyak RM500 secara *one-off* akan diberi kepada pesara yang menerima pencen kurang dari RM1,000.

#### ■1200

Keempat kerajaan mencadangkan kenaikan gaji minimum kepada RM1,100 di seluruh Malaysia mulai 1 Januari 2019.

Strategi keenam, meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan perlindungan kebajikan sosial.

Pertama, kerajaan akan melaksanakan sepenuhnya Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) mulai 1 Januari 2019 meliputi program penempatan semula pekerjaan, peningkatan kemahiran dan bayaran pampasan kehilangan pekerjaan.

Kedua, kerajaan melalui usaha sama dengan syarikat insurans swasta akan memperkenalkan Dana Perlindungan Kesihatan Nasional B40 mulai tahun 2019 yang membantu melengkapkan jaringan keselamatan sosial sedia ada.

Ketiga, kerajaan akan memberi pelepasan cukai pendapatan sehingga RM4 ribu ke atas caruman KWSP atau dana pencen yang diluluskan serta pelepasan cukai pendapatan sehingga RM3 ribu ke atas takaful atau bayaran premium insurans hayat. Bagi penjawat di bawah Skim Pencen, pelepasan cukai adalah sehingga RM7 ribu.

Keempat, memperkenalkan Skim Perlindungan Kesihatan (PEKA) dengan projek perintis pelaksanaan saringan kesihatan bagi golongan B40 berumur 50 tahun.

Kelima, meneruskan program saringan percuma pengesanan kanser payudara atau *mamogram*, program vaksinasi HPV dan ujian saringan *pap smear* di hospital dan klinik kerajaan.

Keenam, kerajaan bercadang untuk memperkenalkan duti eksais pada kadar RM0.40 sen per liter ke atas minuman bergula mulai 1 April 2019.

Strategi ketujuh, meningkatkan pendapatan boleh guna. Perumahan untuk semua. Kerajaan akan terus membina dan menyiapkan rumah mampu milik dengan peruntukan hampir RM1.5 bilion.

Bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah pertama dengan harga RM150 ribu ke bawah, Bank Negara akan menyediakan dana pembiayaan sebanyak RM1bilion dengan kadar pembiayaan serendah 3.5 peratus dengan bank terpilih. Bagi pembeli rumah pertama bernilai sehingga RM500 ribu, kerajaan akan memberi pengecualian duti setem sehingga RM300 ribu pertama ke atas Surat Cara Pindah Milik dan perjanjian pinjaman sehingga Disember 2020.

Kerajaan juga mencadangkan pengecualian duti setem ke atas Surat Cara Pindah Milik bagi pembelian rumah pertama berharga RM300,001 sehingga RM1 juta bagi tempoh enam bulan mulai 1 Januari 2019 bagi pembelian rumah daripada mana-mana pemaju perumahan.

Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan warga kota di Lembah Klang, kerajaan pada 1 Disember 2018 baru-baru ini telah pun melancarkan Pas Perjalanan Bulanan RM100 dan RM50 tanpa had yang meliputi perkhidmatan rel dan bas RapidKL mulai 1 Januari 2019.

Kerajaan akan membekukan kenaikan bayaran tol di semua lebuh raya dalam bandar pada tahun 2019 dan memansuhkan tol motosikal di jambatan pertama dan kedua di Pulau Pinang serta lebuh raya laluan kedua di Johor mulai 1 Januari 2019.

Strategi kelapan pendidikan bagi masa hadapan yang lebih baik. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan untuk memperkasa pendidikan adalah:

- (i) bantuan pendidikan berjumlah RM2.9 bilion untuk membantu golongan yang miskin melalui bekalan makanan, buku teks dan bantuan tunai;
- (ii) menaik taraf dan menyelenggarakan semua sekolah dengan peruntukan RM652 juta berbanding RM615 juta pada tahun 2018;
- (iii) meneruskan pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran menerusi pelbagai agensi seperti MARA, Jabatan Perkhidmatan Awam dan

- Kementerian Kesihatan dengan peruntukan RM3.8 bilion di mana RM2 bilion diperuntukkan khusus kepada pelajar bumiputera tajaan MARA;
- (iv) menyediakan peruntukan RM210 juta bagi memperkasakan pembangunan modal insan melalui program Peneraju Tunas, Peneraju Skil dan Peneraju Profesional yang akan dikendalikan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera;
  - (v) bagi memupuk semangat patriotisme di kalangan belia, program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia akan diperkenalkan melibatkan 70 ribu belia berumur 15 tahun hingga 30 tahun dengan peruntukan RM70 juta; dan
  - (vi) kerajaan akan memperuntukkan RM10 juta kepada *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) untuk membangun dan menggalakkan esports.

Meningkatkan syiar Islam. Dalam mempertingkatkan syiar Islam, kerajaan memperuntukkan RM1.2 bilion bagi tahun 2019 berbanding RM1.1 bilion tahun ini. Selain itu, sejumlah RM150 juta disediakan bagi melaksanakan program termasuk pembinaan masjid dan surau, inisiatif *khairah ummah* untuk melahirkan lebih ramai profesional di kalangan *huffaz* dan modul pembelajaran agama dengan penggunaan *braille*.

Fokus ketiga memupuk budaya negara keusahawanan.

Strategi kesembilan mencetuskan kuasa ekonomi baru. Memupuk ekonomi digital. Bagi menyokong perkembangan teknologi baru dan memastikan usahawan Malaysia mempunyai pembiayaan konvensional atau alternatif yang mencukupi, kerajaan bercadang untuk mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) dana-dana modal teroka yang diurus pelbagai agensi kerajaan akan diselaraskan. Geran padanan kerajaan hanya akan diberikan kepada syarikat yang dapat menarik pelaburan daripada sektor swasta;
- (ii) syarikat pelaburan berkaitan kerajaan akan menyediakan dana padanan sebanyak RM2 bilion untuk pelaburan ekuiti swasta- *private equity*, dan modal teroka- *venture capital*, bagi menyokong pelaburan khusus kepada sektor strategik terpilih;
- (iii) perintah pasaran modal dan perkhidmatan. Penetapan sekuriti bagi memperkenalkan rangka kerja baharu untuk meluluskan dan memantau

- aktiviti jual beli mata wang digital dan pasaran token akan diwartakan pada awal tahun 2019;
- (iv) untuk terus mempromosikan Malaysia sebagai peneraju global dalam pasaran modal Islam, kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam yang diketuai Kementerian Kewangan dan dianggotai Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- (v) untuk menggalakkan perkembangan ekonomi digital, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia akan melaksanakan Pelan Gentian Optik dan Kesaling Hubungan Negara (NFCP) dengan peruntukan RM1 bilion. Perkhidmatan jalur lebar disasarkan mencapai 30 mbps di kawasan luar bandar serta kawasan terpencil dalam tempoh lima tahun dengan harga yang berpatutan.

Lonjakan Industri 4.0. bagi menyokong visi menjadikan Malaysia sebagai pusat pelaburan industri berteknologi tinggi, langkah berikut akan dilaksanakan:

- (i) Perbadanan Produktiviti Malaysia akan menjalankan program *Readiness Assesment* untuk membantu 500 buah syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) beralih kepada teknologi Industri 4.0;
- (ii) sebanyak RM2 bilion akan disediakan di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) di mana kerajaan akan memberi jaminan pembiayaan sehingga 70 peratus untuk menggalakkan PKS melabur dalam automasi;

#### **■1210**

- (iii) kerajaan melalui Bank Pembangunan akan menyediakan dana Transformasi Pendigitalan Industri- *Industry Digitalisation Transformation Fund*, dengan dana RM3 bilion serta insentif subsidi kadar faedah dua peratus bagi menerapkan teknologi pintar merangkumi robotik dan kecerdasan buatan dalam industri; dan
- (iii) Khazanah Nasional akan membangunkan 80 ekar tanah di Subang sebagai hab aeroangkasa bertaraf dunia.

Strategi 10, merebut peluang dalam menghadapi cabaran global dan memperkujuh perusahaan kecil dan sederhana. Bagi memastikan PKS terus berkembang maju dan berdaya saing khususnya bagi Industri Utama, kerajaan akan melaksanakan inisiatif berikut:

- (i) dana pembiayaan PKS oleh institusi kewangan komersial sebanyak RM4.5 bilion dengan 70 peratus jaminan SJPP termasuk RM1 bilion untuk PKS bumiputera;
- (ii) bagi syarikat PKS yang berpendapatan bercukai sehingga RM500,000 dengan modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta, kadar Cukai Pendapatan Korporat akan dikurangkan daripada 18 peratus kepada 17 peratus; dan
- (iii) menyediakan Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah berjumlah RM1 bilion disediakan terutamanya untuk membiayai pengeksport produk halal oleh institusi kewangan Islam dengan kerajaan memberi subsidi kadar keuntungan sebanyak dua peratus;

Memudahkan aktiviti logistik dan pengangkutan. Kerajaan akan memperuntukkan RM2.46 bilion bagi kerja menaik taraf dan memulihara landasan kereta api untuk mempertingkatkan infrastruktur pengangkutan negara. Kerajaan komited memacu pembangunan projek Zon Ekonomi Sempadan Khas Kota Perdana di Bukit Kayu Hitam sebagai pintu gerbang strategik bagi aktiviti perdagangan dua hala antara Malaysia dan Thailand. Peruntukan sebanyak RM25 juta akan disediakan untuk pelaksanaan peringkat awal.

Menambah nilai kepada sektor komoditi. Bagi meningkatkan permintaan kelapa sawit dan menambah baik kelestarian penggunaan sumber tenaga, kerajaan akan melaksanakan program biodiesel B10 iaitu campuran 10 peratus kandungan minyak kelapa sawit bagi sektor pengangkutan dan B7 untuk sektor industri pada tahun 2019. Selain itu, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM30 juta bagi membantu pekebun kecil kelapa sawit mendapatkan persijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO).

Kerajaan mengambil berat terhadap kesukaran yang dihadapi oleh penoreh getah akibat kejatuhan harga komoditi tersebut. Dengan itu, kerajaan akan menambah baik Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan meningkatkan harga lantai IPG daripada RM2.20 sekilogram kepada RM2.50 sekilogram. Bagi pesawah padi pula, kerajaan akan menambah baik bantuan Skim Subsidi Harga Padi dengan meningkatkan kadar bantuan daripada RM300 setan kepada RM360 setan.

Mempergiat industri pelancongan. Ke arah mencapai sasaran 30 juta pelancong asing menjelang tahun 2020, geran sepadan RM100 juta akan disediakan kepada syarikat swasta bagi program promosi dan pemasaran pelancongan antarabangsa. Bagi menyokong usaha

kerajaan negeri menggiatkan aktiviti pelancongan, kerajaan akan melaksanakan perkongsian 50 peratus hasil kutipan bagi cukai pelancongan yang diterima di negeri berkenaan.

Mendefinisikan semula peranan kerajaan dalam perniagaan. Kerajaan akan mengurangkan penglibatan dalam perniagaan, dengan izin, *the business of the government is not to be in business*. Kementerian kewangan akan menerajui pasukan petugas khas untuk menilai peranan dan fungsi badan berkanun dan syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) bagi mengurangkan pertindihan fungsi serta mengelakkan kerajaan bersaing secara langsung dengan pihak swasta.

Strategi ke-12 memastikan pertumbuhan ekonomi yang saksama dan mampan. Memastikan pembangunan seimbang. Kerajaan akan meneruskan pembangunan seimbang dan *inclusive* dengan penekanan dan langkah berikut:

- (i) membina dan menaik taraf jalan raya, jalan luar bandar dan jambatan dengan peruntukan RM926 juta;
- (ii) meluaskan akses bekalan elektrik dan air di luar bandar dengan peruntukan RM694 juta dan RM730 juta masing-masing;
- (iii) memperuntukan RM85 juta untuk Kampung Bharu bagi tujuan menaik taraf dan memulihara infrastruktur asas seperti jalan raya dan dewan komuniti;
- (iv) memperuntukan RM100 juta untuk menyokong komuniti India termasuk latihan teknikal dan kemahiran untuk meningkatkan peluang kerjaya belia;
- (v) memperuntukan RM100 juta ringgit untuk memperkasa pembangunan masyarakat Orang Asli melalui pembinaan dan menaik taraf infrastruktur bagi bekalan air, penempatan semula, pendidikan, kebajikan dan pembangunan ekonomi; dan
- (vi) bagi penempatan FELDA, kerajaan akan menyediakan peruntukan RM100 juta bagi menaik taraf jalan, sebanyak RM160 juta bagi projek sistem bekalan air, sebanyak RM35 juta bagi projek membina dan naik taraf bangunan serta projek pemasangan lampu jalan.

Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM5,009,000,000 untuk Sabah berbanding RM4.113 bilion pada tahun 2018. Bagi Sarawak pula, RM4.346 bilion telah diperuntukkan berbanding dengan RM4.336 bilion pada tahun 2018.

Wanita dalam tenaga kerja. Kerajaan akan menggalakkan penyertaan wanita terlibat dalam pasaran kerja melalui inisiatif berikut:

- (i) peruntukkan RM10 juta disediakan untuk menambah 50 taman asuhan kanak-kanak atau taska di bangunan kerajaan ke arah meringankan bebanan kerja ibu yang bekerja; dan
- (ii) syarikat swasta disarankan untuk meningkatkan penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan ke arah mencapai sasaran 30 peratus menjelang tahun 2020.

Alam sekitar dan tenaga untuk masa hadapan. Kerajaan tekad untuk memelihara alam sekitar. Memandangkan kawasan perlindungan hutan atau marin adalah di bawah pentadbiran negeri, kerajaan bercadang memperuntukkan RM60 juta kepada negeri bagi melindungi kawasan pelindungan sedia ada dan menambah kawasan baharu.

Untuk menangani pencemaran plastik, kerajaan menawarkan insentif Taraf Perintis sebanyak 70 peratus atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60 peratus untuk tempoh lima tahun bagi syarikat yang menghasilkan plastik mesra alam berdasarkan *bio resin* atau *biopolymer*. Bagi menggalakkan pelaburan teknologi hijau, dana sebanyak RM2 bilion akan disediakan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau dengan kerajaan menampung subsidi kadar faedah dua peratus bagi tempoh lima tahun pertama.

Peruntukkan belanjawan. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2019 memperuntukkan perbelanjaan sejumlah RM314.5 bilion. Daripada itu, sebanyak RM259.8 bilion adalah perbelanjaan mengurus dan RM54.7 bilion adalah perbelanjaan pembangunan. Ini tidak termasuk simpanan luar jangka berjumlah RM2 bilion.

## ■1220

Di bawah peruntukan pembangunan sektor ekonomi menerima sebanyak RM29.2 bilion, sektor sosial RM15.2 bilion, sektor keselamatan RM7.1 bilion dan sektor pentadbiran awam sebanyak RM3.2 bilion.

Sebagai penghargaan kepada semua penjawat awam, kerajaan mencadangkan bayaran khas sebanyak RM500 kepada penjawat awam dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan pelaksana. Bayaran khas RM250 juga akan diberi kepada pesara kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dipertikaikan bahawa Malaysia baharu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dinamik dan berwawasan telah menjadi inspirasi kepada rakyat Malaysia dan dunia. Sungguhpun negara menghadapi cabaran fiskal sektor kewangan masih sihat dan sektor *monetary* kekal stabil. Pertumbuhan

ekonomi mampan harus diteruskan demi menjamin kesejahteraan ekonomi malah penjanaan hasil yang lebih tinggi akan mengukuhkan kedudukan kewangan awam dan mengurangkan beban hutang.

Selagi kita berjiwa rakyat dan memberi tumpuan untuk melaksanakan reformasi institusi maka kita dapat memulihkan kedudukan fiskal dalam masa tiga tahun.

Rasa cinta terhadap tanah air akan menyatukan kita dalam menghadapi cabaran masa muka. Seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "Malaysia umpama Harimau Asia yang selama ini tidur lena, sekarang bangkit mengaum semula" ... [Tepuk]

Kerajaan akan terus memantau pelaksanaan langkah belanjawan yang diumumkan bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya dalam jangka masa yang ditetapkan dan dapat dilaksanakan dengan jayanya, seterusnya memanfaatkan rakyat dan ekonomi negara dalam jangka masa panjang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kemajuan dan Kebajikan Insan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke Dewan Negara... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Silakan.

### **12.23 tgh.**

**Datuk Razali bin Idris:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillahi Robbil alamin wabihinasta'in.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan diterjemahkan kembali oleh Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mewakili Kerajaan Pakatan Harapan kerana membentangkan belanjawan yang bertanggungjawab dan pragmatik. Belanjawan pertama harapan baharu tidak mengutamakan retorik dan janji-janji manis yang di luar batasan kemampuan kewangan negara seperti belanjawan kerajaan yang terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat adalah tanggungjawab kerajaan. Perbelanjaan negara setiap tahun haruslah dirancang dan berhemah dan berhati-hati supaya wang hasil cukai rakyat tidak disalahgunakan atau dirompak oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Belanjawan 2019 terbukti satu dokumen yang mendedahkan kebenaran perjuangan Kerajaan Pakatan Harapan yang ditunjukkan melalui Manifesto Pilihanraya Umum Ke-14 bahawa kerajaan sangat prihatin dengan kesejahteraan rakyat.

Kerajaan bukan sekadar mengumumkan bantuan sara hidup ia juga membabitkan peruntukan untuk kemudahan kesihatan, pendidikan, agama, alam sekitar, skim perumahan, kerja untuk belia serta pembatalan projek mega yang akan menyelamatkan berbilion ringgit wang rakyat. Malah juga peruntukan untuk pendidikan yang begitu besar menampakkan kerajaan sangat bergantung kepada pembangunan berteraskan pendidikan bukan lagi semata-mata bergantung kepada pencapaian pertumbuhan ekonomi negara.

Saya yakin dengan corak serta acuan pembangunan melalui Belanjawan 2019 yang bukan lagi berpaksi dan berpelantarkan pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya melalui pelantar pendidikan dan latihan pembangunan negara akan menjadi maju daripada sebelumnya. Ini sesuai dengan hasrat kerajaan untuk bangunkan semula harimau yang sedang tidur sejak beberapa tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tekankan melalui perbahasan Belanjawan 2019 yang sangat penting untuk dilihat dengan ikhlas dan jujur ialah mengenai peranan Majlis Amanah Rakyat iaitu MARA untuk membangunkan masyarakat Melayu bumiputera.

Majlis Amanah Rakyat (MARA) ditubuhkan pada 1 Mac 1966 di bawah Akta Parlimen sebagai sebuah badan berkanun hasil daripada Resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama pada tahun sebelumnya iaitu tahun 1965. Amat jelas dan nyata MARA ditubuhkan khusus untuk Melayu bumiputera. Walaupun MARA tidak ada perkataan “Tanah Melayu” seperti “Keretapi Tanah Melayu”, atau “Askar Melayu” tetapi peranan MARA sangat penting untuk orang-orang Melayu.

Jelas dan nyata tujuan MARA ditubuhkan ialah untuk membangunkan usahawan yang berjaya dan berinovatif, melahirkan modal insan global dan berintegriti, menyumbang kepada pemilikan ekuiti dan memudahkan sistem penyampaian.

Begitu juga dengan usahawan dan pemilikan ekuiti, ini bermakna tanpa apa-apa rancangan lain termasuk Rancangan Malaysia Kesebelas pun jika MARA mampu menjayakan matlamatnya Melayu akan menjadi modal insan, usahawan dan pemilik ekuiti di peringkat global. Dalam Kajian Separuh Penggal yang lalu saya ada mencadangkan agar institusi membantu Melayu bumiputera diletakkan terus di bawah Pejabat Perdana Menteri. Soalan saya, apakah MARA tidak wajar diletakkan di bawah Pejabat Perdana Menteri atau dikawal terus oleh Perdana Menteri?

Ada perbahasan mengenai kebimbangan MARA akan hilang peranan dan bajet yang semakin berkurangan. Saya faham ini penting tetapi jika kita menilai fungsi dan mencadangkan strategi yang mantap, apakah peruntukan sebanyak RM50 juta setahun itu mencukupi? Strategi MARA amat jelas iaitu mendaya modul insan, memantapkan pemilikan ekuiti dalam sektor korporat, memperkuuhkan pemilikan aset bukan kewangan, memperhebatkan keusahawanan dan perniagaan dan memantapkan ekosistem penyampaian perkhidmatan.

Sedangkan MARA adalah institusi khusus untuk orang Melayu. Saya ulangi Akta MARA dengan jelas menyebut ia agensi atau institusi khusus untuk orang Melayu bumiputera. Jika orang Melayu semakin ketinggalan soalan saya, apakah kita mahu melihat MARA yang sepatutnya menjadi institusi untuk kepentingan Melayu masih ditadbir di sebuah agensi yang sama tahapnya dengan agensi-agensi lain? Rujuk saja kepada visi dan misi korporat MARA iaitu menjadi organisasi amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat martabat bangsa dan menerajui bidang keusahawanan, pendidikan dan pelaburan untuk penguasaan ekuiti bumiputera.

Berikutan itu, saya mencadangkan dengan tegas soal MARA ini diambil dan difikirkan secara peribadi oleh Perdana Menteri, Menteri Kabinet Melayu dan semua pihak yang mampu menyumbang pandangan demi kepentingan Orang Melayu dan bumiputera.

### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks pendidikan amat nyata kerajaan bersedia membangunkan semula pendidikan negara apabila Kementerian Pendidikan diberi peruntukan yang besar jumlahnya iaitu RM60.2 bilion atau 19.1 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan pada tahun 2019. Ini membabitkan bantuan pendidikan berjumlah RM2.9 bilion

untuk membantu golongan miskin melalui bekalan makanan, buku teks dan bantuan tunai. Selain itu ia bertujuan menaikkan taraf dan penyelenggaraan semua sekolah dengan peruntukan sebanyak RM652 juta berbanding RM615 juta pada tahun 2018.

Kerajaan juga prihatin untuk membina semua sekolah daif di seluruh negara apabila menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta selain peruntukan RM206 juta untuk membangun dan menyediakan program latihan di politeknik dan kolej komuniti.

Justeru itu, saya memohon jasa baik Yang Berhormat Menteri Pendidikan supaya dapat agihkan semua sebahagian peruntukan untuk membina dua blok bangunan di tapak bangunan lama Sekolah Kebangsaan Seberang Marang, Terengganu yang daif serta tua sehingga merbahaya kepada pelajar yang masih menggunakan kelas-kelas dan bangunan tersebut. Yang Berhormat Menteri telah singgah serta melawat sekolah tersebut dan kami ibu bapa serta guru mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas keprihatinan.

Rancangan kerajaan untuk mengeluarkan 600 orang akauntan bumiputera yang diiktiraf dalam masa lima tahun dengan memperuntukkan sebanyak RM17.5 juta kepada *Malaysia Professional Accountancy Centre* (MyPAC) juga perlu disambut baik. Saya difahamkan sejak kebelakangan ini, kebanyakan iklan pekerjaan di laman sesawang seperti *Jobstreet* untuk *auditor, tax advisory* dan bidang perakaunan lain ada yang mensyaratkan berbahasa Mandarin yang menyebabkan graduan Melayu bumiputera sukar mendapat peluang kerja.

Justeru itu, untuk tidak menjadi lambakan akauntan bumiputera lima tahun akan datang, apakah langkah proaktif kerajaan supaya sasaran 600 orang akauntan Bumiputera seimbang dengan pekerjaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan keputusan kerajaan menambah baik Bantuan Sara Hidup (BSH) demi keperluan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah iaitu B40, kerajaan menyediakan bantuan secara lebih bersasar. Saya harap Bantuan Musim Tengkujuh kepada pekebun kecil dan penoreh getah, subsidi baja, Insentif Pengeluaran Padi perlu diteruskan. Insentif bersasar nelayan juga perlu dipastikan sampai kepada kumpulan sasaran.

Saya memahami rasional di sebalik pengurangan bantuan kepada kumpulan sasar berkenaan yang bertujuan menangani masalah agihan bantuan terdahulu. Langkah perit itu perlu diambil bagi mengelakkan berlakunya ketirisan dan penyalahgunaan kuasa selain memastikan agihan kepada kelompok sasaran dilaksanakan secara saksama. Walau bagaimanapun, sebahagian besar kelompok masyarakat itu adalah di kalangan orang miskin yang memerlukan bantuan kerajaan demi kelangsungan hidup.

Yang nyata bagi saya, Bantuan Sara Hidup yang menjadi penerus kepada BR1M. Akan tetapi, pelaksanaannya lebih baik dan telus kerana pembayaran dibuat secara penuh, terus kepada akaun penerima berbanding secara berperingkat-peringkat sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh kerajaan mewujudkan suasana alam sekitar dan persekitaran yang bersih bersesuaian dengan hasrat Dasar Hijau dan menjayakan teknologi hijau. Dalam usaha mempromosi dan menjayakan teknologi hijau, ia bukan sekadar tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi juga bergantung pada permintaan iaitu daripada orang ramai khususnya pengguna. Sudah pasti ini memerlukan kesedaran kerana semakin banyak permintaan, maka lebih banyak pembabitan syarikat berskala kecil dan sederhana serta syarikat besar dapat menyediakan perkhidmatan berteknologi hijau.

Contoh mudah, ialah sebanyak 124 buah cawangan restoran makanan segera *McDonald's* Malaysia telah melaksanakan sekurang-kurangnya satu inisiatif teknologi hijau sebagai memenuhi hasrat kerajaan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) sehingga 45 peratus menjelang tahun 2030. Setakat ini lima sektor yang sesuai dibangunkan oleh projek berteknologi hijau adalah tenaga, air, pelupusan sampah, bangunan dan syarikat perkhidmatan tenaga.

Dalam usaha menggalakkan pelaburan industri teknologi hijau, kerajaan melalui Bajet 2019 menyediakan dana RM2 bilion melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau dengan izin, *Green Technology Financing Scheme* (GTFS), dan kerajaan berjanji untuk menampung subsidi kadar faedah dua peratus bagi tempoh lima tahun pertama. GTFS dikatakan mampu menarik penyertaan 28 institusi kewangan untuk membiayai projek hijau di seluruh negara seperti berkaitan tenaga, industri, bangunan, pengangkutan, air dan sisa.

Kita amat berharap bahawa melalui insentif kewangan melalui GTFS, Kerajaan Pakatan Harapan yang dikatakan sebanyak 60 peratus jaminan kerajaan bagi kos komponen dibiayai institusi kewangan yang mengambil bahagian selain rebat dua peratus setahun bagi keuntungan faedah benar-benar dimanfaatkan.

Malah saya juga ingin bertanya, apakah had pembiayaan kewangan bagi kategori syarikat pengeluar dan pengguna iaitu masing-masing RM100 juta dan RM50 juta masih berada di dalam GTFS. Kita berharap melalui peruntukan yang sedia ada dan jika perlu ditambah, kementerian bertanggungjawab perlu melihat bentuk pembiayaan secara konvensional termasuk GTFS yang terdahulu yang dikatakan menawarkan pakej seperti berikut:

- (i) terbitan bon atau *sukuk* hijau dengan had minimum setiap syarikat sebanyak RM300 juta selama 15 tahun bagi syarikat pengeluar dan 10 tahun bagi syarikat pengguna; dan
- (ii) RM1 bilion dikhkususkan untuk pelaburan berkaitan cekap dan *energy performance contract*, dengan izin, atau EPC.

Soalan saya, apakah pakej ini masih diguna pakai oleh kerajaan sekarang? Apa yang penting di sini ialah sejauh mana peluang diberikan kepada syarikat dan industri yang berpotensi boleh mendapat had pembiayaan sehingga RM25 juta untuk tempoh sehingga lima tahun. Persoalannya apakah pembiayaan yang baharu diperkenalkan itu boleh dianggap mampu merangsang pertumbuhan pasaran kecekapan tenaga sebagai segmen pertumbuhan ekonomi baharu.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira bila belanjawan kerajaan untuk memperuntukkan RM2 bilion sebagai subsidi minyak bagi kereta berkapasiti enjin 1,500cc dan ke bawah serta motosikal berkapasiti enjin 125cc dan ke bawah akan memberi manfaat kepada empat juta pemilik kereta dan 2.6 juta pemilik motosikal.

Walau bagaimanapun, usaha dibuat demi meringankan bebanan kos terhadap golongan bawahan dan pertengahan, namun harga minyak masih di tahap yang tidak boleh dibanggakan. Minyak adalah sebahagian punca kenaikan kos sara hidup dan kenaikan harga barang. Maka soalan saya, apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengambil inisiatif dengan PETRONAS supaya memperkenalkan semula petrol RON92, sebagai pilihan kepada rakyat Malaysia dengan harga yang jauh lebih murah jika dibandingkan dengan RON95 dan RON97.

Tuan Yang di-Pertua amat membanggakan juga ialah pengumuman peruntukan sebanyak RM1.2 bilion bagi memastikan kemajuan syiar Islam tidak terjejas berikutan keadaan ekonomi yang cukup mencabar pada hari ini.

#### ■1240

Peruntukan ini ialah peningkatan RM100 juta berbanding peruntukan Belanjawan pada tahun yang lepas sebanyak RM1.1 juta. Juga menarik ialah RM150 juta disediakan bagi melaksanakan program termasuk pembinaan masjid dan surau di seluruh negara, inisiatif *khairah ummah* untuk melahirkan lebih ramai profesional di kalangan *huffaz* dan modul pembelajaran agama dengan menggunakan *braille*.

Sementara kerajaankekalkan peruntukan RM50 juta kepada sekolah tahniz bagi tujuan menaikkan taraf penyelenggaraan, kita sambut baik. Jadi di mana kah sebenarnya tuduhan kerajaan Pakatan Harapan tidak mementingkan kumpulan rakyat berpendapatan rendah dan

membelakangkan syiar Islam? Justeru, kepada kementerian yang bertanggungjawab supaya kita mencadangkan mengguna pakai, bukan cakap kita buat.

Memakmurkan masjid mempunyai kesan yang positif bagi membina sebuah masyarakat Islam berkualiti selain mampu meningkatkan kesefahaman yang kuat sesama ummah. Setiap masjid perlu satu mekanisme pentadbiran dan pengurusan masjid yang bercirikan profesionalisme. Melalui penekanan ini keberkesanan institusi masjid akan dapat memberi impak kepada ekonomi dan aktiviti sosial masyarakat sejagat.

Sementara itu, cabaran abad ke-21 menyaksikan golongan muda dijadikan sasaran budaya liar. Buktiya ramai di kalangan mereka semakin berani menonjolkan diri dengan budaya negatif seperti mengamalkan gaya hidup Barat, menukar identiti diri kepada nama bukan Islam dan menjadi murtad kerana mengikut kekasih serta ada di antara mereka langsung tidak kenal tulisan jawi, apakah lagi untuk membaca Al-Quran.

Jadi soalan saya, apakah strategi kerajaan untuk membendung gejala tersebut?

Kedua, apakah langkah proaktif kerajaan dan kementerian supaya dapat menjinakkan generasi muda ke masjid-masjid dan masjid bukan hanya untuk orang sudah berpencen?

Ketiga, apakah usaha untuk memulihkan kembali tulisan jawi yang sekarang ini semakin ditelan arus perdana?

Tuan Yang di-Pertua, industri elektrik dan elektronik (E&E), adalah industri eksport yang terbesar sekali dalam sejarah negara selama 40 tahun. Ianya jauh lebih besar daripada industri-industri lain seperti *oil and gas* dan juga minyak sawit.

Pada tahun 2017, eksport daripada E&E mencecah RM343 bilion. Akan tetapi nilai tambah hanya 26.2 peratus dan tidak pernah mencecah lebih daripada 29 peratus semenjak beberapa dekad yang lalu. Adakah ini satu isu yang tidak menarik Kerajaan Pakatan Harapan?

Soalan saya, apakah strategi dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani isu ini sehingga E&E kembali berdaya saing di peringkat antarabangsa?

*Institute of Microelectronic System (MIMOS)* telah dibangunkan oleh kerajaan pada pertengahan 80'an sebagai agensi untuk memangkinkan industri reka bentuk litar elektronik serta pembuatan makro elektronik yakni *IC design and IC fabrication*, dengan izin. Ia didapati sekarang fasiliti pembuatan *IC fabrication* MIMOS di Bukit Jalil telah ditutup sementara, *hibernation*, dengan izin, dan tidak berfungsi lagi.

Soalan saya, adakah kerajaan melihat ini satu kegagalan yang nyata memandangkan industri *E&E global* terus berkembang dengan tidak akan susut, masih bernilai USD4.5 bilion

untuk tahun 2018. Adakah ini disebabkan *mismatch in skills and competency in the top management*, dengan izin.

Kedua, apakah strategi dan langkah cepat kerajaan sekarang untuk mengembalikan MIMOS sebagai salah satu agensi kerajaan yang membantu pembangunan ekonomi negara dengan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat jelata terutamanya golongan muda.

Saya juga ingin menyentuh sedikit sektor perbankan kerana didapati bank-bank pembangunan yang ditubuhkan oleh kerajaan telah lari daripada skop dan tugas asal untuk menyokong usahawan terutamanya bumiputera dalam pembangunan industri khasnya industri berteknologi tinggi dan yang mengeksport. Soalan saya, adakah bank-bank tersebut akan dirombak dan pengurusannya diubah supaya dapat menentukan mereka relevan serta pemulihan semula tugas dan bidang bank-bank pembangunan di dalam menjana ekonomi sehingga mencapai objektif negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menghadapi Revolusi 4.0, beberapa bidang masa hadapan robotik, *artificial intelligence* (AI), bioteknologi dan sebagainya akan diperkasakan seperti yang disebut dalam Pelan Tindakan Dasar Industri 4.0. Ada di antara bidang-bidang yang cukup baharu di negara kita. Sudah pasti ia memerlukan sesuatu inisiatif serta kerjasama pelbagai agensi sama ada melibatkan kerajaan atau swasta bagi merealisasikannya. Apakah langkah-langkah proaktif kerajaan bagi menghasilkan pakar-pakar dalam bidang-bidang baharu tersebut dan apakah sasarannya dalam waktu terdekat?

*E-sports* juga satu bidang baharu yang mampu diolah menjadi industri alternatif terutama golongan belia dengan peruntukan RM20 juta kepada Malaysia Digital Ekonomi Cooperation (MDEC) sebagai galakan daripada kerajaan. Namun begitu, ia juga membawa persepsi negatif kerana sering kali dikaitkan dengan ketagihan permainan video. Sebagai langkah awal pencegahan, apakah bentuk kawalan atau pemantauan daripada pihak kerajaan agar *e-sports* tidak memberi impak negatif terhadap kesihatan mental dan sosial masyarakat terutamanya generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memperuntukkan RM30 *million* bagi menggalakkan penghasilan filem di Malaysia bertaraf antarabangsa. Akan tetapi terlepas pandang pada penggiat industri muzik. Saya difahamkan industri muzik sedang menghadapi situasi yang semakin meruncing hari demi hari. Manakala isu hak cipta dan bayaran royalti tiada noktah dan artis serta syarikat produksi majoritinya adalah Melayu, tiada pembelaan sama sekali.

Ada yang mendakwa peneraju badan-badan yang dibentuk, hidup senang lenang menyamun hasil kutipan royalti jutaan Ringgit adalah dari keringat artis dan pemuzik. Ini tidak

termasuk dana seni atau geran yang diperoleh daripada kerajaan yang menggunakan atas nama artis pun dibalut juga. Justeru, saya mencadangkan agar industri muzik Malaysia perlu direform dan dikawal selia oleh kementerian yang tertakluk di bawah undang-undang perbadanan. Jika filem ada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), apakah kerajaan tidak bercadang secara khusus untuk industri muzik supaya mewujudkan Perbadanan Kemajuan Muzik Nasional Malaysia (MINAS).

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak Terengganu, amatlah rugi dan malang sekiranya saya tidak berjuang untuk mendapat sebahagian agihan belanjawan untuk rakyat Terengganu walaupun kerajaan negeri tidak senada dengan Kerajaan Persekutuan. Adalah disebut dalam belanjawan itu, memastikan pembangunan seimbang dan dengan peruntukan sebanyak RM962 juta untuk membina dan menaikkan taraf jalan raya, jalan luar bandar, dan juga jambatan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, panjang lagi tak?

**Datuk Razali bin Idris:** Sedikit lagi hendak habiskan sekarang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, tak, tidak apa.

**Datuk Razali bin Idris:** Boleh teruskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih, oleh sebab kita bersetuju dengan Kerajaan Persekutuan menangguhkan pembinaan ECRL kerana kos yang terlalu tinggi, maka soalan saya. Adakah sebahagian daripada peruntukan RM926 juta itu diagihkan untuk pembinaan Lebuhraya Simpang Pulai ke Kenyir atau sambungan LPT ke Kelantan, atau penyiapan laluan jajaran pantai yang masih belum siap-siap? Tuan Yang di-Pertua, dapat satu daripada tiga pun cukup untuk tahun 2019.

## ■1250

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Oktober 2018, Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang mendakwa royalti petroleum minyak Terengganu terhalang, maksudnya belum dapat. Manakala semasa Dewan Negeri Terengganu bersidang baru-baru ini terlihat dua bekas Menteri Besar yang berkelahi sakan sebelumnya, menawarkan diri bercantum, dengan kerajaan negeri bagi mendesak Kerajaan Pusat supaya hak royalti minyak Terengganu dikembalikan.

Dalam Persidangan Dewan pula, Yang Berhormat Menteri Besar Terengganu mengakui telah menerima wang royalti minyak sebanyak RM300 juta yang dibayar sebanyak dua kali iaitu pada bulan Ogos dan bulan Oktober.

Cuba kita lihat, seorang berbohong, dua lagi hendak tunjuk hero dan satu pihak lagi sudah pecah lubang, sudah dapat royalti minyak. Saya di peringkat awal menyokong persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membayar royalti minyak secara terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Akan tetapi sekarang saya sangat terkilan dan ingin tegaskan supaya Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang menarik balik kenyataan dan memohon maaf secara terbuka kepada rakyat Terengganu kerana keterlanjuran bercakap bohong tentang bayaran royalti minyak.

Sekiranya beliau tidak menerima desakan kita untuk memohon maaf, maka saya akan membuat satu desakan kepada Kerajaan Pusat supaya memberhentikan bayaran royalti minyak secara terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan mengkaji kaedah lain. Walau bagaimanapun rakyat negeri Terengganu akan mendapat wang royalti minyak, cuma kaedah bayaran sahaja yang berbeza.

Sedikit Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan *East-Coast Economic Region Development Council* (ECERDC). Saya cuba bangkitkan...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon mencelah.

**Datuk Razali bin Idris:** Biar saya habiskan dahululah.

**Puan Asmak binti Husin:** Boleh?

**Datuk Razali bin Idris:** Ada sedikit. Saya cuba bangkitkan semasa perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lalu, tetapi tiada jawapan. Dokumen Belanjawan 2019 juga tiada apa-apa perkembangan tentang ECER.

Jadi soalan saya ada empat soalan. Apakah hala tuju ECER yang mempunyai lima tonggak untuk generik ekonomi Pantai Timur iaitu *tourism, oil and gas* dan *petrochemical, manufacturing, agricultural, and human capital development*, dengan izin?

Nombor dua, apakah *benefit* kepada rakyat Pantai Timur dari pelaksanaan ECER?

Nombor tiga, apakah status projek dan berapakah statistik usahawan yang dilahirkan sehingga tahun 2018?

Keempat, apakah kerajaan tidak bercadang untuk merombak serta menukar pengurusan supaya terus relevan pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Asmak.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua juga kepada sahabat saya Yang Berhormat Datuk Razali.

Tadi berkenaan dengan royalti, apabila beliau mencadangkan untuk pihak yang lain menguruskan royalti adakah- saya telah bangkitkan sebelum ini isu ini. Adakah ini akan bertentangan dengan semangat *Federalisme* yang kita akan popularkan di Malaysia?

Kedua, kalau ada pihak ketigalah dalam kerajaan negeri, adakah ia akan memberi kesan kepada pengurusan? Oleh sebab kalau di Kelantan kita memang pernah- kisah orang ketiga ini dan kerjasama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri ini menjadi lebih sukar dan kesannya adalah rakyat, minta penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih, soalan itu memang bagus. Maksud saya tadi kena faham...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata kaedah sahaja, bukan jangan beri.

**Datuk Razali bin Idris:** Maksudnya, sekarang ini saya- kenyataan Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang telah berbohong mengatakan royalti minyak Terengganu masih belum diberi. Jadi saya, minta supaya Yang Berhormat memohon maaf. Kita tahu apabila satu royalti dibayar kepada agensi lain, maka akan menjadi satu kesukaran untuk perbelanjaan di negeri-negeri, itu saya faham.

Jadi, persoalan saya sekarang ini, kita minta supaya Yang Berhormat Ahli Parlimen Marang memohon maaf terlebih dahulu, kalau tidak kita akan buat desakan itu. Boleh jawapan itu ya, okey. Terima kasih.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** ...Garangnya.

**Datuk Razali bin Idris:** Bukan garang Yang Berhormat. Saya sebenarnya, kita rasa terkilan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya hendak baca tulisan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sekarang berusia 93 tahun untuk renungan kita bersama. Akan tetapi dia tulis dekat sini untuk orang Melayu, tetapi saya rasa kita buka kepada semua untuk dengar... [Membaca petikan] “*Memperasuhan Orang Melayu. Saya tidak tahu sama ada “memperasuhan” adalah satu perkataan dalam Bahasa Melayu. Tetapi sama ada perkataan ini ada atau tidak, perbuatan memperasuhan memang kerap dilakukan dalam masyarakat manusia. Maknanya ialah perbuatan menyemai sifat buruk ini dalam masyarakat sehingga menjadi sebahagian daripada budayanya. Masyarakat yang terima budaya ini, tidak lagi berasa segan atau malu dengan pemberian dan penerimaan rasuah, yang kadang-kadang disebut sebagai “tumbuk rusuk” atau “makan suap”.*

*Rasuah tetap diamal oleh semua masyarakat manusia. Tetapi biasanya masyarakat anggap rasuah sebagai satu amalan yang keji dan buruk. Mereka yang mengamal rasuah*

*akan menyembunyi perbuatan mereka kerana sedar yang ianya adalah sesuatu amalan yang salah di sisi undang-undang dan agama juga. Akan Tetapi apabila masyarakat terima amalan rasuah sebagai perkara biasa yang boleh di amal secara terbuka, maka tidak lagi ada perasaan segan silu apabila melakukannya, baik oleh pemberi atau penerima.*

*Di zaman pemerintahan yang percaya “cash is king” atau “wang adalah raja” maka pemberian dan penerimaan rasuah menjadi satu daripada nilai hidup dan budaya, terutama di kalangan orang Melayu. Apa sahaja sanggup dibuat jika disogok dengan wang atau pemberian yang diminati. Soal baik buruk sesuatu yang diberi atau diarah tidak termasuk dalam pertimbangan.*

*Percanggahan dengan undang-undang, bahkan berdosa daripada segi agama tidak langsung diambil kira. Yang utama ialah pendapatan yang memuaskan nafsu. Masyarakat tahu, mereka tahu sogokan dianggap sebagai perbuatan yang tidak baik dan dilarang. Akan tetapi penerima tidak fikir panjang. Baik, tidak baik, tetapi sogokan memuaskan nafsu dan dipercaya menguntungkan. Oleh itu, terima sahajalah. Kesan buruk terhadap masyarakat adalah perkara remeh dan gampang. Sudah tentu perasaan kebangsaan dan kesan terhadap bangsa dan negara tidak lebih utama daripada nafsu penerima rasuah”... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Bermaksud, “Barang siapa yang bersyukur, di atas nikmat-Ku yakni Allah, maka Aku akan menambah kenikmatan kepadanya dan barang siapa kufur akan nikmatKu yakni Allah, maka sesungguhnya azabKu amatlah pedih”.*

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali. Ucapan yang akhir itu saya tidak tahu Yang Berhormat Menteri Kewangan hendak jawab- fasal dia itu Cina [Ketawa]

Walau bagaimanapun, dipersilakan- kita ada seminit lagi. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker. Seminit itu pun sudah habis dah... [Dewan ketawa]

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**■1430**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Kita sambung perbahasan semula dan saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker. Dipersilakan.

### **2.32 ptg.**

**Dato' Sri Ti Lian Ker:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut membahas Belanjawan 2019 pada hari ini. Ucapan saya akan merangkumi beberapa aspek yang berkaitan dengan ekonomi negara dan pelaksanaan cukai serta aspek pendidikan dan keselamatan makanan.

Isu ekonomi negara, hutang Kerajaan Persekutuan dan bon samurai. Menurut Bank Dunia, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada 4.9 peratus pada tahun ini. Sebelum Kerajaan PH mengambil alih, Bank Dunia menjangka ekonomi Malaysia boleh berkembang sebanyak 5.4 peratus. Ini jelas menunjukkan persepsi antarabangsa terhadap prestasi ekonomi di Malaysia di bawah pemerintahan Pakatan adalah kurang optimis. Malahan, keyakinan mereka terhadap Malaysia juga turut jatuh merudum. Semestinya Kerajaan PH akan mengatakan ia disebabkan oleh faktor luaran ekonomi global yang di luar kawalan kerajaan dan pelbagai alasan lain yang lebih berbau politik.

Hakikatnya, menurut Bank Dunia, penilaian semula beberapa projek infrastruktur mega atas pertimbangan politik kepartian telah meningkatkan keraguan, ketidaktentuan dan ketidakyakinan prospek pelaburan di bawah Kerajaan PH yang seterusnya telah menjelaskan pertumbuhan ekonomi negara. Jumlah perdagangan semakin berkurang dan kadar pengeluaran atau aktiviti ekonomi menyusut disebabkan oleh pembatalan dua projek infrastruktur yang memanfaatkan rakyat marhaen yang telah menjelaskan prospek dan potensi perkembangan ekonomi negara pada tahun ini.

Pembatalan projek-projek infrastruktur ini yang telah dibuat ke atas sesuatu projek yang telah dikaji, dihalusi dan diteliti oleh pakar-pakar dan institusi kerajaan telah dilakukan atas pertimbangan politik semata-mata. Ini telah dilihat sebagai kurang bertanggungjawab di mata pelabur dan tidak amanah pada rakyat dan pelabur. Ini telah menimbulkan persepsi yang

sangat negatif dan sentimen yang sangat negatif terhadap ekonomi dan juga pentadbiran dalam negara.

Ekoran daripadanya, pelbagai indikasi ekonomi yang negatif telah timbul dalam tempoh singkat pemerintah Kerajaan Pakatan. Antaranya ialah nilai mata wang Ringgit Malaysia jatuh berterusan ke paras yang paling rendah, lemah dan masih jatuh lagi. Misalannya, dalam bulan April tahun ini USD1 dapat diperoleh di bawah paras RM4 tetapi kini kita memerlukan lebih daripada RM4 yakni RM4.18 untuk memperoleh USD1.

Dalam erti kata lain, nilai mata wang Malaysia telah menyusut sebanyak lebih daripada empat peratus. Petanda aras Bursa Malaysia, telah jatuh dari 1,895.18 mata pada 19 April hingga 1,679.86 mata pada 30 November ini. Ini adalah bersamaan dengan kehilangan mata indeks sebanyak 215.32 mata atau 11.4 peratus.

Semasa pemerintahan Barisan Nasional, indeks FBMKLCI hampir mencecah paras tertinggi dalam sejarah. Hari ini, prestasi FBMKLCI kekal merudum jatuh sejak dari hari pertama Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan pada 9 Mei. Yang Berhormat Menteri Kewangan, telah juga mensensasikan angka yang kurang tepat bahawasanya hutang negara telah mencecah RM1.17 trilion.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai masalah fenomena penyakit dua ‘S’, dua ‘P’, dan dua ‘K’. Iaitu dua ‘S’, kita sering membuat ‘statement’, yang sensasi dan ini telah menyebabkan dua ‘P’ iaitu ‘panik dalam pasaran’. Akhirnya, inilah yang berlaku ‘krisis keyakinan’. Ini telah menyebabkan dan mengakibatkan pengaliran keluar modal asing sebanyak RM13.1 bilion dalam tempoh masa enam bulan sahaja. Angka yang diberi adalah bercanggah dengan laporan ketiga-tiga agensi penarafan antarabangsa iaitu *Moody’s*, *Standard & Poor’s* dan *Fitch Ratings*. Malahan, Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang disediakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sendiri telah mencetak dengan jelas bahawa hutang Kerajaan Persekutuan adalah RM686.8 bilion, dan bukannya RM1 trilion. Apakah motif Yang Berhormat Menteri Kewangan yang membuat keterangan ini?

Jelas kenyataan sedemikian semestinya boleh membawa padah pada pasaran dan pelaburan yang pasti sensitif, peka dan akan panik dengan kenyataan yang terlalu negatif dan kurang bertanggungjawab. Malahan, kenyataan ini tidak tepat dan tidaklah jitu kalau mengikut perangkaan sebenarnya. Ini kerana bahasa Yang Berhormat Menteri, binasa ekonomi. Akibatnya, rakyat telah mengalami kerugian besar secara berterusan sehingga hari ini. Paras terendah masih lagi tidak kelihatan dan usaha menyekat kejatuhan ini masih lagi ketandusan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan Bank Negara Malaysia, hutang negara kita pada akhir bulan Jun 2018 ialah RM725 bilion iaitu peningkatan daripada RM686 bilion pada akhir tahun 2017. Bukankah Pakatan Harapan selalu bercakap bahawa kerajaan akan menjadi bankrap jika hutang kita bertambah banyak. Jadi, sepatutnya kerajaan berusaha untuk menurunkan jumlah hutang ini.

Sebaliknya, kerajaan hari ini masih berkeras hendak membuat pinjaman Bon Samurai dari negara Jepun yang berjumlah sebanyak 200 bilion Yen. Sekiranya kerajaan hendak membuat pinjaman wang, kita seharusnya menerbitkan bon kerajaan sendiri dan bukannya menerima bon yang ditawarkan oleh negara asing.

#### ■1440

Ini kerana peminjaman bon negara asing akan mendedahkan negara kita kepada risiko pertukaran wang asing yang tidak menentu ketinggiannya. Hakikat hari ini, nilai pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding dengan Yen Jepun adalah dalam paras yang terendah. Dengan tempoh masa lima tahun yang lemah sepanjang tempoh yang lalu, maka jumlah pembayaran balik bon Samurai pada masa akan datang akan bertambah apabila trend mata wang Yen semakin bertambah. Semestinya ini akan membebangkan kewangan kerajaan kita dan seterusnya mengakibatkan generasi akan datang terpaksa membayar hutang yang lebih dengan kadar yang lebih tinggi.

Dengan itu, saya memohon penjelasan daripada kementerian apakah justifikasi kerajaan tidak menerbitkan bon kerajaan sendiri, sebaliknya menerima bon dari negara asing. Adakah kerajaan kita tidak percaya pada potensi dan kelebihan ekonomi negara diri sendiri. Tokoh pimpinan Pakatan Harapan sering ghairah menyalahkan Kerajaan Barisan Nasional dahulu kerana membuat pinjaman wang asing yang akan membebangkan generasi akan datang.

Atas prinsip dan dasar yang sama, saya ingin memohon Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu supaya jangan lalai dengan nafsu meminjam dan dengan segeranya menghentikan peminjaman wang daripada negara asing seperti yang dilaung-laungkan dan dijanjikan dahulunya. Apa bezanya membuat pinjaman dari negara China mahupun dari negara Jepun. Kedua-dua negara pembiutang tetap akan mencari keuntungan. Akhirnya yang kerugian dan tanggungan serta bebanan adalah pada rakyat dan generasi akan datang. Bukankah ini yang dihujahkan oleh penglipur lara-penglipur lara Pakatan Harapan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu cukai soda. Berkaitan dengan cukai soda, kerajaan memperkenalkan pelaksanaan cukai sebanyak 10 peratus ke atas minuman bergula dengan alasan mengawal tabiat dan untuk memelihara kesihatan rakyat. Kerajaan seharusnya lebih prihatin dan fikirkan serta pertimbangkan implikasi bebanan pelaksanaan cukai soda ini. Semestinya ia akan mengakibatkan inflasi makanan sekali gus melemahkan kuasa beli rakyat yang semakin terdesak dan terseksa oleh deraan keruntuhan dan kejatuhan ekonomi kita.

Seorang pakar ekonomi daripada Universiti Putra Malaysia telah mengatakan bahawa pelaksanaan cukai soda akan menguntungkan kerajaan dan penambahan hasil kerajaan dalam anggaran sebanyak RM156 juta. Akan tetapi industri minuman akan merekodkan kerugian sebanyak RM546 juta. Ini bermakna walaupun cukai soda dapat menambah hasil kerajaan tetapi sekali lagi keputusan Kerajaan Pakatan Harapan ini akan membantut perkembangan dan membinasakan industri minuman ringan ini dengan jangkaan kerugian besar akibat pengurangan dan penyusutan permintaan.

Pakar ekonomi ini juga menjangkakan bahawa pengurangan keluaran dalam negara kasar ataupun KDNK sebanyak RM291 juta dan seramai 3,221 orang buruh akan kehilangan sasaran pendapatan akibat *cost*, dan *effect*, dengan izin, daripada pelaksanaan cukai soda ini. Keadaan ekonomi negara dan global yang semakin pesimis akan membawa padah dan luka pada kehidupan harian yang bagi mereka yang miskin, yang kais pagi makan pagi, kasi petang makan petang. Mungkin Menteri-menteri kita tidak dapat memahami dan merasai kepahitan hidup rakyat kerana pendapatan mereka berpuluhan-puluhan ribu sebulan. Akan tetapi janganlah kita kurang peka, kurang prihatin kepada mereka yang miskin, papa kedana ini.

Lebih-lebih lagi pelaksanaan cukai ini pasti akan mengakibatkan kenaikan harga minuman di restoran dan seterusnya kenaikan inflasi yang boleh melemahkan kuasa beli rakyat terutamanya mereka dalam golongan B40. Saya difahamkan bagi isi rumah yang berpendapatan RM2 ribu ke bawah sebulan menanggung perbelanjaan, tanggungan perbelanjaan mereka sebanyak 90 peratus daripada gaji mereka adalah pada barang harian dan khususnya pada makanan, minuman dan juga sewa beli rumah dan sebagainya. Amatlah jelas nanti, golongan B40 ini lah yang akan menanggung dan disengsarakan dengan kehidupan yang teramat peka pada perubahan kos dalam harga makanan dan minuman.

Menurut laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, kebanyakan *survival*, dengan izin, isi rumah dalam kumpulan B40 terjejas disebabkan oleh harga makanan dan minuman tanpa alkohol yang telah meningkat kebelakangan ini sejak

pemerintahan baharu dan telah mencatatkan kenaikan yang amat tinggi sehingga kepada kadar 3.7 peratus setahun.

Kenaikan ini diikuti oleh harga makanan di luar rumah yang meningkat pada kadar 3.4 peratus serta perbelanjaan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain pada kadar 2.4 peratus. Isi rumah B40 di bandar terutama golongan berpendapatan rendah menerima kesan yang lebih terjejas dengan kenaikan harga barang dan kos perkhidmatan disebabkan cukai yang tidak jitu yang membawa kepada komitmen perbelanjaan yang lebih tinggi dengan keupayaan penjanaan pendapatan yang terhad.

Kesimpulannya, pelaksanaan cukai soda akan menambahkan bebanan kewangan khususnya terhadap rakyat B40 dalam kadar purata atau *ratio* pendapatan mereka. Maka saya dengan ini ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu agar kementerian yang berkenaan menarik balik cadangan cukai soda ini dan membuat *U-turn* yang berpatutan dengan menangguhkan pelaksanaan cukai ini sehingga suatu masa yang lebih sesuai.

Seperti mana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita ini semua manusia biasa, bukannya malaikat dan, dengan izin, *even angels make mistake*, katanya. Maka saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk merendahkan diri dan telanlah ego sekali ini untuk membuat *U-turn* ini demi untuk meredakan rakyat yang sengsara, diseksa dan didera oleh mainan dan keputusan berbaur politik yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu pendidikan. Dalam isu geran pendidikan, saya ingin mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa menjawat Ketua Menteri Pulau Pinang bahwasanya dalam pemberian bantuan geran pendidikan, sesebuah sekolah ataupun institusi tinggi tidak seharusnya dianaktirikan atas sebab ataupun dasar politik.

Namun dalam Belanjawan 2019, Menteri Kewangan telah menjadikan TAR UC ataupun KTAR sebelum ini sebagai sasaran semata-mata atas sebab pengasasnya adalah MCA. Seterusnya Yang Berhormat Menteri muh memaksa pemisahan MCA yang sinonim dengan KTAR dahulunya dan TAR UC kerana MCA telah berjaya dan berupaya membentuk satu institusi ke tahap prestasi yang tinggi dan dicemburui.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ada latar belakang TAR UC ini di mana MCA terlibat. MCA telah membentuk TAR UC dalam suasana di mana kelima-lima universiti tempatan telah mengenakan kuota bumiputera dan penerimaan kemasukan pelajar. Ini telah menyebabkan kesangsian di kalangan ramai pelajar bukan Bumiputera yang berkelayakan

untuk meneruskan pendidikan tetapi tidak dapat meneruskan pendidikan *tertiary* disebabkan kuota bumiputera yang telah ditetapkan.

Dalam suasana ketegangan perkauman, apabila pelajar bukan Bumiputera merasa mereka telah didiskriminasikan, dianaktirikan atas dasar perkauman. MCA telah mewujudkan ataupun mencadangkan dan mewujudkan sebuah institusi yang dinamakan *TAR College* untuk memberi peluang pendidikan kepada mereka yang miskin, yang tidak berupaya, yang tidak diberi peluang untuk meneruskan pendidikan atas dasar kuota dan institusi ini membuka kepada semua tanpa mengira kaum.

Oleh kerana sekatan dan terbantutnya peluang pendidikan pelajar-pelajar bukan bumiputera demi untuk membantu menyelesaikan masalah ini, maka MCA telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan TAR UC bukanlah atas matlamat agenda politik kepartian tetapi demi untuk keadilan sosial kepada semua pelajar-pelajar.

Manfaat peluang pendidikan yang diberi telah dinikmati oleh ramai pelajar yang kesempitan kewangan, yang tidak mempunyai peluang untuk meneruskan institusi disebabkan oleh kuota dan sebagainya termasuk juga Yang Berhormat Menteri Pertanian, Yang Berhormat Salahuddin Ayub hari ini; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Yang Berhormat Saifudin Nasution; Menteri Industri Utama, Yang Berhormat Teresia Kok; Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Chow Kon Yoew; dan sebagainya. Bukananya semua orang bernasib baik mempunyai bapa yang boleh menghantar anaknya ke luar negara untuk meneruskan pendidikan mereka seperti peluang yang telah dinikmati oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

#### ■1450

MCA telah berjaya memainkan peranan yang proaktif ke arah meredakan ketegangan perkauman dengan perwujudan KTAR ini demi untuk mengatasi satu kemelut-kemelut politik pada masa itu. Bukanlah untuk agenda politik. Akan tetapi untuk menyelesaikan masalah politik.

Inisiatif ini telah diambil oleh MCA walaupun terpaksa menghadapi tuduhan dan provokasi parti DAP pada masa itu bahawa kononnya MCA harus memperjuangkan penghapusan kuota bumiputera dan bukannya meminta derma daripada masyarakat Tionghoa untuk mewujudkan Kolej UTAR atau Kolej TAR. DAP telah juga membuat tahanan bahawa kononnya MCA sudah menggadaikan hak sama rata atau *equal rights to education* masyarakat bukan bumiputera. DAP terus memperjuangkan *Malaysian Malaysia* dan hak kesamarataan.

Akan tetapi pada hari ini, mereka takut meratifikasi ICERD ataupun mengadakan pilihan raya majlis tempatan oleh sebab takut pada pertembungan perkauman. MCA terpaksa membuat imbangan politik dan perlembagaan serta mencari penyelesaian politik untuk meredakan suasana ketegangan perkauman pada masa itu. Masa itu DAP ejek MCA. Hari ini MCA tidak ejek DAP. Inilah bezanya.

KTAR akhirnya telah berjaya meresap ramai pelajar miskin dan meringankan ketegangan perkauman pada masa itu. Antara sosial kontrak semasa ialah KTAR akan diberi *matching grant* untuk membantu institusi ini yang banyak berjasa kepada negara dengan pelbagai pencapaian serta kecemerlangan sebagai satu institusi pendidikan tinggi yang di tadbir secara profesional. KTAR dan UTAR telah dilaporkan telah menghasilkan lebih kurang 40 peratus daripada akauntan dalam negara dan menyumbangkan ratusan ribu graduan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab MCA menubuhkan institusi ini dengan niat untuk membantu yang miskin, tidak berpeluang meneruskan pendidikan tinggi, maka segala keuntungan telah disalurkan kepada tabung pembangunan untuk terus membangunkan institusi ini yang telah banyak memberi sumbangan yang besar kepada sektor pendidikan negara. MCA sebagai parti tidak ambil sedikit pun untung sebaliknya telah menderma dan menyumbangkan kepada institusi ini.

Semua ini dapat dicapai dengan mengenakan yuran pendidikan yang terendah di dalam negara. Kos operasi per kapita KTAR adalah cuma 50 peratus daripada kos institusi-institusi yang lain. Inilah profesionalisme kemahiran serta keberkesanan MCA dalam membantu negara dan masyarakat dengan mewujudkan serta mentadbir KTAR secara objektif dan baik.

Kecemerlangan pentadbiran KTAR dan kejayaan MCA membebaskan institusi ini dari pencemaran politik seharusnya diberikan pengiktirafan supaya menjadi teladan kepada institusi-institusi kerajaan mahupun institusi swasta. Akan tetapi sebaliknya dijadikan sasaran politik oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ini amatlah dikesali.

Kalau Menteri Kewangan dapat memperuntukkan 2 bilion khususnya kepada pelajar bumiputera tajaan MARA, apakah susahnya, apakah salahnya untuk mengekalkan satu jumlah kecil sebanyak RM30 juta *matching grant* yang cuma satu peratus. Pada hari ini 0.5 peratus daripada peruntukan yang diberikan pada MARA yang lumrah diberi kepada KTAR atas komitmen dan keadilan sosial kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera supaya mereka tidak terasa dianaktirikan atau dijadikan mangsa dalam negara sendiri. Atau adakah Menteri

Kewangan dan Kerajaan Pakatan Harapan sudah bersedia untuk membuka peluang pendidikan di MARA pada semua tanpa mengira kaum atas perjuangan dan komitmen *Malaysian Malaysia* dalam Deklarasi Setapak yang menjadi teras perjuangan DAP. Kalau begitu jadinya, KTAR tidak perlu pun apa-apa *grant* daripada kerajaan.

Sememangnya tokoh-tokoh pemimpin DAP kuat dan mempunyai Kerusi yang banyak untuk mengubah minda dan mempengaruhi politik rakan-rakan khususnya di Bersatu. Akan tetapi nada dan bahasa rakan-rakan seperjuangan DAP tidak ada beza dengan dahulunya. Adakah DAP sudah mengaku kalah ataupun serah Malaysia Baharu pada Malaysia lama ataupun *Malaysian Malaysia* kepada Malaysia peribumi?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan hujah saya ini melalui tiga rangkap pantun empat kerat untuk meredakan keadaan- kerana saya emosi. Saya emosi kerana saya sedih keputusan kerajaan menganaktirikan KTAR bukan sahaja menyasarkan MCA, akan tetapi telah mengorbankan peluang-peluang pendidikan pada mereka yang memerlukan.

*Buah cempedak di luar pagar;  
Ambil galah tolong jolokkan;  
Kalau lah bukan sebab kuota pelajar;  
Manalah perlunya KTAR diadakan.*

*Buah cempedak di luar pagar;  
Harapkan pegar, pegar makan padi;  
Dulu menjerit hapuskan kuota bumiputera;  
Malaysian Malaysia masih kah perjuangan D-A-P?*

*Buah cempedak di luar pagar;  
Ambil galah tolong jolokkan;  
Memang tiada politik parti di KTAR;  
Kalau ada, DAP tolong tunjukkan... [Dewan tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pada isu keselamatan makanan. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan berjanji untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap import makanan dan bagaimanakah untuk mereformasi sub sektor agromakanan bagi memastikan jaminan bekalan dan keselamatan makanan.

Kerajaan akan meningkatkan intensiti pengeluaran makanan demi mengurangkan bilangan import makanan di samping cuba menambah baik kemampuan dan akses kepada makanan. Keselamatan makanan dan tahap sara diri komoditi agromakanan utama amat bergantung kepada tahap produktiviti sektor pertanian tempatan. Dengan itu, petani mahupun

nelayan tetap menerima bantuan dan insentif dalam Belanjawan 2019. Malangnya, pekebun sayur dan buah-buahan tidak menerima apa-apa bantuan kerajaan dan insentif dalam pembentangan Belanjawan tahun ini.

Saya memohon kerajaan mengambil berat terhadap isu ini terutamanya memberikan bantuan yang sepatutnya dan taburan insentif kepada pekebun sayur dan juga pekebun buah-buahan yang sangat-sangat memerlukannya. Ini akan dapat mengurangkan kos pengeluaran pekebun di samping menstabilkan tahap perbekalan dan penawaran sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan secara konsisten dan berkesinambungan dan sekali gus mengurangkan kebergantungan negara kita pada makanan import. Dengan itu, kita mengharapkan agar sayur dan buah-buahan boleh dapat diturunkan. Sekiranya terdapat lebihan pengeluaran, boleh kita eksportkan.

Maka dengan ini, saya ingin merakamkan kekesalan dan sedihnya dengan penjelasan Menteri. Mengapakah dan apakah justifikasi sektor pertanian sayur-sayuran dan buah-buahan ini tidak diberikan insentif yang berpatutan dan bantuan yang diperlukan dalam Belanjawan 2019 ini. Apakah kementerian bercadang untuk menyediakan pelan tindakan secara menyeluruh dan menjalankan kajian penyelidikan serta pembangunan untuk memanfaatkan sektor pertanian sayur-sayuran dan buah-buahan di negara ini?

Dengan ini, Tuan Yang di-Perta, saya mengakhiri ucapan saya yang tidak seberapa ini dengan harapan agar ia boleh dipertimbangkan oleh kerajaan baharu secara ikhlas dan tidak berbelah bahagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker.

*Buah cempedak di luar pagar;  
Ambil galah tolong jolokkan;  
Aku budak baru belajar;  
Kalau salah tolong tunjukkan.*

Jadi dia berpaksi kepada bumi mana yang tidak kena hujan. Itu dia. Jadi terima kasih Yang Berhormat.

Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun. Silakan.

**■1500**

**3.00 ptg.**

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah Robbil alamin wabihinasta'in.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019. Pertama sekali saya hendak mengucapkan jutaan tahniah kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana julung-julung kalinya telah berjaya membentangkan Belanjawan 2019.

Saya memuji usaha Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah mencuba yang terbaik. Walau bagaimanapun ternyata yang terbaik daripada mereka tidak mencukupi dan tidak menyeluruh untuk rakyat Malaysia. Belanjawan yang sekadar mengharapkan pengorbanan dari rakyat ini telah secara terang-terangan bertentangan dengan manifesto pilihan raya mereka yang begitu indah menjanjikan bulan dan bintang. Imej kerajaan hari ini tercalar akibat beberapa kenyataan Menteri Kewangan yang didapati bercanggah dengan laporan rasmi.

Pertamanya, Yang Berhormat Menteri Kewangan sehingga ke hari ini terus menegakkan benang yang basah apabila tetap dengan pendiriannya mengatakan dan menyatakan bahawa hutang negara melebihi RM1 trilion sedangkan Bank Negara telah pun mengesahkan hutang rasmi Kerajaan Persekutuan setakat suku ketiga tahun ini adalah pada kadar RM730 bilion.

Yang Berhormat Menteri Kewangan juga sekali lagi telah terkhilaf dalam ucapannya apabila menyatakan kerajaan berhutang sebanyak RM19.55 bilion kepada syarikat-syarikat dalam pembayaran balik cukai GST sedangkan laporan Ketua Audit Negara mengesahkan bahawa hanya RM1.45 bilion daripada keseluruhan tuntutan telah diluluskan untuk pembayaran. Selebihnya itu masih dalam semakan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan.

Adakah angka ini diada-adakan dengan sengaja bagi menjustifikasi dividen tambahan daripada Petronas sebanyak RM30 bilion. Saya hendak menjawab pantun daripada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker tadi dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:**

*Buah cempedak di luar pagar;  
Ambil galah tolong jolokkan;  
Kita semua Ahli Dewan Negara ini semuanya orang terpelajar;  
Kesejahteraan rakyat jangan kita korbankan.*

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya pun hendak tanyalah Kementerian Kewangan termasuk juga Menteri Agama kita. Semalam beria-ia mengatakan bahawa Tabung Haji telah terkhilaf membayar dividen kepada pendeposit tanpa mengikut lunas-lunas Akta Tabung Haji itu sendiri.

Akan tapi saya hendak tanya, apa niat Menteri Agama kita apabila mengeluarkan *statement* begitu tatkala Dewan Rakyat dan kita semua telah pun menerima laporan audit yang disahkan oleh Ketua Audit Negara daripada tempoh yang disebutkan tahun 2015, tahun 2016, tahun 2017 bahkan dibuat juga audit oleh *external auditor* iaitu *Ernst and Young* mengatakan-ya, pada waktu keputusan dividen itu diumumkan Tabung Haji boleh dan tidak melanggar pun mana-mana klausa dalam Akta Tabung Haji itu sendiri untuk mengumumkan dividen kepada pendeposit-pendeposit semua.

Hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak nyatakan kalau selepas Pakatan Harapan menang mereka buat audit lain pula terhadap kedudukan kewangan Tabung Haji dengan melantik firma lain selain daripada *Ernst and Young* dan mendapati mungkin nilai aset Tabung Haji itu telah menurun. Apabila dibandingkan dengan nilai liabiliti waktu itu sudah tentulah jauh lebih rendah. Hari ini saya menyokong dan saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker tadi mengatakan kerajaan, pemimpin-pemimpin Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini suka sangat mensensasikan berita-berita sebegini dengan tujuan untuk membawa panik di kalangan rakyat apatah lagi hari ini.

Saya hendak menarik perhatian Dewan yang mulia ini Tabung Haji merupakan satu badan entiti amanah orang Islam, orang Melayu, bumiputra yang meletakkan harapan besar kepada Tabung Haji untuk menjaga simpanan mereka, pelaburan mereka demi untuk masa hadapan bagi mengerjakan tanggungjawab mereka terhadap agama ini. Hari ini berita yang dibuat oleh Menteri Agama itu sebenarnya telah menakutkan pendeposit dan juga rakan niaga Tabung Haji itu sendiri dengan mengatakan bahawa Tabung Haji telah membuat silap. Asetnya telah kurang daripada ataupun jumlah asetnya jauh rendah daripada liabiliti tapi itu nilainya pada hari ini. Kerana apa?

Saya hendak bangkitkan. Minggu sudah saya sudah sebut dalam tempoh tiga bulan ini nilai saham di Bursa Saham Malaysia jatuh merudum dengan besarnya. Kerana apa? Ini kerana dasar-dasar yang dibawa oleh Pakatan Harapan telah menyebabkan pelabur-pelabur menjual saham-saham di Bursa Malaysia dan kebanyakannya saham-saham yang dipegang oleh Tabung Haji sebagai pelaburan juga jatuh dan susut nilai.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Senator, minta mencelah sikit boleh.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sekejap Yang Berhormat Senator Yusmadi.

Maka sebab itu apabila dibuat penilaian dan apabila kita melihat fakta-fakta yang dibentangkan oleh Tabung Haji sendiri maka saya mintalah pihak kerajaan kalau mempunyai

niat yang ikhlas untuk memperbetulkan keadaan tidak perlulah kita mensensasikan berita ini. Kerana apa? Itu akan menyebabkan butang panik itu ditekan dan masalahnya akan berlaku kemungkinan risiko besar kepada Tabung Haji apabila pendeposit-pendeposit serta rakan-rakan niaga Tabung Haji ini hilang keyakinan kepada pengurusan Tabung Haji dan mungkin akan menyebabkan *business* dan pelaburan Tabung Haji itu terjejas.

Silakan Yang Berhormat Senator Yusmadi.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan. Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan memang arif mengenai aspek kewangan.

Soalan saya ialah, hal ehwal kewangan, perakaunan dan sebagainya adalah hal ehwal yang diregularsasi. Sekiranya seorang itu ialah seorang akauntan sama juga sekiranya seorang itu seorang peguam dia mempunyai badan-badan profesional yang mengawal selia etika dan sebagainya.

Di sini kita berdepan dengan satu perkara yang mungkin dua pihak mengatakan 'A' dan satu mengatakan 'B'. Cuma isu di sini di mana kepentingan rakyat perlu dijaga. Saya rasa badan profesional yang terbabit- kalau di sini dikatakan, saya tidak sebut akauntan yang mana. Dia mungkin akauntan berapa atau akauntan 'C'. Bagi saya dalam hal ini, nama baik badan profesional ini perlu saya rasa Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan pada pandangan saya- mereka yang perlu tampil mempertahankan audit laporan mereka ini sebab bagi kita orang awam, kita meletakkan profesionalisme itu kepada mereka.

Ini kerana baru-baru ini Goldman Sachs sendiri pun yang kita kenal, yang hebat pun juga terpalit skandal Enron- itu hari Andersen.

Jadi saya di sini mohon, adakah pendekatan yang baik di sini Yang Berhormat Senator, untuk badan profesional ini menjelaskan keadaan supaya ianya lebih tidak sensasi.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Yusmadi.

Saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Ya benar, dalam hal ini Tabung Haji berada dalam pengawalan kerajaan dan mempunyai aktanya sendiri. Jadi sudah tentulah apabila tindakan susulan oleh Tabung Haji selama ini bukan saja menyerahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk mengaudit akaun dan kedudukan kewangan Tabung Haji bahkan mereka juga melantik *external auditors*.

Antaranya saya boleh sebut dalam Dewan yang mulia ini *Ernst and Young* kemudian *PricewaterhouseCoopers* dan mungkin barangkali sebelum ini pun banyak juga firma-firma

antarabangsa yang sangat *credible*. Jadi hal ini kalau sudah tiga tahun, empat tahun berturut-turut pendapat *accounting opinion* yang dikeluarkan oleh firma-firma antarabangsa yang sangat *credible* ini menyatakan bahawa- ya, waktu itu dividen boleh dibayar dan tidak melanggar mana-mana akta dalam Tabung Haji berdasarkan pada kedudukan nilai pelaburan waktu itu dan disahkan oleh Jabatan Audit Negara, tiba-tiba hari ini muncul pula polemik yang lain.

Apa yang saya bangkitkan tadi apakah niat Menteri apabila memainkan polemik ini kerana ia membawa satu kesan yang saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker sebut tadi, panik itu wujud di kalangan pendeposit-pendeposit dan juga rakan-rakan niaga Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua bayangkan, kalau pendeposit hari ini yang berada di kampung-kampung kita, orang-orang luar bandar ini yang mungkin terpengaruh dengan berita tanpa mengkaji dengan lebih mendalam, hari ini pergi ke Tabung Haji buat keluar duitnya daripada simpanan. Bayangkan implikasi yang akan berlaku. Jadi saya setuju...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sikit lagi.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sekejap. Mungkin juga Parlimen perlu memanggil Menteri ataupun Parlimen melalui PACnya- jawatankuasa *Public Account Committee*nya perlu memanggil Menteri- beritahu apakah niat? Apakah basis apabila kamu mengeluarkan kenyataan ini? Kemudian panggil pula pengurusan Tabung Haji dan panggil juga firma-firma yang telah memberi pendapat dan pandangan mereka bahawa akaun pada waktu itu memang sesuai dan boleh diumumkan dividen.

#### ■1510

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sedikit sahaja Yang Berhormat. Lanjutan daripada itu *because* kita kadang-kadang hendak menilai niat ini, motif ini kadang-kadang sangat subjektif. Akan tetapi, rakan-rakan Senator di sini, kalaular benda yang dibuat oleh firma perakaunan 'A' dan 'B' ini ialah merupakan satu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, disebut sebagai *professional negligence*. Dia ada implikasi dari segi perundangan, di sini bagi saya, kita Senator di sini yang kita pentingkan ialah kepentingan rakyat, pendeposit terutama orang-orang kampung.

Bagi saya kalaular firma 'A' atau 'B' ini, terlibat di dalam- salah seorang mesti salah, dia tidak boleh dua-dua betul, salah seorang mesti salah. Jadi siapa yang salah? Kalau ada kebarangkalian *professional negligence*, saya rasa Senator mungkin bersetuju dengan saya ia perlu diambil tindakan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Saya bersetuju kalau ia pun...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Kalaupun ...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sekejap, saya hendak jawab Datuk Megat.

Kalau ya, ataupun kalau betul wujud satu *profesional negligence*, dalam segi *practicing* bidang perakaunan terutamanya, mereka tertakluk juga kepada klausula-klausula praktis. Sebagai contoh, di Malaysia ini wujud *Malaysia Institute of Accountants* dan juga *Institute of Internal Auditors Malaysia*. Saya tidak mahu komen mendalam mengenai perkara itu, ya saya setuju boleh dirujuk akan hal itu.

Akan tetapi pada hari ini, yang saya hendak sebut bahawa pada waktu itu, pada pengetahuan *external auditors* pada waktu itu bahawa kedudukan kewangan Tabung Haji mengizinkan pembayaran dividen berdasarkan kepada pengiraan sebagai contoh pelaburan nilai saham mereka di Bursa Malaysia. Kalau kita hendak bandingkan, katakan tahun lalu dengan pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah nilai saham kita jatuh. Boleh Ahli-ahli Yang Berhormat semua semak juga pelaburan yang dibuat oleh EPF juga jatuh nilai sahamnya, kerana apa? Bursa Malaysia, nilainya telah merudum sejak tiga bulan yang lalu. Selepas Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih.

Jadi saya minta hari ini kita jangan, Menteri-menteri ini jangan buat sensasi kerana saya takut implikasinya jauh lebih besar tanpa mereka sedar apabila mengeluarkan kenyataan tersebut. Yang Berhormat Datuk mengenai TH kah?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Mengenai TH.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Okey.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan.

Saya hendak menambah sedikit dan hendak minta pendapat dan pandangan Yang Berhormat ini. Saya rasa kita dalam Dewan negara ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dalam pantun tadi, semuanya adalah di kalangan orang-orang yang terpelajar. Cuma saya hendak minta pendapat dan pandangan Yang Berhormat, saya fikir apa Yang Berhormat telah huraikan ini Tuan Yang di-Pertua, *with full of fact and figures*, satu fakta yang tidak boleh dinafikan, tidak boleh. Sama juga macam mana hutang-hutang negara yang disebut melebihi RM1 trilion. Ini akan saya bawa dalam perbahasan saya, cuma kerisauan saya apabila Yang Berhormat sebut tadi soal *panic button*.

Seperti ada sesuatu strategi yang disusun dengan begitu teliti sekali. Kita kena ingat Tabung Haji ini bukan hari ini diserang, dua hingga tiga tahun yang lepas pun Yang Berhormat

diserang juga sehingga mengakibatkan pendeposit kelam kabut pada waktu itu. Akan tetapi *nothing happen*, dengan izin, tidak apa yang berlaku. Sekali lagi hari ini Tabung Haji diserang sekali lagi seperti ada sesuatu yang macam tidak berapa kena. Saya mohon pendapat dan pandangan Yang Berhormat.

Keduanya, adakah Yang Berhormat setuju kalau kita tengok kebelakangan ini, Menteri-menteri ini bukannya banyak yang mencadangkan benda yang baik untuk rakyat, seperti kita di Dewan Negara ini. Akan tetapi semua, kebanyakan Menteri ini kerjanya mengorek sahaja. Korek sana, korek sini kalau korek itu betul tidak mengapa, korek ini yang merepek-repek dan akhirnya mengakibatkan rakyat menjadi kelam kabut. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua boleh sedikit?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sekejap Yang Berhormat, dia punya aturannya ...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Sedikit sahaja.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Kalau sudah tanya, saya jawab dahulu. Kemudian saya bangun untuk...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Kalau hendak kumpul pun boleh kan? Sekali.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Yang itu kalau saya Menteri bolehlah saya kumpulkan semua ini. Saya belum Menteri lagi.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Oh! Belum Menteri lagi. *Alright.*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sekejap, Yang Berhormat Senator saya *respect* Yang Berhormat. Sekejap, saya ringkas sahaja respons kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain. Ya betullah, memang betul, kerana apa?

Saban hari bukan sahaja keputusan *flip-flop* tetapi keputusan *U-turn* pun berlaku. Hari ini pula tidak ada kerja lain, seolah-olah wujud, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *witch hunting*, proses *witch hunting*. Bukanlah kata kita hendak mempertahankan kalau ada silap dan salah dahulu. Kalau benar-benar punyai elemen *criminal*, saya sendiri mahu melihat, sesiapa yang terlibat dalam penyalahgunaan kuasa di Tabung Haji itu, diambil tindakan

Akan tetapi jangan letak niat kerana hendak- sebagai contoh, mengalih perhatian rakyat daripada kegagalan kita untuk melaksanakan dasar-dasar, contohnya janji-janji dalam Manifesto yang lepas. Cipta polemik baru, cipta sensasi, tekan *panic button* yang orang kata

tidak sepatutnya, menyebabkan rakyat langsung lupa bahawa ada perkara-perkara besar lain yang gagal dilaksanakan oleh mereka. Silakan Yang Berhormat Laksamana.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Saya hendak tahu sama ada Senator ada tidak membaca surat daripada Bank Negara kepada Pengurus ataupun Menteri Tabung Haji pada tahun 2015. Menegur Tabung Haji membayar dividen melebihi keuntungan. Ini merupakan satu tanda-tanda kesalahan telah berlaku, dan saya yakin dan percaya, apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri merupakan satu kebenaran, Yang Berhormat Menteri tidak berbohong. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Laksamana merupakan bekas Ahli Parlimen, betul Yang Berhormat?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Ya.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Di Lumut.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Ya.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Bermakna audit-audit agensi-agensi kerajaan ini-setuju atau tidak bahawa audit yang diluluskan oleh Jabatan Audit Negara yang ditandatangani oleh Ketua Audit Negara untuk tahun 2016, 2015 telah pun dibentangkan ke Dewan Rakyat sewaktu Yang Berhormat menjadi Ahli Parlimen, setuju ataupun tidak? Telah dibentangkan. Jadi, kalau telah dibentangkan, saya fikir waktu itu sepatutnya sewaktu Yang Berhormat Laksamana menjadi pembangkang, bangkitkan. Kenapa tidak ada respons ke atas surat Bank Negara. Saya minta maaf, waktu itu saya hanya seorang pemimpin kerdil, saya bukan Ahli Parlimen dan bukan Ahli Senator pun. Jadi saya tidak tahu, *I am not privy to that information*. Akan tetapi hari ini saya bagi tahu.

Tengok sahaja nilai Bursa Malaysia ini semua sudah jatuh. Pelabur-pelabur pun, tadi saya baca dalam *news* sudah jual bon-bon, pelabur asing telah menjual pun bon-bon, *sovereign bonds* milik kerajaan kita. Ini semua petanda-petanda...

**Datuk Razali bin Idris:** *[Bangun]*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Yang Berhormat, kalau mencelah sahaja bila saya hendak menghabiskan macam ini?

**Datuk Razali bin Idris:** Saya hendak pasti sikit sahaja.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Okey, silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Apa Yang Berhormat Laksamana tanya tadi, tidak dijawab lagi.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sudah jawab.

**Datuk Razali bin Idris:** Nanti, maksudnya mengikut kefahaman saya, Yang Berhormat Laksamana kata, kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri hari ini ada kebenaran, betul ataupun tidak?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tidak. Yang Berhormat Laksamana tanya saya, dia tanya. “*You tahu tidak, ada surat dari Bank Negara kepada pihak Tabung Haji mengatakan sudah bayar dividen terlebih?*”. Itu sahaja. Jadi saya jawab, “*I am not privy to that information*”.

Waktu itu saya bukan berada dalam mana-mana Dewan pun tetapi yang saya tambah apabila Laporan Audit Negara yang diluluskan oleh Jabatan Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Rakyat. Waktu itu, Yang Berhormat Laksamana merupakan Ahli Parlimen Lumut. Kenapa waktu itu tidak bawa ataupun memang dia bawa tetapi kenapa tidak ada *follow-up*?

Kalau adapun *follow-up*, saya hendak bagi tahu hari ini isunya adalah laporan yang dibuat oleh firma antarabangsa audit yang lain mengatakan nilai sudah jatuh, menyebabkan nilai liabiliti itu melebihi daripada nilai aset.

Menjadi kegusaran saya pada hari ini, kita tidak payah hendak berpolemik ialah mesej dan sensasi yang dicipta oleh Yang Berhormat Menteri Agama itu telah menyebabkan butang panik itu ditekan, itu sahaja. Saya minta perkara ini dilihat semula, supaya kalau niat kita baik untuk memperbetulkan kedudukan kewangan di Tabung Haji, maka jangan buat tindakan sebegitu. Melainkan kalau telah terbukti ada CBT, perlanggaran sebagai contoh ataupun mempunyai elemen-elemen jenayah. Saya sendiri dan kita semua patut sokong untuk tindakan yang lebih drastik diambil. Jadi izinkan saya untuk meneruskan Yang Berhormat Datuk Razali, ada lagi nanti Datuk Razali mencelah sahaja.

Jadi, laungan janji mereka untuk memperbaiki ekonomi, memperkuatkkan Ringgit, memudahkan rakyat, menurunkan kos sara hidup dan menjamin masa depan negara dilihat telah gagal. Berikutnya banyak kelompongan yang terdapat dalam Belanjawan 2019 yang dibentangkan tempohari. Usaha mereka untuk menunaikan janji dan memperbaiki ekonomi negara, tidak ubah seperti kata pepatah, ibarat tikus membaiki labu. Masa depan negara bakal berhadapan dengan risiko besar, dengan belanjawan yang dibentangkan. Inisiatif-inisiatif yang dibawa nampak indah pada permukaannya tetapi tidak memberi kesan untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Kita masih menunggu penurunan harga-harga barang selepas SST, ternyata ia adalah sebuah angan-angan yang perlu dilupakan oleh rakyat. Belanjawan 2019 dilihat tidak mampu

membawa inisiatif yang inklusif dan menyelesaikan masalah, sebaliknya hanya menguntungkan beberapa pihak terutamanya syarikat korporat dan golongan bandar sahaja.

Banyak inisiatif yang telah ditarik balik oleh kerajaan pada hari ini, terutamanya bantuan kepada golongan yang amat memerlukan. Sebelum ini, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa membela dan menjaga nasib sebagai contoh pekebun-pekebun kecil, petani dan nelayan yang tinggal di luar bandar. Sebaliknya Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini tidak mempedulikan mereka dan hanya memberikan peruntukan yang jauh lebih kecil, seperti-sebagai contoh, hanya RM40 juta untuk R&D bagi produktiviti benih, RM18 juta untuk automasi, industri agromakanan dan lain-lain lagi.

#### ■1520

Jadi, manakah belanjawan ataupun peruntukan yang sepatutnya diberikan kepada petani-petani dan pekebun-pekebun kecil yang ada di kawasan luar bandar. Bahkan insentif-insentif spesifik kepada nelayan dan petani yang terkesan akibat perubahan cuaca sepanjang tahun dan kerajaan harus ingat bukanlah pilihan petani dan nelayan untuk tidak keluar mencari rezeki tetapi adalah kerana kekangan cuaca yang menyebabkan mereka hilang mata pencarian dan bukan kerana mereka itu malas sebenarnya. Atas sebab inilah, kerajaan seharusnya menghulurkan bantuan bagi membantu kehidupan mereka.

Suka saya untuk memetik perbelanjaan yang telah dipotong oleh Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini. Bantuan Musim Tengkujuh kepada pekebun kecil dan penoreh getah sebanyak RM261 juta telah dihapuskan. Elaun Sara Hidup Nelayan dipotong sebanyak RM164 juta daripada RM262 juta pada tahun lalu. Subsidi baja padi dipotong sehingga separuh daripada jumlah tahun lalu RM465 juta.

Pemotongan ini memberi kesan kepada beribu-ribu keluarga petani dan pekebun-pekebun kecil serta nelayan yang berhempas pulas untuk sekadar mencari sesuap nasi. Lebih membimbangkan- ini saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Agensi kerajaan, MARA- Yang Berhormat Senator bangkitkan tadi. Telah selama ini menaungi orang-orang Melayu dan bumiputera seluruh negara juga dihukum dengan pemotongan peruntukan. Daripada peruntukan sebanyak RM3.5 bilion kini MARA hanya menerima RM1.3 bilion iaitu pemotongan sebanyak RM2.2 bilion.

Jika, dahulu Pakatan Harapan menjanjikan bbiaswa yang lebih banyak untuk menghantar pelajar ke luar negara, tetapi apa yang diberikan hari ini adalah tidak lain dan tidak bukan pemotongan peruntukan tersebut. Bajet bbiaswa dan pinjaman pelajaran JPA dikurangkan daripada RM1.5 bilion kepada hanya RM1 bilion. Figura-figura dan statistik yang

disebutkan tadi jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan telah gagal untuk membela nasib rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya pada kali ini juga akan menekankan kepada empat subjek utama yang perlu diberi perhatian khusus oleh pihak kerajaan.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, soal mobiliti sosial ataupun *social mobility*. Isu pertama ini saya lihat amat penting dan perlu diambil kira oleh kerajaan. Mobiliti sosial ini, adalah kebolehan rakyat untuk memajukan diri serta isi rumah mereka kepada strata sosial yang lebih tinggi daripada strata sosial sedia ada.

Kebolehan ini tertakluk kepada pelbagai perkara yang membolehkan mereka bergerak untuk meningkatkan taraf hidup termasuklah peluang untuk anak desa bermigrasi ke kawasan bandar serta kawasan-kawasan pertumbuhan baharu, kemampuan untuk menampung kos sara hidup dan kos gaya hidup dan akses kepada pendidikan yang berkualiti serta peluang untuk anak-anak muda mendirikan institusi rumah tangga mereka sendiri.

Selain daripada itu, apa yang penting juga termasuklah dalam soal mobiliti sosial ini peluang untuk rakyat mengembangkan peluang untuk jaringan penduduk komuniti membina *communal friendship* di antara satu sama lain supaya perpaduan dan kesatupaduan antara satu sama lain di kalangan rakyat itu dapat diwujudkan.

Ini merupakan tanggungjawab kerajaan yang memerintah jika mereka mengutamakan rakyat untuk memastikan bahawa rakyat dapat menikmati mobiliti sosial dalam kehidupan mereka. Akan tetapi, malangnya apa yang kita nampak melalui belanjawan kali ini adalah kerajaan tidak membantu rakyat dan menjayakan mobiliti sosial apabila kerajaan gagal untuk memperbetulkan faktor utama iaitu telah menjelaskan taraf hidup mereka tidak lain dan tidak bukan kos sara hidup yang terus meningkat. Antara contoh yang jelas, terang dan nyata boleh dilihat melalui pemotongan nilai BR1M ataupun nama barunya Bantuan Sara Hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh di dalam pembentangan belanjawan tempoh hari kerajaan telah mencadangkan beberapa langkah untuk mengurangkan beban rakyat antaranya menyediakan subsidi kenderaan berkuasa 1.5cc ke bawah, membekukan kenaikan tol dalam kawasan bandar dan kad My100 Rapid Kuala Lumpur.

Jadi, apa yang telah terjadi kepada janji-janji besar yang lain dan indah Pakatan Harapan antaranya, untuk menghapuskan tol, mengurangkan harga petrol. Kedengaran waktu kempen Pilihanraya Umum Keempat Belas dahulu bersungguh-sungguh kalau pilihan raya-kalau Pakatan Harapan menang maka harga petrol akan dikurangkan kepada RM1.50.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada maklumat berdasarkan formula pengiraan subsidi petrol dengan kedudukan harga minyak antarabangsa yang berada pada kadar USD60 sudah sampai waktu, masa dan ketika harga petrol, paling tidak pun RON95 itu yang berada pada RM2.20 per liter ini dah dikurangkan. Dah sampai waktu dikurangkan pun. Akan tetapi, hari ini saya hendak tanyalah sama ada Kementerian Kewangan-nya, Kementerian Ekonomi-nya ataupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri-nya apa jadi dengan formula yang diguna pakai sebelum ini apabila harga minyak antarabangsa turun kenapa harga petrol tidak juga turun...

**Datuk Razali bin Idris:** *[Bangun]*

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini kerajaan masih lagi tidak menerangkan mekanisme... *[Disampuk]*

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Sehingga kini, kerajaan masih tidak menerangkan mekanisme yang akan digunakan untuk pemberian subsidi petrol. Dijanjikan subsidi petrol. Bagaimanakah cara yang akan dilakukan agar subsidi ini tidak disalahgunakan oleh mereka yang tidak layak.

Menteri Kewangan, Yang Berhormat Lim Guan Eng dalam memperbetulkan kesilapan pembentangannya tempoh hari menyatakan bahawa hanya kereta murah akan diberikan subsidi. Akan tetapi, berapakah harga kereta murah yang dikatakan murah itu? Bagi memastikan mobiliti sosial yang unggul dapat disediakan untuk rakyat, kerajaan seharusnya memberikan penyelesaian dengan menangani kewujudan *barrier* kepada mobiliti sosial ini dengan memastikan antara strateginya adalah untuk sistem pengangkutan awam dapat diakses dengan sebaik mungkin dan membina rumah-rumah mampu milik yang lebih banyak di kawasan-kawasan bandar dan juga pertumbuhan baru.

Justeru, saya minta program *FundMyHome* itu yang sebenarnya tidak sedikit pun menyelesaikan masalah pembelian rumah golongan *millennial*. Ia hanya semata-mata untuk meningkatkan pemilikan rumah tetapi bukan di kalangan kumpulan M40 dan B40 kerana isunya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua sebagai contoh pemilik Edge Prop Sdn. Berhad sendiri mengaku bahawa program *FundMyHome* bukanlah untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan bukanlah tugas sektor swasta untuk menyediakan rumah kos rendah tetapi sebaliknya ia menjadi tugas kerajaan.

Program *FundMyHome* yang diterajui oleh Edge Prop Sdn. Berhad ini juga menimbulkan kegusaran jika ia hanya dimonopoli oleh satu syarikat sahaja. Bahkan, seperti mana industri di dunia ini sebarang monopoli hanya akan meningkatkan harga sesuatu produk.

Jadi, apakah kerajaan benar-benar ikhlas dalam membantu rakyat untuk menurunkan harga rumah mampu milik yang ada.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** [Bangun]

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita ini kalau kita berulang kali bercakap benda yang tidak betul, saya rasa akhirnya benda itu akan jadi betul. Justeru itu, saya hendak minta lagi pencerahan. Walaupun berkali-kali. Daripada mana Yang Berhormat ambil apabila Kerajaan Pakatan Harapan menang, minyak diturunkan RM1.50? Adakah benda itu termasuk dalam Manifesto?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bacakan Manifesto.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Gabungkan soalan. Saya jawab dua-dua.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar. Itu Manifesto Pakatan Harapan. Tidak pernah mengurangkan sehingga RM1.50.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Okey, terima kasih. Sila duduk. Sila duduk. Ini *floor* saya.

**Datuk Razali bin Idris:** Ada sebut? Ada sebut?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Dia silap. Dia silap baca kot?

**Datuk Razali bin Idris:** Tidak ada eh?

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tidak ada. Tidak ada.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Yang Berhormat Senator hendak bersempang berdua, sembang di luar Dewan.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Boleh mencelah sedikit. Ini tajuk menarik.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sekejap, sekejap. Saya hendak perbetulkan. Apa jua yang disebutkan dalam manifesto itu sampai hari ini tidak dilakukan pun. Hendak menstabilkan harga minyak apa kan nya? Hari ini harga minyak dunia kalau mengikutkan formula pengiraan subsidi pun dah sepatutnya turun. Paling tidak pun 10 sen dah harga

RON95 yang hari ini berada pada kadar RM2.20. Tidak turun-turun pun. Kalau- sekejap. Kalaulah Yang Berhormat Senator Laksamana kata hendak menstabilkan harga, buatlah. Buat itu dahulu.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang Berhormat kejap Yang Berhormat. Yang Berhormat, bagi saya sekejap.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Ya, tidak payah tanya yang saya sebut tadi janji turun RM1.50. Silakan.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Yang Berhormat minta laluan. Yang Berhormat kena bagi suara deras baru dengar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak respons daripada sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Sememangnya saya lihat dalam buku manifesto itu memang tidak ada. Turun minyak selepas menang sebelum ayam berkокok minyak akan turun RM1.50 tidak ada.

Akan tetapi, mereka berceramah ini. Mereka penceramah-penceramah daripada PH rata tempat *dok* ceramah dalam Bahagian saya, dalam Parlimen saya *dok* ceramah mengatakan, apabila kita mengambil alih kuasa Putrajaya, minyak akan turun. Tidak ada dalam manifesto. Akan tetapi, mulut ini. Mulut yang bercakap... *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Sebanyak RM1.50

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ya, RM1.50. Terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Saya tambah sedikit...

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Hem... bila hendak habis ini...?

■1530

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Saya- pasal saya seronok.

Kita ini Tuan Yang di-Pertua sedang disaksikan secara langsung. Saya suka bila disebut tadi fasal- tiba-tiba hari ini sudah jadi manifesto, ada tulis ke tidak. Kelam-kabut bangun. Saya ini tertarik sangat, sebab saya ingin ‘tuan-tuan’ lupa kalau kita tidak ada tulis- yang tidak tulis ini tidak tulis Yang Berhormat Senator. Saya hendak minta pendapat Yang Berhormat Senator. Yang tulis itu memang tiada langsunglah. Ini yang bercakap.

Saya setuju bila sahabat saya, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris sebut- mengatakan takut nanti yang tidak benar bila disebut berulang-ulang kali, jadi benar. Yang ini kerja Yang Berhormat Senatorlah yang dahulu buat. Hari-hari cakap benda yang tidak benar sampai rakyat terpercaya, rakyat undi. Hari ini rakyat telah menyesal- Allah dia kata, dah

percaya yang tidak benar ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Senator?... [Dewan ketawa]

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Datuk Megat, saya hendak meneruskanlah perbahasan saya ini [Ketawa] Nanti tidak habis- pasal apa, saya tertunggu-tunggulah jawapan mudah saya tolonglah, tolong. Kalau itu dalam Manifesto, hendak menstabilkan harga minyak, tolong stabilkan harga minyak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua subjek seterusnya- tadi subjek mobiliti sosial. Subjek seterusnya adalah penyalahgunaan dadah dan juga perubatan rakyat iaitu subjek yang perlu diambil kira dan diberi perhatian oleh kerajaan dalam usaha untuk mencegah penyalahgunaan dadah dalam kalangan rakyat Malaysia terutama golongan *millennial* yang hari ini sangat-sangat membimbangkan. Baru-baru Yang Berhormat Senator Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyebut dan mengeluarkan kenyataan bahawa sudah tiba masanya kita melancarkan peperangan terhadap penyalahgunaan dadah.

Suka saya hendak mengingatkan bahawa sebenarnya kita ini sudah bertahun-tahun lamanya berusaha memerangi penyalahgunaan najis dadah ini. Statistik oleh Jabatan Penjara Malaysia tahun lalu sahaja, tahun 2017 menunjukkan lebih 56 peratus banduan di negara ini di penjara akibat daripada penyalahgunaan dadah. Mungkin sudah tiba masanya untuk kita bergerak ke hadapan seiringan dengan negara-negara maju dengan mengambil inisiatif segar bagi menyelesaikan kemelut dadah yang melanda negara serta seluruh dunia.

Saya mohon tanyalah kepada Kementerian Dalam Negeri terutama apabila sebelum ini saya telah bangkitkan iaitu keperluan untuk kita memperkasakan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) terutama dalam soal penguatkuasaan. Tuan-tuan tengoklah di kawasan kita, di daerah kita, pegawai-pegawai pencegahan, penguatkuasaan AADK ini kadang-kadang tidak ada senjata pun- lenggang-kangkung sahaja. Pergi hendak menangkap penagih-penagih dadah. Apabila sampai dia punya sarang, di sana itu macam-macam senjata yang ada. Bilah paranglah, kadang-kadang ada senjata pistol pun ada. Jadi macam mana kita punya sumber pencegahan dan juga penguatkuasaan di AADK itu hendak melaksanakan tugas yang baik.

Apatah lagi hari ini saya difahamkan AADK ini tidak adupun lokap sendiri. Kalau tangkap penagih dadah ke, pengedar dadah ke, mereka ini tumpang lokap polis. Bukan salah hendak menumpang lokap polis tetapi kadang-kadang polis pun ada tanggungjawab yang lain. Ada fokus yang lain hendak mencegah soal jenayah *terrorisme*-lah, jenayah itu, jenayah terancanglah. Jadi biar AADK ini dapat kita perkasakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua pendekatan baharu memerangi najis dadah ini juga wajar dipertimbangkan. Kita ambil contoh pendekatan yang diambil di negara *Portugal*. Sejak tahun 2001 penagih dadah yang bersalah kerana memiliki dadah pada skala kecil tidak dipenjarakan. Sebaliknya mereka dihantar ke perkhidmatan kaunseling yang terdiri daripada seorang pembantu sosial, pakar psikologi dan peguam. Setiap pesalah yang menghadiri sesi kaunseling tersebut akan diberikan pelan rawatan dan pemulihan sesuai seperti yang diperlukan oleh pesakit tersebut.

Apa yang perlu ditekankan kembali adalah pesalah-pesalah ini tidak dipenjarakan tetapi mereka dirawat seperti pesakit dan bukan penjenayah. Melalui kaedah yang dipraktikkan ini, terbukti di *Portugal* Tuan Yang di-Pertua masalah di kalangan remaja menurun. Jangkitan HIV melalui perkongsian jarum pun telah dikurangkan dan bilangan pesakit yang menerima rawatan di sana pun semakin berkurang. Sudah pastinya kita dapat menurunkan jumlah pesalah dadah di negara dengan secara drastik, kalau pendekatan ini boleh kita perkenalkan.

Saya hendak sebut juga Tuan Yang di-Pertua, kita menyambut baik saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Puan Nurul Izzah binti Anwar yang telah menyuarakan sebelum ini usaha untuk *decriminalized* penggunaan marijuana dalam perubatan. Banyak negara-negara lain termasuk Switzerland, Korea, India, China telah memulakan ataupun telah mula untuk menginstitusikan penggunaan ubatan tradisional sebagai sumber perubatan utama. Ini persoalan dan juga pertanyaan yang saya ajukan kepada Kementerian Kesihatan.

Di Malaysia ini memang kita sudah punyai Jabatan *Traditional and Complementary Medicine* di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara. Akan tetapi penggunaannya tidak menyeluruh dan kita masih tertumpu pada perubatan konvensional dan saintifik yang secara tidak langsung saban tahun kosnya meningkatkan dan ini telah menyebabkan kos perubatan negara pun terus meningkat.

Teknik perubatan tradisional yang berasaskan herba ini sebenarnya popular di negara jiran kita di Thailand dan di Indonesia pun memang sangat meluas penggunaannya. Maka saya hendak tanya Kementerian Kesihatan, sejauh mana kesungguhan mereka untuk meningkatkan penggunaan ubatan-ubatan tradisional yang berasaskan herba ini dapat dibuat di hospital-hospital kerajaan bagi menurunkan kos ubat-ubatan yang mahal...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Senator, boleh sedikit? Tajuk ini, saya hendak menyokong. Suatu benda yang sangat baik.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, mungkin kalau bukan hendak membetulkan, cuma mungkin hendak meletak fakta dalam konteks. Apa yang berlaku di lapangan- AADK buat satu kerja yang baik, akan tetapi pendekatannya mengambil sisi perubatan, dia punya *harm reduction*. Akan tetapi pendekatan yang diambil oleh pihak polis lebih kepada pendekatan *enforcement*, pendakwaan.

Apa yang saya lihat di lapangan, pengalaman peribadi- koordinasi AADK dan pihak polis in kadang-kadang jadi tidak berapa harmoni. Ada dalam keadaan tertentu AADK membuat kerja yang baik, misalnya di lapangan, di Balik Pulau ramai teman-teman saya, saya kesian kepada mereka. Mereka melalui proses rawatan AADK, akan tetapi kadang-kadang disebabkan koordinasi di antara ini tidak betul, kadang mereka dimangsakan sehingga minta maaf Yang Berhormat Senator, senarai AADK ini diambil sebagai rujukan untuk mudah menangkap mereka.

Sudahlah mereka hendak cuba membaiki diri, akan tetapi seolah-olah macam serah diri dan kemudian mereka dihukum. Jadi saya rasa mungkin juga Yang Berhormat Senator dengan niat yang baik ini mencadangkan bahawa koordinasi di antara pihak polis narkotik dan juga AADK ini diperkemas dan diharmonikan.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Saya sudah bangkitkan pun sebelum ini. Pertama pun, mesti diperkasakan sumber-sumber dan peralatan kelengkapan di AADK itu. Mungkin melakukan pertambahan kepada tenaga kerja di AADK.

Keduanya, pengharmonian antara tugas dan koordinasi antara pihak polis dan pihak AADK. Yang penting saya dapat lihat kalau kita boleh meletakkan satu penghususan dan fokus kepada AADK dan kita meringankan beban pihak PDRM untuk berusaha mencegah jenayah lain, maka *insya-Allah* saya yakin dengan pendekatan seperti di *Portugal* itu diambil kira, iaitu untuk mendidik dan membimbing- saya yakin, kita akan dapat menangani perkara ini.

Tadi saya sudah sebut soal perubatan tradisional yang berasaskan herba. Jika kajian saintifik benar-benar menunjukkan perubatan tradisional ini seperti jamu, akar kayu serta mungkin marijuana itu sendiri mempunyai khasiat yang mampu merawat penyakit kronik secara lebih baik daripada perubatan konvensional- apa salahnya- di Indonesia, di Thailand, memang perkara ini sangat-sangat diperluaskan

Tuan Yang di-Pertua saya hendak meneruskan juga soal ketiga iaitu subjek ketiga- soal pendidikan awal di sekolah rendah dan juga mata pelajaran Demokrasi dan

Perlembagaan. Saya setuju dengan perkara ini apabila Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop telah bangkitkan beberapa kali. Kita meneliti dalam Belanjawan 2019, kerajaan telah menurunkan bantuan makanan prasekolah sebanyak RM 10 juta dan bantuan makanan asrama sebanyak RM 100 juta. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan mungkin hilang keseriusan memandangkan mungkin berlaku masalah dana yang tidak mencukupi untuk Kementerian Pendidikan.

Komitmen terhadap bidang pendidikan ini berkait rapat sebenarnya dengan apa yang saya ingin sebutkan hari ini iaitu pendidikan di peringkat awal persekolahan iaitu sekolah rendah di mana saya percaya terdapat banyak isu yang lebih penting dan lebih mendesak berbanding dengan polemik warna kasutlah, stoking pelajarlah. Melihatkan kepada kepesatan teknologi dan juga mengambil kira cabaran murid di peringkat sekolah rendah yang membesar, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya dapat mempertimbangkan bagi memasukan silibus Kemahiran Hidup diajar di sekolah menengah, di sekolah rendah dan juga nilai-nilai kendiri, nilai-nilai kemanusiaan serta kemahiran berkomunikasi.

Kita harus berpijak di bumi yang nyata dengan menyedari bahawa era teknologi ini telah berubah secara *total*. Cara manusia berinteraksi dengan antara satu sama lain. Kita juga tidak boleh menafikan bahawa kepesatan teknologi mungkin akhirnya memakan diri. Apabila kita terlalu asyik dibelenggu dengan teknologi sehingga ilmu kemanusiaan, ilmu kemahiran hidup, nilai-nilai murni sudah tidak lagi wujud dalam hari nurani generasi anak-anak muda kita.

#### ■1540

Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan nilai-nilai murni ini juga amat penting bagi kita mengekalkan perpaduan serta kestabilan negara Malaysia, yang terdiri daripada masyarakat majmuk berbilang kaum. Realitinya yang tidak dapat dinafikan di Malaysia adalah sejak di bangku sekolah rendah lagi murid-murid diasingkan mengikut bangsa melalui sekolah kebangsaan, sekolah-sekolah jenis kebangsaan dan sekolah agama.

Sebenarnya tidak salah untuk kita mengekalkan sekolah pelbagai aliran tetapi kita perlu memastikan anak-anak kita ini dididik dengan nilai-nilai kemanusiaan dan sivik yang cukup agar mereka mengenali antara satu dengan yang lain dan masyarakat yang datang daripada agama lain dan budaya lain.

Anak-anak ibarat kain putih yang perlu kita corakkan adalah menjadi tugas semua pihak untuk memastikan mereka mendapat pendidikan yang sempurna dan berguna. Memandangkan Tuan Yang di-Pertua kerajaan kini sudah begitu serius dan telah menyatakan

komitmen untuk menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun, kerajaan seharusnya juga melihat persiapan anak-anak muda kita ini ke arah menjadi pengundi yang sah dan berdaftar. Maksudnya hari ini mereka akan berpeluang akan diperkaya, akan diperkasakan dan akan diberi hak mereka untuk memilih siapakah yang akan menentukan dan kerajaan mana yang akan menentukan masa depan mereka. Akan tetapi apakah kita sudah mendedahkan mereka kepada soal-soal demokrasi, soal-soal Perlembagaan?

Maka saya hendak cadangkan seharusnya diwujudkan mata pelajaran Demokrasi dan Perlembagaan paling tidak di pelajar-pelajar Tingkatan 4 ataupun Tingkatan 5 iaitu untuk menyiapkan mereka supaya apabila mereka menjelak kaki langkah masuk ke umur 18 tahun waktu itu apabila mereka mahu membuat keputusan mengenai siapa kerajaan yang akan menentukan masa hadapan mereka, mereka lebih bersedia dan pertimbangan mereka dan *judgement* mereka itu adalah *judgement* mereka itu yang matang dan juga yang benar-benar telah dinilai.

Perkara ini penting dan kritikal bagi rakyat Malaysia yang bakal menjalankan tanggungjawab pengundi sejurus selepas tamat persekolahan. Tuan Yang di-Pertua bayangkan murid yang perlu di sekolah yang hendak keluar ke bilik air pun kena minta kebenaran cikgu terpaksa pula meminta amanah bagi menentukan masa hadapan negara. Risiko ketidakmatangan dan kesilapan memilih adalah amat tinggi jika mereka tidak dipersiapkan sepenuhnya sebelum diberi kuasa untuk menentukan masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk yang terakhir saya iaitu subjek perubahan iklim saya suka kerana Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan beberapa Yang Berhormat Senator lain sentiasa membangkitkan hal ini. Subjek terakhir ini mengenai isu perubahan iklim yang kian meruncing tanpa disedari oleh segenap rakyat Malaysia. Isu pemanasan global sudah diberi perhatian di seluruh dunia tetapi mungkin tidak dititikberatkan secukupnya di Malaysia. Perubahan iklim yang berkait rapat dengan pemanasan global adalah disebabkan oleh pelbagai perkara antaranya aktiviti pertanian, pembakaran hutan dan terutamanya penggunaan pembakaran fosil.

Jadi ingin saya beri makluman bahawa semenjak kebelakangan ini banyak kejadian cuaca ekstrem yang berlaku termasuk di Malaysia. Kita kemungkinan akan mengalami El Nino iaitu kemarau lebih kerap daripada yang sepatutnya. El Nino berlaku tujuh tahun sekali tetapi akibat perubahan iklim yang melanda, kita mungkin dijangka mengalami semula dalam tempoh kurang tujuh tahun lagi. Perubahan iklim juga memberi banyak kesan lain termasuk

gangguan terhadap bekalan makanan, air, serta tahap kesihatan secara keseluruhannya. Wabak Zika virus juga adalah disebabkan oleh pemanasan global.

Jadi saya gembira kerana apabila saya melihat jumlah Belanjawan 2019 yang diperuntukkan kementerian yang berkaitan meningkat. Saya mengalu-alukan ini. Apa yang lebih penting hari ini saya minta kementerian yang berkaitan iaitu Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam sekitar dan Perubahan Iklim ini boleh pada hikmat saya melakukan sesuatu yang lebih drastik iaitu menghasilkan suatu naratif nasional yang dapat diwujudkan, dapat dipertahankan dan dapat dipegang oleh rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Ini kerana hari ini kita jarang-jarang sekali boleh mendengar rakyat benar-benar berbincang soal perubahan iklim ini Tuan Yang di-Pertua. Boleh tanya kalau kita rakan-rakan kita penduduk kita di luar bandar pun kalau bercakap soalan *climax change* ini mereka seolah-olah tidak tahu langsung apakah subjek itu sebenarnya dan mempunyai kesan secara langsung kepada kehidupan seharian mereka. Jadi setiap rakyat perlu mempunyai kesedaran dan memainkan peranan antaranya dalam kempen alam sekitar contohnya seperti, “*Katakan tidak dengan penggunaan straw*” dan kempen-kempen lain yang menjangkaui kawasan-kawasan luar bandar dan perkampungan.

Naratif nasional ini perlu disampaikan kepada pengetahuan rakyat Malaysia supaya kita boleh meneruskan dialog dan perbincangan ini dan akhirnya kita boleh mendidik terutama generasi muda bagi masa hadapan kita ini dapat dipelihara dan dapat dikawal daripada terjerumus dalam isu-isu pemanasan global ini. Kempen bagi memastikan aktiviti kebakaran sebagai contoh perlu dihentikan. Kempen sebagai contoh pembaziran bahan baka negara dan macam-macam lagilah. Apa yang penting wujud satu naratif daripada pihak kerajaan untuk benar-benar menjamin isu pemanasan global ini dapat kita tangani bersama.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan dan bersandarkan kepada empat subjek ini, saya berharap kerajaan dapat memperlihatkan semula dan menambah baik Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November yang lalu. Kerajaan harus senentiasa diingatkan bahawa fokus kerajaan perlu diberikan kepada segenap rakyat Malaysia dan tidak hanya berfokus kepada golongan tertentu iaitu pengundi-pengundi mereka di kawasan bandar sahaja.

Kerajaan yang adil dan saksama perlu menunaikan hak rakyat yang berada di luar bandar juga, golongan belia yang masih baharu cuba untuk memasuki alam pekerjaan dan juga termasuk anak-anak kecil yang masih berada di bangku sekolah. Subjek-subjek yang telah saya perbahasan tadi adalah demi memastikan Malaysia terus maju secara holistik tanpa

meninggalkan sesiapa di belakang, Malaysia adalah sebuah negara yang membangun yang bersedia dan komited untuk menjadi sebuah negara maju dalam masa beberapa tahun lagi. Saya meminta agar kerajaan boleh mengetepikanlah apa-apa agenda politik dalam Belanjawan 2019 dan mengutamakan setiap satu rakyat Malaysia. Semoga impian Malaysia untuk mencapai status negara maju dapat dicapai dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,saya hari ini sebenarnya menolak Rang undang-undang Perbekalan 2019 kerana saya lihat kerajaan tidak serius dan tidak mempunyai semangat dan sifat peduli rakyat. Saya tidak anggap bajet ataupun Belanjawan 2019 ini adalah belanjawan pro-rakyat. Saya telah sebut minggu lalu saya lihat pendekatan yang dibuat ini lebih kepada analogi *reverse Robin Hood*. Kalau Robin Hood asal kita bantu orang miskin ambil daripada orang kaya tetapi hari ini kita potong semua orang miskin dapat semata-mata untuk bantu orang kaya untuk subsidi golongan-golongan berada terutama di kawasan bandar.

Jadi saya berpendapat bahawa Belanjawan 2019 mempunyai kekurangan dan kelompongan yang perlu diperbaiki agar nasib rakyat terutamanya masyarakat luar bandar dan rakyat Malaysia keseluruhannya yang masih memerlukan bantuan terbela. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun memberikan perbahasan yang baik.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

### 3.48 ptg.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang untuk turut berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2019.

Mungkin saya akan *tone down* sedikit nada saya sebab tadi sudah berapi-api sedikit. Kita petang-petang kita relaks sedikit. Saya ingin menarik perhatian kepada beberapa kementerian, saya akan sebut di sini dahulu Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Kementerian Air, Tanah, Sumber Asli.

Saya sengaja sebutkan dahulu kerana saya hendak pastikan bahawa apa yang kita sebutkan di sini mungkin dibuat catatan dan semasa Yang Berhormat Menteri menjawab nanti tidak ada yang tertinggal. Ini kerana di sesi yang lepas kita dapati ada yang tidak ada catatan

dan Yang Berhormat Menteri tidak dapat menjawab. Kadang-kadang terpaksa kita *follow up* dengan surat untuk mendapat secara bertulis.

Jadi saya harap apa yang dibangkitkan di sini boleh diambil tindakan dan dijawab dengan sebaik mungkin. Saya tidak berhasrat untuk cerita panjang kerana saya akan tumpukan pada isu yang saya hendak sebutkan untuk memudahkan pegawai mencatat faham dan menyediakan jawapan yang tepat kepada Yang Berhormat Menteri.

Pertama sekali dari Jabatan Perdana Menteri. Beberapa hari lepas saya pernah sebutkan tentang cadangan saya agar dalam RMKe-11 diadakan satu sasaran baharu iaitu sesi dialog Ahli Parlimen dengan rakyat pengundi mereka. Saya harap cadangan ini dapat dipertimbangkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak harapkan esok akan terus dibuat. Akan tetapi ini adalah satu langkah yang baik untuk memastikan bahawa pengundi-pengundi ada ruang untuk menyuarakan apa yang mereka rasa, mereka nampak kepada wakil yang mereka pilih. Tidak kiralah daripada parti mana tetapi itulah wakil mereka.

#### ■1550

Jadi, kita tidak mahu Wakil Rakyat dikatakan umpama iklan buah kurma yang datang apabila musim puasa. Bukan musim puasa, tidak kelihatan. Jadi iklan kurma pun tidak ada. Jadi sekarang ini tidak ada iklan kurma tapi tunggulah dua, tiga bulan lagi ada. Jadi kita tidak mahu Ahli Parlimen, wakil rakyat datang apabila dekat pilihan raya saja.

Jadi dengan adanya dialog setiap setahun sekali kah dan sebagainya, bolehlah rakyat mendampingi dan menyuarakan apa yang mereka fikir patut disuarakan kepada Ahli Parlimen masing-masing. Seperkara lagi yang saya minta dicadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri ialah untuk menangani perkara yang kurang enak dilihat iaitu mereka yang menggunakan pakaian agama tertentu terutama agama Buddha untuk mencari makan.

Jadi saya harap Jabatan Perdana Menteri cuba ikhtiarkanlah kaedah terbaik, bincangkanlah bersama dengan ketua-ketua agama yang ada untuk menyelesaikan masalah macam mana kita hendak hapuskan mereka yang menyamar sebagai sami-sami Buddha dan sebagainya bukan untuk tujuan agama tetapi untuk tujuan mencari makan.

Akan tetapi masalahnya apabila kita ketengahkan kepada pihak polis, pihak polis kata mereka tidak ada kuasa kerana aktiviti memakai pakaian sami itu tidak salah dari segi undang-undang. Kemudian kalau kita rujuk kepada imigresen kerana kita dapat bahawa sebilangan mereka adalah datang daripada luar negara. Imigresen pula mengatakan bahawa selagi mereka ada *passport* yang lengkap, tidak ada isu bagi imigresen. Jadi kita dapat lah isu di

mana di kedai-kedai kopi adalah mereka yang membuat aktiviti yang tidak senonoh dari segi agama.

Saya harap di Jabatan Perdana Menteri dapat mengambil tindakan yang bersesuaian. Kedua ialah di Kementerian Pendidikan. Ini juga saya terpaksa ulangi kerana apa yang saya harapkan belum lagi tercapai iaitu bantuan kewangan untuk sekolah bahasa Thai di wat, wat, di kampung orang Siam. Saya pernah bangkitkan dengan Kementerian Pendidikan, mereka mengatakan bahawa tiada peruntukan. Akan tetapi saya jangkakan bahawa peruntukan tiada kerana kita tidak beri tapi sekiranya kita berikan, saya rasa peruntukan itu akan ada. Ini adalah untuk faedah kepada sekitar 4000 lebih murid setiap tahun yang mempelajari bahasa Thai untuk meningkatkan kemahiran berbahasa mereka.

Mereka ini akan dapat pekerjaan di sektor yang memerlukan penguasaan bahasa Thai. Sekarang ini banyak bidang yang mereka dapat ceburi ialah dari segi bantuan teknikal yang memerlukan mereka yang menguasai bahasa Thai.

Saya tekankan di sini kerana sekiranya kita tidak bantu mereka ini, pelajar-pelajar ataupun murid-murid keturunan Siam ini, bidang penguasaan bahasa Thai ini akan diambil alih oleh pelajar-pelajar dari Thailand yang datang belajar di sini dan mereka ada kelebihan kerana bahasa Thai adalah bahasa ibunda mereka. Mereka datang belajar di sini, ada ijazah, ada diploma di Malaysia. Mereka adalah setanding, kadang-kadang lebih daripada murid-murid keturunan Siam yang boleh berbahasa Thai di sini. Jadi ini perlu kita ambil tindakan untuk memastikan bahawa rakyat tempatan ada kelebihan berbanding dengan rakyat asing.

Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, saya ingin ulangi di sini ialah tentang saringan HIV untuk bakal pengantin bukan Islam. Selama ini kita dapati bahawa bakal pengantin Islam perlu menjalani ujian HIV sebelum mereka dapat dinikahkan. Akan tetapi perkara ini tidak dikenakan kepada pengantin bukan Islam. Mereka Cuma-sekiranya mereka secara sukarela ingin menjalani saringan, mereka boleh. Kementerian Kesihatan ada menyediakan perkhidmatan tersebut.

Akan tetapi tidak ada kuasa di pihak Kementerian Kesihatan untuk memaksa bakal pengantin bukan Islam ini untuk menjalani saringan HIV. Jadi hendak cadangkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, buatlah sesuatu. Saya tidak tahu apa yang perlu dibuat tapi buatlah sesuatu untuk membolehkan kita mewajibkan saringan HIV ke atas bakal-bakal pengantin bukan Islam.

Ini adalah sangat-sangat penting kerana kita dapati masih lagi banyak atau ramai ibu-ibu yang mengandung menghidap HIV, anak-anak yang dilahirkan, yang tidak berdosa sudah

dibekalkan dengan HIV. Kita pun tidak tahu apa hendak jadi dengan masa depan mereka. Jadi kalau kita boleh bendung daripada awal, itulah satu langkah yang baik dan pada masa yang sama kepada bakal-bakal mertua, mereka juga akan senang hati kerana mendapat bakal menantu yang bersih dari segi aspek kesihatan penyakit HIV.

Satu perkara lagi yang masih lagi kekurangan di pihak pengantin bukan Islam terutama yang saya merujuk kepada orang-orang Siam ialah kursus pra perkahwinan. Jadi saya hendak cadangkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita adakanlah kursus pra perkahwinan untuk bakal-bakal pengantin bukan Islam. Ini akan membolehkan mereka menjalani hidup keluarga dengan lebih baik, mereka akan menjadi ibu bapa yang lebih bertanggungjawab. Menjadi suami atau isteri yang lebih bertanggungjawab terhadap keluarga dan akhirnya kita akan menghasilkan keluarga, anak-anak dan juga rakyat Malaysia yang lebih baik daripada sekiranya kita tidak buat seperti sekarang.

Jadi saya tidak pasti tempohnya dan sebagainya. Saya serahkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, pakar-pakar yang ada untuk menentukan bentuk dan cara untuk melaksanakannya. Seterusnya saya pergi ke Kementerian Kewangan. Tadi disebut tentang Tabung Haji dan sebagainya. Saya tidak hendak menyentuh tentang Tabung Haji tapi saya hendak gunakan isu yang telah dibangkitkan berkaitan dengan Tabung Haji itu sebagai mukadimahnya.

Kita didekahkan isu yang kita sebut tadi tentang dividen dibayar dengan deposit dan sebagainya. Saya hendak kaitkan dengan Amanah Saham Nasional. Amanah Saham Nasional juga ada banyak pendeposit. Saya hendak pengesahan daripada Kementerian Kewangan, adakah Kementerian Kewangan dapat mengesahkan kepada pelabur bahawa perkara yang tersebut yang dilaporkan, yang mengatakan Tabung Haji berbuat sedemikian itu tidak berlaku di Amanah Saham Nasional? Itu sahaja saya hendak. Okey.

Pengesahan daripada Kementerian Kewangan tidak ada berlaku sedemikian di Amanah Saham Nasional. Tentang Kementerian Kewangan juga, saya hendak bangkitkan tentang pengawalan Kementerian Kewangan atau Bank Negara terhadap pembukaan atau penutupan sesuatu cawangan bank. Saya hendak ambil contoh yang paling dekat saya iaitu di Tumpat. Pekan yang hujung, jalan kereta api di Pantai Timur. Ada satu cawangan bank *Maybank* telah tutup kerana mereka mengatakan bahawa operasi *Maybank* di cawangan tersebut tidak mendatangkan keuntungan.

Jadi mereka tutup, mereka letaklah dua mesin ATM di stesen minyak. Cawangan *Maybank* terdekat ialah di Kota Bharu, lebih kurang 20 kilometer. Bayangkan, saya ini kira

muda lagilah, kalau taraf-taraf pakcik saya itu hendak ambil duit, hendak urusan dengan bank terpaksa pergi jauh. Kalau ATM di stesen minyak itu ada dua biji, satu untuk ambil duit, satu untuk deposit duit. Kalau mesin ATM itu mati, semua orang kebulur, tidak dapat ambil duit.

Jadi saya hendak tanya kepada Kementerian Kewangan, apakah kuasa yang ada di Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa bank-bank komersial ini menjalankan operasi mereka sekurang-kurangnya satu cawangan di satu daerah. Sudah tentunya mereka memikirkan untung tapi pada masa yang sama kementerian Kewangan sepatut menjaga kebijakan rakyat, patut mengenakan satu syarat memastikan bahawa bank-bank komersial ini mengekalkan cawangan mereka di tempat yang strategik seperti satu daerah di setiap daerah yang ada di negara kita.

#### **-1600**

Seterusnya kepada Kementerian Dalam Negeri. Kira-kira setahun lebih, pada setahun yang lalu- ini kali ketiga, keempat saya bangkitkan. Saya harap kali ini adalah dengan Menteri baharu dan sebagainya. Tentang permohonan saya untuk Kementerian Dalam Negeri mengiktiraf *Siamese Buddhist Mang Organization* ataupun MSBMO untuk menyokong permohonan Pas Lawatan Ikhtisas kepada sami-sami daripada Thailand, daripada Burma dan sebagainya.

Ini kerana sekarang ini apa yang berlaku ialah mereka yang memerlukan pas lawatan ikhtisas perlu mendapat sokongan dua badan yang menyokong ialah di Kuala Lumpur. Jadi wat-wat yang di sebelah Kedah, Kelantan dan sebagainya apabila mereka perlukan sokongan, mereka terpaksa hantar permohonan mereka ke Kuala Lumpur kepada persatuan pengikut Buddha di Kuala Lumpur untuk mendapat sokongan.

Jadi dengan adanya badan seperti MSBMO ini menjadi sebahagian daripada penyokong, akan memudahkan wat-wat di Kedah dan di Kelantan untuk memohon pas lawatan ikhtisas untuk sami-sami pada Thailand dan sebagainya untuk datang ke Malaysia untuk mengajar bahasa-bahasa Thai kepada kanak-kanak di kampung-kampung.

Seterusnya, Kementerian Pengangkutan. Ini saya hendak bangkitkan tentang beberapa hari lepas ada rakan Senator membangkitkan tentang parkir untuk pengguna MRT. Saya hendak tuju secara spesifik kepada parkir di stesen MRT Kajang. Kalau Yang Berhormat pergi ke stesen MRT Kajang sebelah pagi musim biasa, akan melimpah-limpah sampai ke Kolej Era yang jaraknya lebih kurang 100, 200 meter daripada stesen. Jadi MRT dan juga stesen komuter dirangkum sekali. Jadi penggunanya ramai. Saya hendak tanya kepada Kementerian Pengangkutan, tidak kah ada cadangan untuk membangunkan tanah milik KTM

yang berhadapan dengan Masjid India di Jalan Reko menjadikan parkir bertingkat untuk memudahkan orang ramai menggunakan kemudahan MRT dan juga komuter.

Kita ada MRT yang canggih, komuter yang selesa. Akan tetapi sekiranya parkir tidak sesuai, orang ramai akan berfikir dua kali untuk menggunakan perkhidmatan tersebut. Kalau kita hendak guna MRT, terpaksa ada orang hantar sampai ke stesen baru kita boleh gunakan kerana tidak ada tempat *parking*. Jadi saya hendak minta Kementerian Pengangkutan mengkaji bagaimanakah cara terbaik untuk menambah parkir di tanah yang telah sedia ada di Jalan Reko di Kajang. Terima kasih.

Kemudian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ada satu isu sahaja. Bila kita semak website ataupun laman web KPPT, kita dapati ada beberapa badan yang berkaitan dengan pembinaan rumah. Pertama, kita ada PR1MA. Perbadanan PR1MA Malaysia. Kita ada Syarikat Perumahan Malaysia Berhad. Kita ada Perumahan Penjawat Awam Malaysia. Semuanya buat rumah. Masing-masing dengan caranya. Ada tanah dibuat sini, ada tanah dibuat sini. Kadang-kadang tidak jauh daripada satu sama lain.

Saya hendak tanya kepada kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri. Tidakkah ada cadangan kementerian untuk menggabungkan ketiga-tiga badan ini menjadi satu badan untuk menjimatkan tenaga, jimat masa, jimat duit dan sebagainya. Tidak ada pertindihan kerja dan sebagainya. Kita rangkumkan satu, kita jimat dan kita buat yang terbaik dengan sumber-sumber yang ada.

Akhir sekali kepada Kementerian Air, Tenaga dan Sumber Asli. Ini saya hendak rujuk Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok yang melibatkan beberapa kampung sepanjang Sungai Golok itu dan ada dua kampung orang Siam yang terkena dan melibatkan dua tempat ibadat orang Siam yang ada di situ.

Saya mendapat aduan daripada orang ramai yang ada di situ mengatakan bahawa dalam mereka bentuk laluan tebatan banjir tersebut, mungkin JPS ataupun Jabatan Pengairan dan Saliran terlepas pandang untuk mengelak tempat-tempat ibadat tersebut. Jadi mereka telah merayu kepada saya supaya membangkitkan perkara ini untuk pastikan bahawa JPS melihat semula projek tersebut kerana tempat ibadat itu bukan sahaja tempat ibadat yang biasa. Akan tetapi ini bahan bersejarah kerana kita dapati bahawa terutama di Kampung Teresek umurnya telah melebihi 100 tahun.

Kita juga hendak pastikan bahawa JPS perlu mengambil kira *social impact* kerana tanah yang melibatkan tempat ibadat dan juga tanah tempat mereka bercucuk tanam telah terkesan daripada projek tersebut. Jadi mereka merayu agar benda ini dilihat semula untuk

membolehkan kerajaan melaksanakan projek dengan cara yang terbaik. Saya tidak pasti sama ada pihak kementerian melihat perkara ini secara *detail* ataupun tidak kerana di kedua-dua tempat tersebut ramai yang telah terkesan dan kesan tersebut melibatkan tanah rizab Melayu...

**Datuk Ng Chiang Chin:** Minta laluan.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Ya, silakan.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya ingin tahu apakah perasaan orang kampung terhadap projek ini walaupun projek ini adalah memberi faedah kepada orang ramai kerana ini adalah terlibat tanah-tanah yang orang kampung di tepi sungai ini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ng. Sudah tentu mereka yang terkesan akan rasa susah hati. Walaupun kerajaan akan ambil balik tanah menggunakan Akta Pengambilan Tanah, tetapi di Kelantan dia punya pemilikan tanah orang Siam di Kelantan unik sedikit. Tanah di Kelantan kebanyakannya kecuali di bandar-bandar adalah tanah rizab Melayu. Orang Siam- oleh sebab mereka adalah peribumi di situ, datang lebih awal daripada Enakmen Rizab Melayu, jadi tanah yang mereka miliki sekarang ini apabila di rizab Melayu kan, mereka masih boleh memiliki.

Akan tetapi syaratnya apabila tanah tersebut telah dipindah milik kepada orang Melayu ataupun diambil balik oleh kerajaan untuk tujuan tertentu, tanah itu tidak dapat diganti. Mereka akan hilang. Mereka tidak boleh beli tanah rizab Melayu yang dimiliki oleh orang Melayu kecuali ada kelulusan khas daripada kerajaan Negeri.

Jadi dengan kehilangan tersebut mereka merasakan mereka teraniaya. Sudah tentu mereka tidak menghargai Projek Tebatan Sungai Golok kerana setiap tahun banjir berlaku di sekitar kawasan tersebut. Cuma mereka memerlukan budi bicara kerajaan untuk sekiranya boleh pampasan yang sesuai, gantilah tanah mereka mengikut keluasan yang telah mereka hilang untuk membolehkan mereka terus tinggal di situ, membina rumah dan bercucuk tanam di kawasan tersebut.

Jadi saya harap pihak JPS dapat mengkaji semula aliran tebatan banjir tersebut bagi mengelak rumah ibadat dan juga bagi mengurangkan impak kepada penduduk setempat. Terima kasih kepada JPS kerana berdasarkan interaksi saya dengan mereka, mereka telah bersetuju mengadakan sesi dialog ataupun sesi libat urus bagi membincangkan kesan tebatan

banjir ini dan juga kemungkinan untuk mengurangkan impak kepada tanah-tanah orang di kawasan tersebut.

Jadi dengan isu-isu tersebut, saya rasa pihak kerajaan wajarlah mengambil tindakan yang bersesuaian berdasarkan saran-saran yang telah dibangkitkan oleh para Senator dan juga yang telah saya bangkitkan. Bagi membolehkan rakyat mendapat faedah daripada apa yang kerajaan rancang, apa yang kerajaan telah buat, demi kebaikan dan juga kemudahan penduduk dan rakyat keseluruhannya. Dengan itu, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook. Terima kasih banyak.

Dan sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Sween. Terima kasih.

#### **4.09 ptg.**

**Dato' Ong Chong Sween:** Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam Negaraku Malaysia. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berbahas Belanjawan 2019.

#### **■1610**

Antara isu-isu yang saya akan berbahas berkenaan Belanjawan 2019 adalah mengenai lima tajuk. Kemiskinan di bandar, pelancongan, bangunan lama, penunggang motosikal di jalan raya besar dan peruntukan pendidikan dan kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan di bandar yang termasuk golongan kanak-kanak dan dewasa masih merupakan salah satu isu penting yang perlu diberi perhatian di negara kita. Satu laporan media baru-baru ini memetik kenyataan Kementerian Wilayah Persekutuan yang menyatakan bahawa pendapatan isi rumah rendah, kurang kemahiran dan peningkatan migrasi penduduk dari luar bandar dan pekerja asing di lihat antara faktor kemiskinan bandar terus meningkat. Masih terdapat ramai kanak-kanak kecundang pelajaran akibat kemiskinan. Terdapat badan bukan kerajaan (NGO) sedang mengisi kekosongan atau, dengan izin, *filling in the gap*, dengan melaksanakan program-program sendiri seperti *Soup Kitchen* yang mengajar kanak-kanak secara percuma, memberi alatan sekolah percuma dan sebagainya.

Walaupun tidak salah orang melakukan, dengan izin, *private initiative* tetapi sebenarnya ini menunjukkan bahawa masalah kemiskinan di bandar tidak boleh diabaikan oleh kerajaan. Maka peruntukan amat diperlukan untuk program khas dan menyediakan alatan bagi golongan ini. Salah satu contoh program kerajaan adalah Program Makanan Tambahan

Sekolah yang membantu kanak-kanak miskin. Saya menyeru kerajaan menambah peruntukan supaya program-program lain yang bermakna dan dapat membantu lebih ramai golongan yang hidup di paras pendapatan rendah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, maaf sekejap ya, maaf.

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung.

**Dato' Ong Chong Swen:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan satu negara yang terkenal dengan banyak tempat yang istimewa dan unik. Namun pemasaran atau, dengan izin, *marketing* masih tidak mencapai tahap yang memuaskan berbanding negara-negara lain. Contohnya, Singapura yang dekat sekali, bertungkus-lumus meletakkan bangunan dan jalan-jalan yang bersejarah ke dalam UNESCO *Heritage List*, dengan izinnya, memperkenalkan *hawker food* yang ada *Michelin Star*, membina *website* yang mempamerkan semua *event* yang menarik.

Pelancong-pelancong boleh dapat informasi dengan satu klik jari sahaja. Baru-baru ini cendol pula menjadi bahan bualan di kalangan rakyat Malaysia kerana cendol telah dianugerahkan, sebagai izin, *Top 50 Dessert of The World* oleh CNN di bawah nama Singapura. Sebelum ini beberapa makanan yang terkenal dan berasal daripada negara kita seperti nasi ayam Hainan, *ba kut teh* Klang, kuew teow goreng Pulau Pinang tetapi juga telah menjadi makanan terkenal di bawah nama Singapura oleh media luar negara. Negara kita sepatutnya ada kelebihan dengan kekayaan warisan yang sedia ada tetapi tidak dipasarkan dan diperkenalkan dengan baik ke seluruh dunia.

Cendol sepatutnya perlu diperkenalkan di seluruh dunia sebagai cendol Melaka kerana cendol hanya akan berasa original dengan menggunakan gula Melaka yang ada dari Melaka. Namun, cendol Melaka kini telah berubah menjadi cendol Singapura di mata antarabangsa. Pada masa sekarang Singapura juga membuat percubaan memasukkan makanan jalanan ataupun *hawker food culture* dalam pengiktirafan UNESCO. Percubaan yang dilakukan oleh Singapura ini tentunya dapat menarik banyak pelancongan masuk dan dalam masa yang sama menjadikan sektor pelancongan sebagai sektor yang paling menguntungkan negara.

Saya menyeru kerajaan perlu mempercepatkan langkah-langkah untuk mempromosikan pelancongan Malaysia kepada dunia terutamanya kepada pelancongan negara China dan India yang amat mampu berbelanja ketika melancong.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama saya bercadang cukai pelancongan wajar disalurkan balik kepada negeri masing-masing supaya mereka boleh menguruskan sektor pelancongan sendiri. Contohnya, cukai pelancongan RM10 setiap bilik, setiap malam untuk pelancong asing, cukai penerbangan atau *departure levy* RM20 untuk negara Asian dan RM40 untuk negara lain.

Kementerian Kewangan memberi justifikasi bahawa ini untuk menggalakkan orang melancong dalam negara. Maka wajar duit ini disalurkan balik kepada penambah baikan dan perkembangan tempat peranginan sektor pelancongan dalam negara, dengan izin, *where there is incentive, there is competition, where there is competition, there is effort*. Setiap negeri boleh membangunkan sektor pelancongan dengan lebih berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan Persekutuan jika duit-duit ini, cukai-cukai disalurkan balik ke negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan di Malaysia boleh dianggap bagus tetapi masih, dengan izin, *room for improvement*. Ini kerana banyak pelancongan juga bawa kesan negatif seperti akibat buang sampah dan kimia *sunblock* yang sebenarnya tidak baik untuk hidupan laut. Ini menunjukkan bahawa kita perlu lebih teliti dalam memelihara alam sekitar.

#### ■1620

Cadangan saya adalah memberi lebih peruntukan supaya bilangan pegawai penguat kuasa ditambah dan juga untuk *educational material* papan tanda dan sebagainya untuk memberi amaran kepada pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, bangunan lama dan bersejarah adalah amat berharga dari segi nilai pelancongan dan juga dari segi budaya warisan. Di negara-negara seperti Indonesia dan India, *Cambodia*, Thailand dan tempat-tempat pelancongan yang berunsur sejarah merupakan tarikan pelancongan yang amat penting. Contohnya, seperti Angkor Wat di Kemboja, Taj Mahal di India, *Phi Phi Islands* di Thailand dan sebagainya. Dengan ini peruntukan dari kerajaan untuk pemulihan bangunan lama amat penting dan tidak boleh berharap kepada inisiatif persendirian sahaja.

Salah satu contoh dari Malaysia adalah di Pulau Pinang iaitu Cheong Fatt Tze Mansion di mana sekarang menjadi terkenal tetapi dahulu hampir lenyap kerana sekumpulan individual sedia membeli dan membaiki *mansion* ini dengan wang dan usaha sendiri. Pada pendapat saya, tidak wajar membiarkan bangunan lama reput begitu sahaja. Saya mencadangkan agar peruntukan istimewa diberikan untuk pengenalpastian serta pemulihan warisan-warisan lama yang mempunyai nilai sejarah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bagi penunggang motosikal di jalan raya seperti Lebuhraya Persekutuan dan beberapa *highway* atau *expressway*. Pertama, laluan motosikal tidak lengkap. Kedua laluan yang tidak sempurna. Ketiga laluan yang tidak cukup papan tanda. Maka ini menyebabkan kerunsingan di kalangan penunggang motosikal dan justeru itu mereka menggunakan laluan utama di lebuh raya, walaupun ini mendedahkan mereka kepada bahaya. Ini juga menjadi masalah untuk kenderaan yang lain.

Kementerian Kerja Raya telah mengumumkan bahawa mereka telah meneruskan projek menambah terowong motosikal. Projek-projek ini masih menggunakan peruntukan tahun 2018 yang diluluskan pada tahun 2017. Soalan saya kepada kementerian, adakah semua terowong dan laluan motosikal ini sudah siap? Berapa peratus yang telah disiapkan atau sedang disiapkan? Berapa banyak projek yang dikenal pasti menghadapi gangguan atau *delay*?

Saya juga perhatikan ada pelbagai kenaikan peruntukan di bawah Kementerian Kerja Raya seperti naik taraf jalan raya dan laluan dari RM305 juta untuk tahun 2018 kepada RM469 juta untuk tahun 2019. Kedua, naik taraf jalan-jalan dari RM693 juta pada tahun 2018 kepada RM804 juta untuk tahun 2019.

Maka soalan saya, berapa banyak peruntukan ini khususnya untuk laluan motosikal? Adakah laluan motosikal akan ditambahkan? Selain daripada itu, perkara ini juga menyentuh kepada beberapa kementerian. Seperti Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pengangkutan, *highway authority*, dengan izinnya. Pertama, ini kerana projek berkaitan lebuh raya di bawah DBKL, pemantau dan hal lesen pengguna jalan raya di bawah Kementerian Pengangkutan ataupun *highway authority*.

Projek di jalan raya atau mana-mana pengubahsuaian perlu dipantau dengan teliti agar kawasan itu *user friendly*, dengan izin, di mana papan tanda jelas dan jalan itu sempurna. Walaupun proses penambahbaikan masih berlaku ataupun *construction still on going*, dengan izin, mujur sekarang walaupun papan tanda tidak berapa cukup, kita boleh *Waze*. Jika berharap papan tanda jalan sahaja, pasti tidak dapat sampai.

Penguatkuasaan terhadap semua pengguna jalan raya penting supaya tiada sesiapa pun memandu dengan cara yang berbahaya. Contohnya, perbuatan menukar lorong sesuka hati walaupun mereka boleh menggunakan lorong yang ditetapkan. Maka, saya ingin tahu bagaimana semua kementerian yang terlibat akan bekerjasama dalam menangani isu keselamatan penunggang motosikal dan pengguna jalan raya.

Pada pendapat saya, isu ini hanya akan diselesaikan dengan sempurna sekiranya semua kementerian yang terlibat melaksanakan koordinasi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berapa lama lagi?

**Dato' Ong Chong Swen:** Ada dua *paragraph* lagi. Itu yang terakhir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Ong Chong Swen:** Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang masuk kepada peruntukan kebajikan dan pendidikan. Bantuan langsung daripada kerajaan amat berguna tetapi pada 10 Disember diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Bantuan Sara Hidup (BSH) bagi kumpulan berpendapatan rendah atau B40 untuk tahun depan hanya akan dikeluarkan selepas perayaan Tahun Baru Cina.

Mantan pentadbiran terdahulu tidak pernah gagal dan memastikan bahawa agar pembayaran bantuan langsung kerajaan juga dielakkan sebelum perayaan bermula. Apakah justifikasi untuk membuat selepas perayaan Tahun Baru Cina? Bantuan yang diberi selepas Tahun Baru Cina akan menjadi kurang bermakna kepada B40.

Begini juga peruntukan pendidikan. Syabas kepada kerajaan baharu terutama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang memberi peruntukan kepada MARA dan usahawan bumiputera untuk memajukan rakyat, dengan izin, *to same level of our Malaysian*, syabas! Akan tetapi, pada masa yang sama saya juga ingin membawa perhatian kerajaan mengenai isu pendidikan tinggi iaitu Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.

### ■1630

MCA yang telah menuahkan TAR UC dan memberikan kuasa autonomi untuk menjalankan pengurusan secara profesional telah membuktikan hasil dengan pengumpulan lebih daripada RM500 juta rizab untuk dana pembangunan. Pada masa sekarang, sudah ada enam buah kampus dan *main campus* terletak di Setapak, Kuala Lumpur.

Keadaan ini amat positif walaupun yuran pendidikan TAR UC adalah terendah di antara taraf kolej swasta yang lain. Ini menunjukkan bahawa TAR UC berada di dalam keadaan baik dan harus terus diberikan sokongan tanpa penglibatan politik. Ini terutamanya daripada segi bantuan *matching grant* yang telah mencari *contract social* sejak tahun 70-an. Ini juga merupakan satu komitmen kerajaan baharu kepada semua rakyat di tanah air ini.

Sebagai kesimpulannya, saya berharap kerajaan akan memberikan prihatin kepada isu-isu yang dinyatakan di atas. Apa yang penting, memberikan peruntukan yang sewajarnya supaya perkembangan negara lebih seimbang. Dengan ini, sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen. Ahli-ahli Yang Berhormat masa akan dihadkan kepada 20 minit.

Saya menjemput Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, selepas itu Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

#### 4.32 ptg.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, pada 2 November di Dewan Rakyat.

Pertama sekali saya ucapan tahniah kepada kerajaan di atas langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan bebanan kewangan negara dan sudah mengenal pasti dan mendedahkan hutang dan liabiliti negara yang sebenar.

Pertama, hutang sebenar dikatakan sebanyak RM1.65 trilion. Ini terdiri daripada hutang langsung yang berjumlah RM725 bilion dan RM339 bilion yang tidak langsung atau liabiliti. Dari jumlah hutang tidak langsung, RM155.8 bilion adalah komitmen luar jangka dan RM184.9 bilion adalah liabiliti lain termasuk bayaran pajakan bagi projek kerjasama awam swasta atau *public-private partnership project* (PPP), dengan izin.

Hutang langsung berjumlah RM725.2 bilion adalah lebih kurang sama dengan 50.7 peratus dari KDNK iaitu di bawah sasaran 55 peratus. Terima kasih kerana sudah memberikan gambaran menyeluruh hutang dan liabiliti negara sepenuhnya atau, dengan izin, *total financial burden*. Akan tetapi, tidak semua orang bersetuju dengan definisi hutang merangkumi liabiliti dan bayaran pajakan. Ada orang berkata, liabiliti itu adalah liabiliti dan bukan hutang. Bayaran pajakan adalah seperti sewa bulanan dan bukan hutang. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga komponen ini memberikan gambaran secara menyeluruh bebanan kewangan negara. Ini kita tidak boleh pertikaikan.

Kedua, kerajaan telah menjimatkan perbelanjaan melalui satu pembatalan projek *multi-purpose pipeline* dan *Trans-Sabah Gas Pipeline* (TSGP) yang menjimatkan jumlah sebanyak RM15 bilion. Pembinaan ECRL berjumlah RM81 bilion telah digantung dan kini kosnya sedang dirunding semula.

Ketiga, pembatalan Projek MRT3, bernilai RM60 bilion. Penangguhan pelaksanaan Projek Kereta Api Berkelaian Tinggi (HSR) dengan izin, Kuala Lumpur-Singapura yang dijangka melibatkan kos sekurang-kurangnya RM110 bilion. Empat langkah ini menjimatkan berjumlah RM266 bilion. Ini adalah penjimatan yang ketara.

Soalan saya, dalam semua pembatalan dan penangguhan projek-projek ini adakah terdapat kos tersembunyi yang harus dibayar oleh kerajaan seperti penalti, pampasan dan sebagainya?

Ketiga, pengurangan kos melalui rundingan semula. Satu, projek LRT3 sepanjang 37 kilometer dikurangkan dari RM31.6 bilion kepada RM16.6 bilion iaitu menjimatkan sebanyak RM15 bilion atau 47 peratus. MRT2 menurun dari RM39.3 bilion kepada RM30 bilion iaitu sebanyak RM8.8 bilion atau 22.7 peratus. Tahniah, sebab berjaya menjimatkan jumlah sebanyak RM23.8 bilion dari rundingan semula untuk dua projek ini.

Soalan saya, adakah pengurangan kos ini melibatkan kos tersembunyi kepada kerajaan seperti penalti dan pampasan, jika ada penukaran spesifikasi projek-projek berkenaan? Apakah kesan secara amnya pada ekonomi negara dengan pembatalan dan penangguhan projek ini? Apakah kesan kepada reputasi kita sebagai negara di peringkat antarabangsa jika kita membatalkan projek-projek yang telah dilaksanakan? Saya minta Menteri Kewangan memberikan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyentuh perkara-perkara berikut. Satu, berkenaan dengan 1MDB, saya menyokong sepenuhnya usaha kerajaan untuk mengumpul semua wang yang dimiliki oleh rakyat Malaysia. Saya berharap kerajaan akan berjaya dalam usaha ini. Hutang 1MDB dikatakan berjumlah lebih kurang RM50 bilion. Akan tetapi, saya mahu bertanya adakah 1MDB mempunyai aset-asetnya sendiri? Bekas Perdana Menteri pernah berkata nilai-nilai aset 1MDB adalah lebih daripada hutangnya.

#### ■1640

Adakah ini betul atau tidak? Isu kedua, levi bagi semua penumpang ke luar negara. Di bawah fokus nombor satu, melaksanakan reformasi institusi di Strategi 3 iaitu Meningkat Hasil Kerajaan. Alasan kerajaan mengenakan levi ini demi menggalakkan pembangunan pelancongan domestik.

Saya berpendapat levi ini akan membebankan rakyat. Bukan semua orang yang keluar negeri adalah pelancong. Memandangkan kerajaan mengatakan cukai ini adalah untuk menggalakkan pelancong domestik, maka mereka yang keluar negara yang bukan sebagai pelancong seperti untuk perniagaan, berkursus, tugas rasmi dan lain-lain harus dikecualikan daripada membayar levi ini. Saya mohon kerajaan mempertimbangkan cadangan saya ini.

Berkenaan dengan syarikat penerbangan yang enggan membayar balik atau *refund*, dengan izin. Kos tiket apabila penumpang membatalkan atau menukar penerbangan, saya mohon Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memberi penjelasan. Kos tiket penerbangan

adalah terdiri dari kos penerbangan, *airport tax* dan lain-lain. Oleh sebab itu, apabila penumpang membatalkan penerbangan mereka patut dipulangkan sekurang-kurangnya *portion* itu *airport tax*, dengan izin. Adalah tidak adil jika penumpang dikenakan *airport tax* walaupun mereka tidak pergi ke mana-mana.

Di bawah fokus kedua, memastikan kesejahteraan rakyat. Strategi 6 : Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan, Kesihatan dan Perlindungan Kebajikan Sosial. Saya mengalu-alukan peruntukan hampir RM29 bilion untuk perkhidmatan kesihatan. Akan tetapi, apa sudah terjadi kepada Hospital Umum Sri Aman yang belum siap dibina selepas 15 tahun dari tarikh pecah tanah.

Saya pernah sentuh perkara ini dua kali di Dewan yang mulia ini. Tahun lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan kerajaan yang lepas menyatakan di Dewan ini pembinaan akan siap hujung tahun 2018 dan di sidang Dewan ini pada bulan Ogos tahun ini, saya diberitahu secara bertulis pembinaan akan siap hujung tahun 2019. Kelmarin juga, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengatakan bahawa ia akan siap dibina pada tahun 2019 iaitu tahun depan. Akan tetapi, mengikut laporan dari tapak pembinaan nampaknya ia akan mengambil masa kurang lebih tiga tahun lagi baru siap iaitu pada tahun 2021.

Saya minta jaminan dari Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memastikan peruntukan yang cukup untuk projek yang bertaraf terbengkalai ini dan juga mohon Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberi jawapan yang benar berkaitan dengan bila hospital ini akan siap dan boleh diguna pakai. Orang Sri Aman sebegini lama sudah menunggu dan hospital yang sedia ada sekarang adalah dibina oleh kerajaan penjajahan *British* sebelum Peperangan Dunia Kedua, dengan izin, *before the Second World War*.

Berkaitan dengan isu yang sama. Kelmarin Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa 300 katil untuk pesakit berada di Hospital Petrajaya, Kuching. Setakat mana yang saya tahu, pembinaan hospital ini banyak bermasalah dan belum siap lagi. Saya minta penjelasan dari Kementerian Kesihatan atas kedudukan sebenar hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Bajet 2019. Bajet ini adalah bajet defisit atau defisit belanjawan pada kadar 3.4 peratus dan untuk 2018 tahun ini ialah defisit 3.7 percent. Jumlah keseluruhan RM314.5 bilion untuk semua dibandingkan dengan RM290 bilion pada tahun 2018. Dari jumlah keseluruhan RM314 bilion, RM260 bilion atau 82 percent adalah untuk perbelanjaan mengurus. Hanya RM54.7 bilion, atau 17.4 percent untuk pembangunan berbanding dengan RM44.9 bilion pada tahun 2017 dan RM54.9 bilion pada tahun 2018

adalah kurang lebih sama. Daripada RM54.7 bilion, Sarawak mendapatkan RM4.346 bilion, atau 7.94 percent dari jumlah bajet pembangunan.

Pada tahun 2018, Sarawak diperuntukkan RM4.336 bilion atau 9.42 percent. Secara jumlah peruntukan tahun 2019 adalah RM10 juta lebih daripada jumlah tahun 2018. Akan tetapi secara peratus adalah berkurangan 1.5 percent. Saya difahamkan melalui jawapan secara bertulis bahawa RM4.34 bilion untuk tahun 2019 termasuk peruntukan untuk Lebuhraya Pan Borneo. Jumlah untuk Lebuhraya Pan Borneo adalah RM1 bilion.

Untuk tahun ini, tahun 2018, peruntukan untuk Pan Borneo berada di luar bajet pembangunan untuk Sarawak. Ini menyebabkan peruntukan sebenar untuk pembangunan Sarawak bagi tahun 2019 banyak berkurangan jika dibandingkan dengan tahun 2018.

Masalah sekolah daif di Sarawak telah disentuh beberapa kali di persidangan kali ini dan Menteri-menteri sudah memberi jawapan. Pada tahun 2018, yakni tahun ini RM1 bilion telah diperuntukkan dan RM450 juta sudah dibelanjakan untuk membaik pulih 116 buah sekolah. Hanya saya mohon baki peruntukan RM1 bilion itu ialah berjumlah RM550 juta akan diserahkan kepada Kerajaan Sarawak pada tahun depan. Saya menimbulkan masalah ini sebab dalam Bajet 2019 hanya RM100 juta sahaja diperuntukkan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

#### 4.49 ptg.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. 20 minit.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan adanya masa yang diperuntukkan ini saya cuba untuk membangkitkan seberapa banyak... [Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menjimatkan masa. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat berucap dah berbahas tentang perkara yang sama, tidak payah ulanglah. Yang Berhormat Menteri akan jawab.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya hanya menyatakan di sini bahawa keseluruhan belanjawan ini sebanyak RM314.5 bilion telah dicadangkan untuk belanjawan kita masa tahun hadapan. Di mana kita ketahui seperti yang telah diterangkan RM259.8 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM54.7 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

**■1650**

Jadi telah disebutkan tadi oleh rakan saya bahawa negeri Sarawak diperuntukkan satu jumlah iaitu RM 4.346 bilion untuk perbelanjaan negeri Sarawak. Jadi timbul lah suara-suara yang menyatakan bahawa kalaulah kerajaan ini menyatakan bahawa mereka hendak melihat Sarawak Sabah sebagai satu *co-founders* di dalam negara Malaysia ini, maka kita harus melihat bagaimana pengagihan bajet ini sepatutnya dilihat sama rata di antara Wilayah Sarawak, wilayah Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Kalaulah RM54.7 bilion diperuntukkan untuk pembangunan, maka kalau tiga wilayah, Sarawak sepatutnya dapat RM 18.23 bilion. Kalau jumlah seperti itu diperuntukkan, maka saya yakin bahawa pembangunan di wilayah Sarawak dan Sabah boleh kita percepatkan.

Jadi inilah saya rasa perlu dilihat oleh kerajaan ini, kalau kita hendak menyatakan bahawa Malaysia ini terdiri daripada tiga wilayah iaitu Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia. Jadi sudah tentu peruntukan RM4.346 bilion ini tidak mencukupi.

Apatah lagi biasanya perbelanjaan Sarawak ialah apabila perbelanjaan pembangunan-perbelanjaan untuk Lebuhraya Pan Borneo adalah *on the top of* pembangunan yang diberi, maka tidak termasuk- Lebuhraya Pan Borneo tidak termasuk dengan peruntukan yang pernah diberi pada tahun-tahun yang lalu. Jadi adakah jumlah RM4.34 ini tidak termasuk peruntukan untuk Lebuhraya Pan Borneo.

Tuan Yang di-Pertua saya terus pergi kepada beberapa perkara yang saya meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberi penjelasan kepada geran yang ada kepada pihak berkuasa tempatan. Kalau di negara kita di Malaysia ini, kita mempunyai sebanyak 154 *local authorities* terdiri daripada Bandaraya, *Municipal Council* dan *Local Authorities*. Jadi dalam pemberian geran ini berbanding dengan tahun 2018 di mana RM306.64 juta telah diperuntukkan kepada *local authorities*. Akan tetapi, pada tahun ini, ianya telah berkurangan kepada RM303.64 juta untuk tahun 2019. Jadi berkurangan sebanyak RM64 juta.

Jadi pertanyaan saya ialah berapakah jumlah yang akan diagihkan kepada pihak berkuasa tempatan, kerajaan-kerajaan tempatan di negeri Sarawak?

Ini kerana kita memerlukan satu peruntukan yang lebih terutama sekali untuk kerajaan tempatan di Sarawak. Ini kerana kita tahu bahawa di negeri Sarawak semua- *every inch of the State of Sarawak, ada jurisdiction, are covered by the local authorities*. Ia mungkin tidak sama seperti *local authorities* di Semenanjung Malaysia ini. Akan tetapi, di Sarawak, semua, setiap *inch* tanah Negeri Sarawak hingga ke gunung pun adalah di bawah tadbir *local*

*authorities*. Maka itulah kita mengharapkan supaya kita diberi peruntukan yang lebih di dalam geran untuk pihak berkuasa tempatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang mana kita harus beri perhatian yang wajar kerana Kerajaan Persekutuan memberi jaminan kepada pinjaman PTPTN ini sebanyak sekarang ini ialah RM38.45 bilion-iaitu merangkumi lebih kurang hampir kepada 15 peratus jumlah jaminan hutang negara. Nilai jaminan ini memberi impak besar kepada pengurusan fiskal negara.

Justeru saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan. Bagaimanakah kerajaan menumpukan galakan agar setiap pelajar di peringkat sekolah rendah dibudayakan untuk menyimpan dalam tabungan Sijil Simpanan Tinggi Pendidikan Negara (SSPN)? Bagaimanakah kerajaan merangka fokus pelaburan dana SSPN agar pulangan dividen ke atas simpanan bersih SSPN dapat menarik minat pelabur dari golongan M40 dan juga T20?

Bagaimanakah kita hendak menarik lebih ramai golongan M40 dan T20 melalui SSPN dengan sepatutnya kita memberikan pelepasan cukai individu kepada simpanan-simpanan baharu iaitu kita naikkan kepada RM8,000. Hendaklah dikaji supaya tabungan ini boleh membantu Dana Boleh Pakai PTPTN dalam membiayai pelajar-pelajar IPT. Mesti kita ada satu strategi yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah berkenaan dengan masalah utama rakyat, terutama hendak memiliki rumah pertama. Ini adalah kerana harga yang mahal dan tumpuan belia dari desa ke bandar-bandar utama. Sekarang ini pengagihan penduduk di negara kita, seramai 75 percent penduduk negara kita tinggal di bandar-bandar, sementara 22 peratus masih berada di luar bandar. Ini menjadikan satu *distribution*- kependudukan di negara kita tidak seimbang. Maka terlalu padat jumlah penduduk kita di bandar dan 25 peratus masih tinggal di luar bandar. Yang 75 peratus ini yang di bandar, inilah yang banyak berhadapan dengan masalah. Masalah sosial, masalah perumahan, masalah pendidikan dan juga masalah mereka hendak mendapatkan pekerjaan.

Jadi bagaimana kita hendak mengatasi kekurangan atau kemampuan mereka untuk mendapatkan perumahan? Ada rumah-rumah dijual tetapi harga yang mahal. Tidak termampu oleh golongan ini untuk mendapatkan hak milik rumah. Oleh yang demikian, kerajaan mesti mencari kaedah, cara mana kita dapat mencari kawasan-kawasan yang di pinggiran bandar ataupun di luar bandar untuk kita membina rumah-rumah yang mungkin boleh menjadi mampu milik kepada mereka yang sedang menghuni kawasan-kawasan bandar pada masa ini.

Bagaimana kita hendak mencari kaedah untuk membangun balik kawasan-kawasan luar bandar supaya menjadi *attraction* ataupun dapat- *the pulling factor* kepada mereka yang dah duduk di bandar untuk balik ke luar bandar? Ini adalah satu masalah, satu dilema yang kita hadapi.

Oleh itu, kerajaan perlu mencari kaedah-kaedah untuk kita merangka Dasar Pembangunan Belia yang mana belia-belia harus kita cuba untuk tarikkan balik ke kampung, ke luar bandar dengan kaedah-kaedah seperti pembangunan usahawan, pembangunan pertanian dan sebagainya.

Oleh itu kita harus mencari kaedah yang terbaharu- bagaimana kita membangun balik luar bandar dan masyarakat kita yang pada masa ini yang berada di bandar dapat balik ke luar bandar. Mereka tidak akan balik luar bandar kalau tidak ada peluang pekerjaan, tidak ada peluang ekonomi dan tidak ada peluang keusahawanan. Apa pun mereka akan duduk di dalam bandar.

### ■1700

Satu perkara yang saya hendak tanya kepada kerajaan ini ialah di bawah belanjawan ini, adakah tidak kita membuat sekolah-sekolah baru. Saya fikir bahawa ada perlunya kita *review* balik dasar kita untuk membuka sekolah baru khususnya di bandar-bandar iaitu untuk kita membina sekolah berasrama penuh. Ini kerana inilah mungkin kita anggap sebagai satu perkara yang kita anggap sebagai *the starting point of the game changer*.

Kalau kita lihat program masyarakat kita yang kita letakkan sebagai golongan B40, mereka ini mungkin kalau tinggal di bandar-bandar, mereka tinggal di rumah *flat*, rumah yang kecil ataupun di tempat-tempat yang tidak begitu selesa untuk anak-anak kita dan anak-anak mereka mendapat pendidikan dan juga keselesaan hidup yang begitu baik. Ada kalanya mereka duduk di bandar, rumah mereka bilik tidur ada, mungkin ada walaupun tidak besar, tandas mungkin ada, ruang dapur mungkin ada, tempat makan mungkin ada tetapi ruang untuk mereka beristirahat. Mungkin sedikit tetapi di situ lah juga mereka berhadapan dengan masalah kalau hendak mengulang kaji pelajaran mereka di rumah khususnya di waktu malam ataupun di hujung minggu. Ini kerana di situ lah juga mereka menonton TV, di situ lah juga mereka bersempang dengan *family* dan sebagainya.

Jadi saya rasa kerajaan patut *review* dasarnya untuk membina sekolah-sekolah baru, sekolah-sekolah berasrama penuh. Bukan semestinya sekolah berasrama penuh hanya untuk anak-anak kita yang merupakan- anak-anak kita yang cerdik, bukan untuk *cream student*. Akan tetapi ialah untuk kita menempatkan anak-anak kita di bandar supaya mereka diletakkan

di asrama, dan mereka boleh mendapat kemudahan-kemudahan untuk belajar, makan dan minum mereka terjaga, riadah mereka diawasi dan sebagainya.

Jadi dalam hal ini saya rasa patut kerajaan *review* dasar bagaimana Kementerian Pendidikan boleh dibenarkan untuk membina sekolah-sekolah berasrama penuh di kawasan-kawasan bandar ataupun sedikit keluar daripada kawasan bandar supaya memberi peluang kepada anak-anak kita dan golongan B40 untuk mendapat kemudahan hidup di asrama dan juga supaya mereka boleh belajar dengan baik, mereka boleh mendapat makan minum yang terjaga, masa riadah yang diawasi dan sebagainya. Inilah saya rasa harus dilihat oleh kerajaan di dalam perkara ini.

Jadi satu perkara lagi ialah tentang sektor pelancongan. Sektor pelancongan saya melihat bahawa ianya merupakan satu sektor yang amat berpotensi untuk kita menjana pendapatan negara dan menggerakkan ekonomi kita. Jadi kita melihat sektor ini perlu diberi perhatian yang serius kepada perkara ini. Bagi kita di Sarawak, saya rasa keputusan kerajaan untuk membenarkan syarikat pengangkutan udara *AirAsia* untuk membuka laluan penerbangan daripada Kota Kinabalu ke Sibu, Kota Kinabalu ke Bintulu, dari Kuching ke Tawau adalah merupakan satu langkah yang kita alu-alukan.

Hanya kita harus berfikir juga, apakah syarikat penerbangan lain ada juga berminat untuk membuka laluan seperti ini. Ini kerana kita ketahui bahawa Kota Kinabalu merupakan *the gateway* kepada pelancong-pelancong dari negara China, Jepun, Korea dan Taiwan untuk masuk ke negara kita Malaysia.

Saya rasa di Kota Kinabalu dalam sehari sahaja berpuluh-puluh penerbangan masuk untuk membawa pelancong-pelancong ini. Kita harap dengan kemasukan mereka di Kota Kinabalu akan boleh membawa pelancong-pelancong ke Sibu, ke Bintulu dan seterusnya ke Bandar Kuching. Jadi inilah harapan kita di dalam sektor ini.

Akan tetapi yang saya masih bertanya juga ialah sejauh manakah hasil kutipan kita dalam Akta Pelancongan tahun 2017 yang mana Kerajaan Persekutuan berjanji dan membuat keputusan bahawa tiap-tiap negeri akan diberi 50 peratus daripada hasil kutipan. Sejauh manakah kutipan ini telah diserahkan balik kepada negeri-negeri kerana saya difahamkan bahawa negeri Sarawak belum lagi menerima hasil bahagian daripada cukai pelancongan yang dikutip di bawah Akta Pelancongan 2017.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa satu perkara lagi ialah saya pohon Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Pertahanan. Bagi Kementerian Dalam Negeri ialah mereka adalah bertanggungjawab kepada Agensi Maritim Malaysia dan juga Kementerian

Pertahanan adalah bertanggungjawab tentang hal-hal ketenteraan iaitu Tentera Laut Diraja Malaysia.

Apa yang saya mohon ialah supaya kedua-dua agensi ini, APMM di bawah Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Pertahanan untuk melakukan lebih kerap rondaan kepada Gugusan Beting Patinggi Ali yang letaknya di dalam *Malaysia Economic Zone* iaitu di Perairan Wilayah Sarawak, di dalam *Sarawak Waters* supaya ianya melindungi tempat-tempat ini kerana kerajaan Sarawak telah mengisytiharkan bahawa Beting Patinggi Ali ini sebagai taman negara Marin yang terbesar di Malaysia. Jadi perlulah dilindungi oleh kedua-dua agensi tersebut berkenaan dengan keselamatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sentuh di sini ialah berkenaan dengan TH Hotel Sarawak Sdn. Berhad iaitu sebuah hotel, bilik TH Hotel and Pusat Konvensyen Sarawak. Ini hotel Tabung Haji dan Pusat konvensyen Sarawak yang mana hotel ini telah pun siap dan telah mengambil pekerja-pekerja.

Akan tetapi apa yang berlaku ialah, saya baca surat di sini ialah bahawa surat ini ditujukan kepada pekerja-pekerja yang telah diambil bekerja oleh TH Hotel Sarawak Sdn. Bhd. Surat ini berbunyi begini, *“Keputusan pemberhentian kontrak perkhidmatan dilakukan oleh pihak syarikat ini selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Tabung Haji (TH) untuk menjual TH Hotel and Convention Centre Sarawak, Pusat Konvensyen Sarawak melalui mesyuarat Lembaga Tabung Haji pada bulan November yang lalu. Sebelum ini pihak syarikat menjangkakan TH Hotel dan Pusat Konvensyen Sarawak boleh mula beroperasi pada September 2018 seperti yang terkandung di dalam buku panduan anggota ibu pejabat/hotel. Pihak syarikat dengan ini memberikan notis bertulis selama tiga bulan untuk memaklumkan berkenaan pemberhentian kontrak pekerjaan ini.”*

Apa saya hendak sentuhkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah soal Tabung Haji hendak menjual hotel ini tidak jadi beroperasi, itu adalah keputusan mereka.

#### ■1710

Akan tetapi saya berpendapat bahawa soal mereka hendak menghentikan pekerja-pekerja yang telah diambil kerana ada mereka yang telah pun berhenti, *resign* daripada kerja lama yang mereka ada. Akan tetapi semata-mata untuk *joint*, untuk berkhidmat di Hotel Tabung Haji ini di Sarawak. Mereka berasa begitu kesal sekali kerana kerja yang lama mereka berhenti hendak masuk kerja sini. Tiba-tiba kerja sini pun mereka diberi notis ataupun arahan untuk berhenti. Itu adalah masalah pengurusan.

Akan tetapi apa yang saya hendak nyatakan di sini ialah bahawa Hotel Tabung Haji ini begitu lama ditunggu oleh rakyat Sarawak khususnya masyarakat Islam di negeri Sarawak. Begitu lama menunggunya. Akan tetapi bila sudah siap, tidak dapat beroperasi dan lagi, keputusan ialah untuk menjualnya. Jadi apa saya hendak minta di sini pada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab tentang Tabung Haji supaya sekiranya Hotel ini tidak dijualkan.

Saya minta pihak Tabung Haji, pihak Menteri berunding dahulu dengan Kerajaan Negeri Sarawak khususnya dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak untuk memberi peluang kepada agensi-agensi Islam ataupun Kerajaan Negeri Sarawak sekiranya mereka dapat merundingkan untuk memindah milik dengan harga-harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak supaya hotel ini dapat dipertahankan. Dipertahankan khususnya akan menjadi milik agensi-agensi Islam di Sarawak. Oleh kerana saya rasa inilah merupakan satu bangunan, satu kompleks haji yang ditunggu-tunggu kerana semua tempat sudah ada kompleks kaji. Sarawak nampaknya yang ditunggu itu tidak tiba. Sudah tiba pun hendak jadi milik orang lagi.

Jadi saya harap berilah peluang kepada kerajaan Sarawak khususnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan juga agensi-agensi Islam yang lain untuk berunding bagaimana kalau boleh. Pandangan saya ialah kompleks ini, pusat konvensyen ini terus dimiliki oleh pihak yang mempunyai identiti Islam supaya ini merupakan- boleh saya katakan *is our pride* untuk mendapat bangunan seperti ini. Akan tetapi sudah dapat, sudah siap, tidak jadi hendak beroperasi. Tiba-tiba hendak dijual mungkin secara *open tender* dan sebagainya. Jadi saya rasa kalau tidak di *open tender* sekalipun berilah peluang kepada pihak-pihak di Sarawak untuk mendapat peluang untuk berunding sekiranya kompleks ini boleh terus dimiliki oleh satu entiti Sarawak dan juga entiti Islam.

Jadi saya rasa inilah sahaja yang hendak saya sentuh dalam masa yang singkat ini. Saya berharap bajet ini akan terus berjalan dengan baik. Akan tetapi yang pentingnya adalah kita muhlihat bahawa yang kita urus RM259.8 bilion ini, belanja mengurus boleh diurus dengan sebaik-baiknya dan juga perbelanjaan pembangunan sebanyak RM54.7 bilion boleh diurus dengan sebaik-baiknya. Saya rasa kerajaan harus menubuhkan satu jawatankuasa bagi memantau pelaksanaan bajet ini dan juga melihat supaya tidak ada ketirisan, supaya ia berjalan dengan baik dan boleh kita capai sepenuhnya apa yang kita peruntukan daripada wang ini.

Kita tidak mahu daripada pengalaman kita daripada belanjawan yang lalu kita lihat bahawa ada kalanya kita hanya belajar 60 peratus ataupun 70 peratus wang diperuntukkan. Selebihnya kita tidak boleh membelanjakan atas sebab tertentu yang tidak boleh kita abaikan, perkara-perkara yang menyebabkan kita tidak dapat belanja dengan 100 peratus seperti mana belanjawan yang lepas. Jadi dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong belanjawan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Sambanthan a/l Manickam.

### **5.15 ptg.**

**Datuk Sambanthan a/l Manickam:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana telah memberikan saya peluang untuk berbahas berkenaan Belanjawan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng Menteri Kewangan pada 2 November 2018.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2019 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada minggu pertama bulan November dilihat tidak memberi penekanan yang serius terhadap pengurusan agenda pembangunan sosial ekonomi terutama masyarakat India di Malaysia. Dalam pembentangan tersebut, Menteri Kewangan hanya mengumumkan dua perkara khususnya yang melibatkan kepentingan pembangunan kaum iaitu peruntukan sebanyak RM50 juta untuk sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan RM100 juta pula bagi menyokong komuniti India.

Dua perkara yang diumumkan itu adalah inisiatif yang sudah dilakukan sebelum ini semasa era pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional. Di bawah pentadbiran mantan Perdana Menteri Malaysia Yang Berhormat Dato' Sri Najib bin Tun Abd Razak. Akan tetapi inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan khas untuk kaum India oleh Kerajaan BN tidak diteruskan lagi oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Antaranya peruntukan RM50 juta untuk Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga atau TEKUN Nasional bagi membantu RM35 ribu usahawan kaum India, diperkenal untuk tambahan dalam Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) yang bernilai RM1.5 million.

Bukan itu sahaja, inisiatif kadar penetapan pengambilan tujuh peratus pelajar kaum India untuk universiti awam dan perkhidmatan awam serta kuota khas 1,500 orang ke politeknik dan 2,200 orang ke program matrikulasi juga tidak dapat dilaksanakan oleh kerajaan Pakatan Harapan. Kesemua institut tersebut adalah sebahagian daripada *Malaysian Indian*

*Blueprint*, dengan izin, atau lebih dikenali sebagai MIB yang telah diperkenalkan oleh kerajaan terdahulu dan ia dijanjikan untuk diteruskan Menteri berkaitan.

Namun, ia tidak dibentangkan dalam Belanjawan 2019. Sebagai sebuah kerajaan yang mendapat kepercayaan daripada majoriti kaum India, Kerajaan Pakatan Harapan perlu membantu kaum tersebut yang telah mengundi. Jikalau Kerajaan BN boleh meluluskan peruntukan untuk membaik pulih kuil Hindu, membina sekolah Tamil yang baharu dan sebagainya. Takkallah Kerajaan Pakatan Harapan tidak boleh buat? Jangan jadikan hutang negara sebagai alasan untuk mengurangkan bantuan rakyat yang telah di kendali oleh mantan Perdana Menteri Malaysia.

Kita fahami bahawa kerajaan bertungkus-lumus untuk mengurangkan beban hutang negara. Namun kita perlu tahu, kebijakan rakyat harus diutamakan. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa penglibatan golongan India dalam isu berkaitan jenayah masih lagi tinggi di negara.

#### ■1720

Salah satu caranya adalah membawa golongan belia ini menceburkan diri dalam sektor usahawan atau perniagaan. Oleh itu, satu peruntukan khas perlu disediakan kepada golongan ini tetapi malangnya insentif-insentif yang dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan terhadap masyarakat India menjadi tanda tanya malah tiada juga sebarang jawatankuasa khas ditubuhkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam membantu taraf kehidupan dan keperluan harian masyarakat India tergolong dalam bulatan B40.

Saya juga telah hilang keyakinan terhadap pembangunan pendidikan negara kerana janji bagi membayar semula PTPTN lain, yang diumumkan lain. Pada Dewan yang mulia, saya hendak bertanya di sini berapa kali Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan telah melawat Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil seperti yang selalu dilawat oleh Mantan Perdana Menteri lalu. Kekerapan turun padang dan melawat sekolah Tamil akan memberikan satu reka bentuk dalam penyelesaian masalah dihadapi oleh pihak sekolah.

Isu yang saya ingin memberikan penekanan di sini ialah pengambilan kaum India terutama dalam graduan untuk memasuki sektor awam. Perkara ini tidak disebut atau dibentangkan dalam Belanjawan 2019. Ia merupakan perkara yang sangat penting terutamanya golongan belia India yang mempunyai kebolehan dan potensi dalam peningkatan taraf kehidupan mereka. Akan tetapi ada setengah pengarah syarikat menggunakan kuasa mereka dalam memilih dan mengambil pekerja. Di sini saya ingin menyatakan beberapa

setaraf satu kes di mana terdapat anak-anak pengarah suatu jabatan dengan mudah mendapatkan jawatan sebagai Penerbit Rancangan B41.

Walaupun mereka gagal dalam ujian di peringkat awal, bagaimana perkara ini boleh berlaku? Di manakah ketelusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dalam melihat pekerja-pekerja yang berkelayakan dalam memenuhi jawatan yang kosong. Dalam hal ini, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) harus melihat perkara ini kerana saya telah menerima aduan daripada kakitangan jabatan berkenaan.

Di Dewan yang mulia ini juga saya ingin menyentuh tentang isu perpaduan negara yang kini di tahap yang membimbangkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kita dapat melihat banyak isu-isu yang berkaitan dengan perkauman dan sensitiviti agama yang dibangkitkan oleh para *netizen* di Malaysia.

Sebagai contoh sekiranya kerajaan menerima ICERD maka ia adalah tindakan yang kurang disenangi oleh rakyat Malaysia. Walaupun saya seorang berbangsa India, saya tidak akan memberikan 100 peratus sokongan terhadap ICERD. Sebagai seorang rakyat Malaysia, kita perlu berpijak di bumi yang nyata. Kita sudah lama hidup dengan aman dan damai. Oleh hal yang demikian, hak bagi sesuatu kaum tidak harus dipersoalkan dalam hal ini. Kerajaan Pakatan Harapan harus memandang perkara ini dengan serius agar peristiwa 13 Mei tidak berlaku di negara kita. Kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy perlu ada satu kajian teliti dan mengambil kira cadangan serta pandangan orang awam. Kita tidak perlu menjadi hero dengan menggadaikan agama dan keamanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia Baharu perlu mempunyai harapan yang baharu tetapi jangan merosakkan harapan rakyat yang telah mengundi untuk mendapatkan muka baharu dalam pentadbiran negara. Begitu juga dengan kekecewaan rakyat apabila dijanjikan semasa Manifesto PRU14 tidak dapat ditunaikan. Untuk makluman Ahli-ahli di Dewan, ramai kaum India yang mengundi kepada Kerajaan Pakatan Harapan kononnya mahu melakukan perubahan tetapi tidak mendapat sebarang bantuan ataupun insentif.

Saya sebagai Presiden Parti IBF menerima hampir 500 permohonan bantuan dan aduan sekiranya kerajaan baharu benar-benar prihatin terhadap keluhan rakyat, saya tidak akan menerima sebarang aduan sedemikian. Kaum India masih perlukan sokongan dan kerajaan dari segi aspek pendidikan, keusahawanan dan peningkatan taraf hidup.

Dalam Kerajaan Pakatan Harapan, mereka mempunyai empat orang Menteri daripada kaum India tetapi kami tidak gembira dengan prestasi segelintir Menteri yang tidak

menonjolkan sepenuh komitmen terhadap perjuangan untuk kaum India malah ada yang cuba merosakkan perpaduan negara.

Kepada Ahli Parlimen kaum India yang ada, jangan jadi pak turut. Bertindak dengan bersuara sekiranya hak kaum India tidak dilayan oleh kerajaan dengan sewajarnya. Kepada Menteri Kewangan Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, saya ingin menegaskan di sini, dia dikatakan tidur di Dewan Rakyat ketika Ahli Dewan Barisan Nasional berbahas isu Belanjawan 2019. Akan tetapi nasihat saya adalah jangan tidur selama-lamanya kerana rakyat sedang memerhati setiap gerak geri yang kita sedang diperhatikan.

Sebelum akhir, saya ingin membuat pantun kepada Tuan Yang di-Pertua,

*Layang-layang terbangnya tinggi;  
Tali putus terkena gores;  
Harga barang melambung tinggi;  
Masyarakat bawah menjadi stres... [Dewan tepuk]*

Akhir sekali saya menamatkan perbahasan dengan tidak menyokong Belanjawan 2019 yang jelas tiada sebarang isu yang terperinci bagi faedah dan peruntukan untuk membangunkan kaum India. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima Kasih Yang Berhormat. Kalau tidak sokong bajet nanti tidak dapat gaji Yang Berhormat... *[Dewan ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, ini berkenaan dengan Menteri-menteri ini saranan bolehlah tetapi yang daripada segi- kita ini Dewan kita ini aman, kita lebih *more*, dengan izin, *more wise*.

So, kalau hendak ejek Menteri itu tidur semua, tidak payahlah dekat Dewan ini. Kalau Kementerian Kewangan tidak adupun sini tetapi dia dapat jawab. So, saya tidak hendak kita mulakan perperangan di antara Yang Berhormat. Tadi saya nampak dalam TV, perbahasan sudah jadi debat di antara Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Saya tidak hendaklah begitu kalau boleh.

Perbahasan ini adalah ditujukan kepada kementerian dan saya percaya bahawa Menteri Kewangan adalah seorang yang pandai untuk menjawab dan beliau boleh menjawab so tidak payahlah kita gaduh-gaduh.

Silakan Yang Berhormat Tuan Adrian Lasimbang. Yang Berhormat ada sini. Alamat.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Satu minit *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa minit? Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh habis dalam 15 minit tidak?

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Wah *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak boleh Yang Berhormat duduk- fasal kita boleh sambung esok. Fasal saya kuasa saya adalah 15 minit daripada *time*- tempoh. So saya ingat baik esok sahajalah Yang Berhormat.

Tadi Yang Berhormat Datuk Lee Tian Sing, terlepaslah Yang Berhormat... *[Dewan ketawa]* Saya ingat saya pun sudah letih, penat ini Yang Berhormat. Tidak mengapalah Yang Berhormat, esok sahaja lah ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 5.30 petang. Oleh kerana itu Dewan ditangguhkan sehingga 10 pagi, hari Rabu, 12 Disember 2018.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]***